

KELAS KHAS KEMAHIRAN AL-QUR’AN (KKQ):  
KAJIAN KAEDAH PELAKSANAAN DAN  
KEBERKESANANNYA DI SEKOLAH-SEKOLAH  
MENENGAH (SMK) DI DAERAH  
GOMBAK, SELANGOR

EADIL BIN MAT

JABATAN AL-QUR’AN DAN AL-HADITH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2010

KELAS KHAS KEMAHIRAN AL-QUR’AN (KKQ):  
KAJIAN KAEDAH PELAKSANAAN DAN  
KEBERKESANANNYA DI SEKOLAH-SEKOLAH  
MENENGAH (SMK) DI DAERAH  
GOMBAK, SELANGOR

EADIL BIN MAT

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA USULUDDIN  
BAHAGIAN II  
(SECARA BERKURSUS DAN DISERTASI)

JABATAN AL-QUR’AN DAN AL-HADITH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2010

**UNIVERSITI MALAYA**

**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama : **EADIL BIN MAT**

(No. K.P/Pasport: **670524-02-5747**)

No. Pendaftaran/Matrik : **IGB 040036**

Nama Ijazah: **SARJANA USULUDDIN**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis("Hasil Kerja ini"):

**KELAS KHAS KEMAHIRAN AL-QUR'AN (KKQ): KAJIAN KAEDEH PELAKSANAAN DAN KEBERKESANANNYA DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH (SMK) DI DAERAH GOMBAK, SELANGOR.**

Bidang Penyelidikan : **BIDANG AL-QUR'AN**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabinya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh: **24.2.2010**

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Nama:  
Jawatan:

Prof. Madya Dr. Mustaffa Abdullah  
Yordia Jabatan al-Qur'an & al-Hadith  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur

Tarikh: **24 / 2 / 2010**

## **ABSTRAK**

**EADIL BIN MAT (IGB 040036) : KELAS KHAS KEMAHIRAN AL-QUR’AN (KKQ). KAJIAN KAEDAH PELAKSANAAN DAN KEBERKESANAANNYA DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN (SMK) DI DAERAH GOMBAK, SELANGOR**

Kajian ini bertujuan untuk melihat kaedah pelaksanaan Kelas Khas Kemahiran al-Qur'an yang diamalkan di sekolah serta keberkesanaannya. Kajian ini telah dijalankan ditiga buah sekolah menengah kebangsaan di Zon Gombak Barat, daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan. Seramai 70 orang pelajar tingkatan dua dan tiga orang guru yang mengajar kelas KKQ terlibat dalam kajian ini. Apakah faktor latar belakang pelajar, guru yang mengajar, kesungguhan pihak berkaitan serta permasalahan yang timbul memberi kesan kepada pengajaran dan pembelajaran guru di dalam kelas. Alat ukuran yang digunakan ialah soal selidik, ujian pencapaian dan temubual. Data-data dianalisis melalui program analisis data Program Sistem Statistik Pukal Sains Sosial (Statistical Package For The Social Sciences / SPSS), yang menggunakan statistik diskriptif dan infrensi seperti frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai. Dapatan kajian menemukan bahawa pelaksanaan kelas KKQ di sekolah bermula dengan inisiatif dari pentadbir sekolah, guru dan pelajar sememangnya meminati subjek al-Qur'an, permasalahan yang timbul boleh diatasi dan ini tidak memberi kesan negatif kepada pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Hasil kajian ini perlu diambil berat oleh pihak berkaitan agar kelas ini dapat berjalan dengan lebih baik, lebih menarik minat pelajar dan ibu bapa serta dapat melahirkan insan yang kamil selari dengan Falsafah Pendidikan Negara.

## **ABSTRACT**

EADIL BIN MAT (IGB 040036): SPECIAL COURSE OF QURANIC SKILLS: ITS METHOD OF APPLICATION AND ITS EFFECTIVENESS AT SECONDARY SCHOOL OF GOMBAK DISTRICT, SELANGOR.

This research is mainly to focus on the methods of the implementation of Special Course of Quranic which being conducted in school and its effectiveness. This study has been conducted in three schools in the Gombak West Zone in the district of Gombak, Selangor. There were 70 students from form 2 and 3 teachers who teach the Special Course involved in this research. It is to determine whether the students' background, teacher, the efforts of related parties and also the problems arise that effect the teaching and learning of the teachers in the class. The measuring tools that used were survey, performance test and interviews. All the data are analyzed using the Analysis Programme of Statistical Package For The Social Sciences ( SPSS ) that used descriptives statistic and inference such as frequency, percentage, min and differential. The outcome of the research shows The Special Course started in school based on the initiative of the school administration, teachers and students who were interested in the al-Quran subject, all the problems arised can be solved and did not give any negative impact on the teaching and learning in the class. All the outcomes of the research should be considered by all the involving parties so that this class can be conducted in a better way, more interesting to the parents and to produce a wholesome individual in accordance to the National Education Philosophy

## **PENGHARGAAN**

Al-Hamdulillah bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan taufiq dan hidayah serta keizinan dariNya, maka dapat saya menyiapkan Disertasi ini bagi memenuhi syarat untuk memperolehi Ijazah Sarjana Usuluddin. Dikesempatan ini ingin saya merakamkan ucapan jutaaan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu saya sama ada secara langsung atau tidak dalam usaha menyiapkan Disertasi ini. Ucapan terima kasih buat penyelia saya, Prof Madya Dr Mustafa bin Abdullah atas bimbingan dan tunjuk ajar dengan penuh sabar sehingga siap Disertasi ini. Tidak dilupakan juga buat semua pensyarah dan kakitangan di Jabatan al-Qur'an dan al-Hadis, Akademi Pengajian Islam. Ucapan terima kasih juga kepada Ustaz Mohd.Norhisam bin Ahmad, Ketua Unit Dakwah dan Kepimpinan, Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pelajaran Negeri Selangor. Ustaz Umar bin Mohamaed, Ketua Unit Pendidikan Islam, Pejabat Pelajaran Daerah Gombak, guru-guru KKQ Ustaz Nizam Abdul Hamid, Ustaz Mohamad Amin, Ustazah Norazimah dan Ustazah Marhida yang telah memberi maklumat yang sangat berguna dalam kajian saya. Teman-teman seperjuangan yang banyak membantu dalam mencari bahan, memberi idea dan komen-komen serta perangsang sehingga berjaya.

Eadil bin Mat  
No. 106, Jalan 8/5  
Bandar Tasik Puteri,  
48020 Rawang, Selangor

23 Februari 2010  
12 Rabiul Awwal 1431

## **DEDIKASI**

Istimewa

buat isteri tersayang.....Siti Mutiah bt Sarham

anak-anak tercinta .....Mohamad Irfan Fahmi, Muhammad Ilmam Hafi,

Iffah Nur Hani, Muhammad Ijlal Sidqi, Muhammad Ihsan Wajdi

yang sentiasa memberi semangat dan dorongan

buat daku menulis sehingga selesai.

Emak dan ayah

di kampung yang sentiasa mendoakan

kejayaan dan kebahagiaan

anaknya.

Jasa

dan pengorbanan

anda semua hanya

Allah jua yang layak membalaunya.

## DAFTAR ISI

KANDUNGAN	MUKA SURAT
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>DEDIKASI</b>	iv
<b>DAFTAR ISI</b>	v
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	x
<b>TRANSLITERASI</b>	xi
<b>SENARAI SINGKATAN KATA</b>	xiii
<b>PENDAHULUAN</b>	
1.1    Pengenalan	1
1.2    Latar belakang masalah	3
1.3    Pernyataan masalah	4
1.4    Objektif	5
1.5    Kepentingan kajian	5
1.6    Skop kajian	6
1.7    Definisi tajuk	7
1.8    Kajian Literatur	8
1.9    Metodologi kajian	12
a.    Metode kajian	12
b.    Sumber data	13
c.    Prosedur kajian	15
d.    Metode analisis	18
1.10    Kesimpulan	18

**BAB 1 :DASAR KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA (KPM) TERHADAP  
MATA PELAJARAN AL-QUR’AN DAN SEJARAH PELAKSANAAN KKQ  
DI SEKOLAH.**

1.0	Pendahuluan	19
1.1	Dasar Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) terhadap mata pelajaran al-Qur'an.	19
1	Akta Pelajaran 1961 dan Akta Pendidikan 1966	19
2	Falsafah Pendidikan Negara (FPN)	22
3.	Falsafah Pendidikan Islam (FPI)	24
1.2	Sejarah dan latar Belakang KKQ	26
1.3	Status Kelas Khas Kemahiran Al-Qur'an	26
1.4	Peperiksaan dan Pensijilan	27
1.5	Jadual Waktu	28
1.6	Status Murid	29
1.7	Pengurusan Panitia	29
1.8	Status Guru Kelas Khas Kemahiran Al-Qur'an	30
1.9	Harapan pihak KPM dengan Penubuhan Kelas KKQ	31
1.10	Sukatan Pelajaran	32
1.11	Kesimpulan	40

**BAB 2 : LOKASI KAJIAN**

2.0	Pendahuluan	39
2.1	Sekolah-Sekolah Menengah (SMK) di daerah Gombak	39
2.2	Sekolah-Sekolah Menengah (SMK) Yang Mempunyai Kelas KKQ	41
2.3	Sekolah Yang dijadikan Sampel Kajian Serta Rasionalnya	41

2.4 Latar Belakang Sekolah Yang Dikaji	42
1. SMK Bandar Tasik Puteri	42
2. SMK Seri Kundang	43
3. SMK Bukit Rahman Putra	45
Kesimpulan	47

**BAB 3: KAEDEAH PELAKSANAAN KELAS KHAS KEMAHIRAN AL-QUR'AN  
DI SEKOLAH**

3.0 Pendahuluan	48
3.1 Kaedah penubuhan kelas KKQ	48
1. Pemilihan pelajar.	49
2. Penempatan guru KKQ	50
3. Penilaian Pelajar KKQ	50
4. Pemantauan	51
3.2 Kaedah pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran guru di kelas KKQ	52
1. Gerak kerja berkumpulan	53
2. Perbincangan	53
3. Mendengar rakaman	54
4. Soal jawab lisan	54
5. Talaqqi musyafahah	55
6. Mencari bahan di internet / perpustakaan	55
7. Tunjukcara	56
8. Lawatan	56
9. Latihtubi	57
10. Hafazan	57

11. Bimbingan rakan sebaya/guru	58
12. Kuiz	58
13. Peta Minda	58
14. Tasmi'	59
Kesimpulan	59

#### **BAB 4: ANALISIS DATA**

4.0 Pendahuluan	63
4.1 Analisa Data dan Dapatan Kajian	64
1. Latar belakang responden	64
i. Responden pelajar	64
ii. Responden guru	70
4.2 Mengkaji dan menyelidik tahap penguasaan al-Qur'an dikalangan pelajar	
Kelas Khas Kemahiran al-Qur'an	73
4.3 Mengkaji dan menyelidik kaedah pelaksanaan KKQ di sekolah	78
4.4 Mengkaji dan menyelidik keberkesanan pengajaran dan pembelajaran	
di kelas KKQ	83
4.5 Mengkaji dan menyelidik masalah pelaksanaan kelas KKQ di sekolah	89
4.8 Kesimpulan	92
1. Keupayaan responden dalam menguasai al-Qur'an	92
2. Pelaksanaan Kelas Khas Kemahiran al-Qur'an di sekolah	92
3. Tahap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran guru	93
4. Masalah pengajaran dan pembelajaran di Kelas Khas	
kemahiran al-Qur'an.	93

## **BAB 5 : RUMUSAN DAN CADANGAN**

5.0 Pendahuluan	94
5.1 Ringkasan kajian	94
5.2 Rumusan hasil kajian	95
1. Keupayaan pelajar dalam menguasai al-Qur'an	95
2. Pelaksanaan Kelas Khas Kemahiran al-Qur'an di sekolah	96
3. Tahap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran guru	96
4. Masalah pengajaran dan pembelajaran di Kelas Khas	97
Kemahiran al-Qur'an.	113
5.3 Implikasi kajian	98
5.4 Cadangan Umum	99
1. Jabatan Pelajaran Negeri dan Kementerian Pelajaran Malaysia	99
2. Pihak Pentadbir Sekolah	100
3. Guru Kelas Khas Kemahiran Al-Quran	100
4. Pelajar yang mengikuti kelas Kemahiran Al-Quran (KKQ).	101
5.5 Cadangan Kajian Lanjut	101
5.6 Kesimpulan	102
 BIBLIOGRAFI	104

## SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK LAMPIRAN
1. LAMPIRAN A	: Surat Kelulusan Tajuk Dari Universiti Malaya
2. LAMPIRAN B	: Surat Kebenaran Menjalankan Kajian dari EPRD.
3. LAMPIRAN C	: Surat Kebenaran Menjalankan Kajian dari JPNS
4. LAMPIRAN D	: Borang Soalselidik. Guru
5. LAMPIRAN E	: Borang Soalselidik Pelajar
6. LAMPIRAN F	: Soalan Ujian Pencapaian Kelas Kemahiran Al-Quran.
7. LAMPIRAN G	: Surat Kebenaran Masuk ke sekolah
8. LAMPIRAN H	: Pengakuan Membuat Kajian
10. LAMPIRAN I	: Borang Permohonan Untuk Kelas KAA
11. LAMPIRAN J	: Senarai nama sekolah yang mempunyai kelas KAA
12. LAMPIRAN K	: Falsafah Pendidikan Negara Falsafah Pendidikan Islam
13. LAMPIRAN L	: Akta Pelajaran 1961 Akta Pendidikan 1996

## TRANSLITERASI

Transliterasi huruf Rumi ini berpandukan kepada Buku Panduan Penulisan Tesis / Disertasi Ijazah Tinggi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,Kuala Lumpur, h. 29 - 32.

a. Konsonan:

Konsonan			
Huruf Arab	Namadan Transkripsi	HurufArab	Nama dan Transkripsi
ا	a, ‘ (Hamzah)	ط	T
ب	b	ظ	Z
ت	t	ع	‘
ث	th	غ	Gh
ج	j	ف	F
ح	h	ق	Q
خ	kh	ك	K
د	d	ل	L
ذ	dh	م	M
ر	r	ن	N
ز	z	ه	H
س	s	و	W
ش	sh	ي	Y
ص	s	ة	H
ض	d		

b. Vokal

Vokal pendek	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
_ (Fathah)	a	قَنْتٌ	Qanata
__ (Kasrah)	i	سَلَمٌ	Salima
_. (Dammah)	u	جَعْلٌ	ju'ila

Vokal panjang	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ا / ي	a	كَبِيرٌ / بَابٌ	bab / kubra
ي	i	وَكِيلٌ	Wakil
و	u	سُورَةٌ	Surah

c. Diftong

Diftong	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
و _	aw	قُولٌ	Qawl
ي _	ay	خَيْرٌ	Khayr
و _	uww	فَوَهٌ	Quwwah
ي _	iy/i	عَرَبِيٌّ	'Arabiyy/i

## **SENARAI SINGKATAN KATA**

Abd.	- Abdul
‘A.S	- ‘Alaihi Al-Salam
Bil.	- Bilangan
Cet	- Cetakan
Dr.	- Doktor
Ed.	- Edisi
Edit	- Editor
H.	- Halaman
Hj.	- Haji
Ibid	- Ibidem
Jil.	- Jilid
Kg.	- Kampung
Op.cit	- Opera Citato
Prof	- Profesor
S.W.T	- Subhanahu wa Taala
S.A.W	- Sallallahu alaihi wa sallam
Ter.	- Terjemahan
T.t	- Tanpa tahun
T.p	- Tanpa tempat
T.c	- Tanpa Penerbit
Vol.	- Volume
GPI	- Guru Pendidikan Islam

JAPIM	- Jabatan Pendidikan Islam dan Moral
JPN	- Jabatan Pelajaran Negeri
CAA	- Kelas Aliran Agama
KKQ	- Kelas Khas Kemahiran Al-Qur'an
KPM	- Kementerian Pelajaran Malaysia
PPD	- Pejabat Pelajaran Daerah
SMK	- Sekolah Menengah Kebangsaan
SMKA	- Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SPI	- Sektor Pendidikan Islam

# PENDAHULUAN

**PENDAHULUAN**

## Pengenalan

الْمَدْ ١ ذَلِكَ الْكِتَبُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ٢ الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ  
بِالْغَيْبِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ ٣ وَالَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِمَا أُنْزِلَ  
إِلَيْكَ وَمَا أُنْزِلَ مِنْ قَبْلِكَ وَبِالْآخِرَةِ هُمْ يُوقِنُونَ ٤ أُولَئِكَ عَلَى هُدًى مِّنْ  
رَّبِّهِمْ ٥ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Maksudnya:

"Alif, Lam, Mim, Kitab itu tiada diragukan, menjadi pemimpin untuk orang-orang yang memelihara dirinya dari kejahatan. Orang-orang yang beriman (percaya) kepada yang ghaib, tetap mengerjakan sembahyang dan menafkahkan (membelanjakan dijalan kebaikan ) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka. Dan orang-orang yang beriman kepada wahyu yang diturunkan kepada engkau (Muhammad) dan wahyu yang telah diturunkan sebelum engkau dan mereka yakin akan adanya hari akhirat. Itulah orang-orang yang mengikut pimpinan Tuhan dan itulah orang-orang yang berbahagia (beruntung)

al-Baqarah (2) : 1-5

Al-Qur'an merupakan kitab suci bagi umat Islam. Seolah-seolah menjadi suatu kewajipan dimana setiap rumah umat Islam mesti ada kitab suci ini sama ada ianya dibaca atau tidak dan ianya dijaga, dihormati dan diletakkan di tempat yang mulia. Penghormatan ini adakah menggambarkan fenomena yang sebenarnya dimana semua umat Islam boleh membaca al-Qur'an, memahami isi kandungannya apatah lagi segala yang berkaitan dengannya seperti sejarah penurunan, pembukuan, bentuk-bentuk bacaan dan sebagainya. Umumnya ramai yang memperkatakan tentang tahap kebolehan membaca al-Qur'an dikalangan umat Islam sangat merisaukan. Jutaan ringgit telah dibelanjakan oleh kerajaan setiap tahun untuk membasmikan buta al-Qur'an melalui program Pafa, Kafa dan lain-lain lagi. Kelas-kelas al-Qur'an tumbuh bagaikan cendawan pada musim hujan. Ibu bapa juga

tidak keberatan membayar puluhan, malah ratusan ringgit untuk memastikan anak-anak mereka celik al-Qur'an Malangnya fenomena ini masih gagal untuk ditangani. Guru-guru disekolah rendah dan menengah pula pening kepala memikirkan pengendalian kelas-kelas pemulihan al-Qur'an terhadap puluhan pelajar yang langsung tidak dapat membaca al-Qur'an.<sup>1</sup>

Banyak kaedah-kaedah "mudah membaca" al-Qur'an direka oleh cerdik pandai Islam yang perihatin dengan masalah buta al-Qur'an dikalangan umat Islam dan diajar disemua peringkat umur dari peringkat pra sekolah sehingga kelas-kelas pengajian al-Qur'an dikalangan orang-orang yang telah pencen. Antara kaeadah tersebut ialah "*al-Baghdadyyah, al-Muyassar, Qiraati, al-Iqra', al-Barqy, Kalam, al-Hattaiyyah*<sup>2</sup>" dan yang agak terkini kaedah *al-Marbawi* serta *al-Ruh al-Amin* yang secara umumnya bermatlamatkan supaya umat Islam dapat mengenali huruf-huruf serta boleh membaca al-Qur'an dalam masa yang singkat disamping kaedah pembelajaran tersebut yang mudah dan menyeronokkan. Disamping itu keperluan ilmu-ilmu yang berkaitan dengan al-Qur'an dilihat amat perlu bagi memantapkan lagi bacaan serta kefahaman seseorang muslim terhadap al-Qur'an. Kaedah pembelajaran al-Qur'an kebiasaannya hanya menekankan aspek hukum tajwid sahaja. Aspek lain yang berkaitan dengan al-Qur'an seperti ilmu 'Ulumul-Qur'an, bentuk-bentuk qiraat serta ilmu melagukan ayat-ayat al-Qur'an tidak adunkan bersama pembelajaran al-Qur'an. Kementerian Pelajaran Malaysia, melalui Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) mengekori isu ini dan mengambil satu

---

<sup>1</sup> Kamal Mahyuddin Harun. (2003). *Mendidik Anak-Anak Pintar al-Qur'an (Siri Ketiga)*. Keperluan Bahan Yang Sesuai Untuk Si Manja. Majalah Anis, Disember, h. 65.

<sup>2</sup> Muhammad Mustaqim bin Mohd Zarif (2003). *Isu Semasa Pengajian Quran dan Sunnah*. Kuala Lumpur: MES Enterprise Sdn Bhd. Cet. 1, h. 115.

pendekatan dengan menubuhkan Kelas Khas Kemahiran al-Qur'an (KKQ) sebagai menyahut cabaran ini.

### **Latar Belakang Masalah**

Masalah ketidakfahaman umat Islam terhadap al-Qur'an menjadi semakin tenat. Al-Qur'an hanya dibaca tanpa memahami ini kandungannya, apatah lagi untuk dihayati dalam kehidupan seharian ataupun menjadikannya sebagai sumber perundangan atau rujukan utama. Apabila umat Islam tidak memahami isi kandungan al-Qur'an, maka minat untuk membaca al-Qur'an semakin terhakis. Natijahnya, diakhir zaman ini maka ramai umat Islam sudah tidak mampu untuk hanya membaca al-Qur'an. Huruf-huruf al-Qur'an pula sudah menjadi janggal untuk disebut. Kementerian Pendidikan Islam melalui Jabatan Pendidikan Islam dan Moral melihat fenomena ini lantas mengambil satu pendekatan yang amat terpuji dengan mengadakan Kelas Khas Kemahiran al-Qur'an. Sehubungan itu satu kajian perlu dijalankan bagi mengenalpasti kaedah pelaksanaan kelas ini serta menilai keberkesanannya sebagai sumbangan berharga bagi membaiki kelemahan serta menambah baik bagi Kelas Khas Kemahiran al-Qur'an.

### **Pernyataan masalah**

Kajian ini mensasarkan kepada kaedah pelaksanaan Kelas Khas Kemahiran al-Qur'an (KKQ) yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) berdasarkan keputusan Jawatankuasa Perancangan Pelajaran (JPP) bermula pada tahun 1986 di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA)<sup>3</sup> dan di Sekolah-Sekolah

---

<sup>3</sup> Kementerian Pelajaran Malaysia (2004). Kemahiran al-Qur'an, Tingkatan satu, dua dan tiga. Kuala Lumpur: Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pendidikan Malaysia, h. i.

Menengah Kebangsaan (SMK) bermula pada tahun 2000 serta menganalisa keberkesanan kaedah tersebut terhadap pelajar. Latar belakang permasalahan pula adalah tertumpu kaedah yang diguna pakai oleh guru-guru KKQ yang melibatkan semua bidang sukanan iaitu Tajwid, Hafazan al-Qur'an, 'Ulum al-Qur'an, Qiraat Sab'ah dan Taranum di sekolah-sekolah. Apakah kaedah yang diguna pakai oleh guru-guru KKQ di sekolah-sekolah adalah yang terbaik, berkesan dan sesuai untuk pelajar atau hanya sebagai menghabiskan sukanan pelajaran yang wajib bagi sesuatu tingkatan. Kelayakan guru yang mengajar serta sukanan pelajaran KKQ juga akan menjadi topik kajian

Penulis juga akan cuba mengkaji masalah-masalah “buta al-Qur'an” dikalangan pelajar-pelajar melalui soal selidik terhadap pelajar, guru dan ibu bapa. Masalah guru-guru KKQ sendiri dalam mengurus dan melaksanakan KKQ di sekolah juga akan di kaji. Persekutuan juga memainkan peranan yang penting terhadap pembelajaran al-Qur'an. Adakalanya persekitaran yang dipenuhi dengan keseronokan, hiburan, gaya hidup yang terbabas daripada landasan agama dan latar belakang keluarga, juga mempengaruhi tahap kebolehan membaca al-Qur'an seseorang.

## **Objektif Kajian**

Berdasarkan tajuk yang berkait dengan kaedah pelaksanaan dan keberkesanannya, maka objektif kajian ini memfokuskan kepada kaedah bagaimana kelas ini dijalankan. Keberkesanan yang dimaksudkan di sini ialah keberkesanaan kaedah pelaksanaan kelas KKQ serta keberkesanan pengajaran dan pembelajaran guru di dalam kelas. Justeru itu objektif kajian ini adalah bertujuan:

---

1. Mengkaji dan menyelidik tahap penguasaan al-Qur'an dikalangan pelajar kelas KKQ
2. Mengkaji dan menyelidik kaedah pelaksanaan kelas KKQ di sekolah
3. Mengkaji dan menyelidik keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di kelas KKQ
4. Mengkaji dan menyelidik masalah pelaksanaan kelas KKQ di sekolah
5. Menyarankan kepada pihak berkaitan hasil dapatan kajian sebagai satu penambahbaikan kelas KKQ

### **Kepentingan Kajian**

Kajian ini dilihat dapat memperjelaskan dengan terperinci kepada umum tentang objektif Kementerian Pelajaran Malaysia dalam menubuhkan Kelas Khas Kemahiran al-Qur'an. Kajian ini juga akan merungkai permasalahan guru-guru yang mengajar kelas KKQ serta mencari satu pendekatan terbaik melalui penambahbaikan dan pemantapan kaedah yang diguna pakai oleh guru-guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran di dalam kelas. Sumbangan ini dapat membantu pihak berkaitan khususnya Pejabat Pelajaran Daerah Gombak, Jabatan Pelajaran Negeri Selangor dan Kementerian Pelajaran Malaysia amnya dalam memantapkan lagi kelas KKQ di sekolah-sekolah.

### **Skop Kajian**

Kelas Khas Kemahiran al-Qur'an (KKQ) telah dilaksanakan bermula di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) sejak tahun 1986. Ianya mula diterima dan dilaksanakan pembelajarannya di Sekolah-Sekolah Menengah Kebangssan (SMK) bermula pada tahun 2000. Pejabat Pelajaran Daerah Gombak juga tidak ketinggalan dalam meniti arus ini dengan menubuhkan kelas ini di beberapa buah sekolah dalam daerahnya yang di

rintis dahulu oleh SMK Sungai Pusu pada tahun 2001. Kemudian diikuti oleh 17 buah sekolah dan yang terakhirnya ialah SMK Taman Selayang.<sup>4</sup> Bagaimanapun penulis akan membataskan kajian ini untuk pelajar tingkatan dua pada tahun 2008, di tiga buah sekolah di Zon Gombak Barat, iaitu

1. SMK Bandar Tasik Puteri
2. SMK Bukit Rahman Putra
3. SMK Seri Kundang

### **Definisi tajuk**

Sebelum penulis mengupas tajuk dengan lebih terperinci terlebih dahulu penulis memperjelaskan pengertian tajuk yang pilih. Tajuk yang dipilih ialah "Kelas Khas Kemahiran al-Qur'an: Kajian Kaedah Pelaksanaan dan Keberkesanannya Di Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Di Daerah Gombak, Selangor.

Kelas Khas Kemahiran al-Qur'an (KKQ) adalah satu kelas yang dikawal selia oleh Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM), Kementerian Pelajaran Malaysia. Mengikut Kamus Dewan, kajian membawa maksud kegiatan (usaha, proses) mengkaji. Contohnya kajian kes, bermaksud kajian tentang sesuatu isu (institusi, orang dan sebagainya) berdasarkan data, maklumat dan sebagainya terperinci yang dikumpulkan dalam jangka masa tertentu.<sup>5</sup>

---

<sup>4</sup> Umar bin Mohamed, Ketua Unit Pendidikan Islam dan Moral, Pejabat Pelajaran Daerah Gombak, Selangor. Temubual pada 2 November 2007

<sup>5</sup> Kamus Dewan (2005), Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa. h. 657

Kaedah ialah cara atau peraturan membuat sesuatu (terutamanya yang bersistem atau yang biasa), contohnya kaedah mengajar iaitu cara mengajar berdasarkan prinsip-prinsip tertentu.<sup>6</sup> Pelaksanaan ialah perihal, perbuatan atau proses melaksanakan (menjalankan, mengusahakan) rancangan.<sup>7</sup> Keberkesanan pula berasal dari perkataan "kesan" yang mempunyai banyak makna, tetapi makna yang bersesuaian dengan kajian ini ialah perihal berkesan iaitu menceritakan hal keadaan berkesannya sesuatu perkara.<sup>8</sup>

Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) ialah sekolah-sekolah menengah yang berada dibawah seliaan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia. Sekolah-sekolah ini mendapat peruntukan dari segi kewangan, bangunan dengan segala kemudahan asas dan dibekalkan tenaga pengajar yang terlatih serta dibayar gaji mereka. Had umur kemasukan pelajar kesekolah menengah bermula dari usia 13 tahun. Bahasa pengantar di sekolah ini ialah Bahasa Melayu.

Daerah membawa maksud lingkungan sesuatu pemerintahan atau bahagian sesebuah negeri yang mempunyai sempadannya untuk kemudahan pentadbiran.<sup>9</sup> Gombak pula merupakan salah sebuah daripada sembilan daerah di negeri Selangor.

## **Kajian Literatur**

Penulis akan meneliti karya-karya yang telah dihasilkan oleh penyelidik-penyalidik yang lepas. Melalui karya-karya berkaitan, penyelidik boleh memperolehi kaedah dan

---

<sup>6</sup> *Ibid.*, h. 653

<sup>7</sup> *Ibid.*, h. 871

<sup>8</sup> *Ibid.*, h. 772

<sup>9</sup> *Ibid.*, h. 300

teknik yang sesuai untuk menyelesaikan masalah. Alat-alat kajian serta keberkesanannya dalam menyelesaikan sesuatu masalah boleh dikenal pasti. Sekiranya penyelidik meneliti kajian-kajian lepas, beliau boleh membentuk suatu strategi dan kaedah yang berkesan bagi menyelesaikan masalahnya. Ini boleh dilakukan terutamanya dengan mengkaji karya-karya berkaitan yang terbaru yang biasanya membaiki kaedah yang digunakan dan kekurangan yang berlaku dalam kajian sebelumnya.<sup>10</sup>

Penulis menemui beberapa kajian yang berkaitan dengan al-Qur'an. Umumnya kajian tersebut lebih tertumpu kepada kaedah dan permasalahan mengajar membaca al-Qur'an dikalangan umat Islam yang meliputi semua peringkat umur secara formal sama ada di sekolah-sekolah kerajaan dan swasta, juga di Institusi Pengajian Tinggi serta pembelajaran yang tidak formal yang melibatkan institusi lain seperti masjid, surau dan di rumah. Ini dapat dilihat dalam kajian Madihah bt Mohammad (1992)<sup>11</sup>: "Pembelajaran al-Qur'an di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah : Satu Tinjauan di Daerah Kuala Terengganu, Terengganu". Beliau mendapati kebanyakan pelajar menghadapi masalah membaca al-Qur'an terutamanya dari aspek tajwid al-Qur'an, makhraj huruf dan juga kelemahan pelajar dalam memahami makna ayat-ayat al-Qur'an serta kurangnya penghayatan membaca al-Qur'an dikalangan pelajar. Rosnawati bt Umar (1993)<sup>12</sup> pula dalam kajianya: "Pembelajaran Tilawah al-Qur'an di Sekolah Sheikh Hj Othman,

---

<sup>10</sup> Mohd Majid Konting (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 44

<sup>11</sup> Madihah bt Haji Mohammad (1992). Pembelajaran al-Qur'an Di kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah: Satu Tinjauan Di Daerah Kuala Terengganu, Terengganu. Latihan Ilmiah Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

<sup>12</sup> Rosnawati bt Umar (1993). Pembelajaran Tilawah al-Qur'an di Sekolah Sheikh Hj Othman, Kuching, Sarawak: Satu Kajian. Latihan Ilmiah Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Kuching, Sarawak: Satu Kajian, merumuskan bahawa peranan ibu bapa amat penting dalam mendidik anak-anak membaca al-Qur'an kerana terdapat sebilangan kecil pelajar yang tidak boleh membaca al-Qur'an adalah disebabkan mereka tidak didedahkan dengan membaca al-Qur'an oleh ibu bapa mereka. Sementara itu terdapat dua lagi kajian yang menyentuh tahap bacaan al-Qur'an dikalangan pelajar Intitusi Pengajian Tinggi iaitu kajian dari Siti Fatimah bt Sudin (2002)<sup>13</sup>: "Pembacaan al-Qur'an Di Kalangan Mahasiswa Melayu: Suatu Kajian di Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Safinah bt Yaakob (1992)<sup>14</sup>: Pembacaan al-Qur'an Secara Tartil: Suatu Kajian Terhadap Kemampuan di Kalangan Siswa-Siswi Akademi Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Bagaimanapun terdapat empat kajian yang menyentuh secara khusus berkaitan Kelas Khas Kemahiran al-Qur'an.

1. Shahrin Nizam bin Sukarman (2006)<sup>15</sup> "Keberkesanaan Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Al-Qiraat Al-Sab'ah Di Kelas Kemahiran Al-Qur'an Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Negeri Selangor Darul Ehsan" telah menyelidik dan mengupas tajuk tersebut secara lengkap. Beliau tidak mengkaji secara keseluruhan aspek KKQ tetapi mengkhususkan kajiannya dalam bidang Qiraat al-Sab'ah yang merupakan satu daripada topik atau sukatan pelajaran di dalam sukatan KKQ. Kajian beliau pula membataskan kepada pelajar-pelajar

---

<sup>13</sup> Siti Fatimah bt Sudin. *Pembacaan al-Qur'an Di Kalangan Mahasiswa Melayu: Suatu Kajian di Universiti Teknologi Mara (UiTM)* Latihan Ilmiah jabatan Syariah dan Tamadun, Bahagian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

<sup>14</sup> Safinah bt Yaakob (1992). *Pembacaan al-Qur'an Secara Tartil: Suatu Kajian Terhadap Kemampuan Di Kalangan Siswa-Siswi Akademi Islam Universiti Malaya*. Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaysia, Kuala Lumpur.

<sup>15</sup> Shahrin Nizam bin Sukarman (2006). *Keberkesanaan Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Al-Qiraat Al-Sab'ah Di Kelas Kemahiran Al-Qur'an Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Negeri Selangor Darul Ehsan* Jabatan al-Qur'an dan as-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

di Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di Negeri Selangor.

2. Zulkiply bin Mohd. Dahlan (2000)<sup>16</sup>. "Metodologi Pengajian Tarannum di Maktab Perguruan Islam, Satu Kajian Dari Segi Keberkesanannya" tahun 2000 telah mengupas berkaitan perlaksanaan KKQ di sekolah. Bagaimanapun beliau hanya membataskan kajian pada tajuk Tarannum al-Qur'an. Manakala skop kajian beliau pula membataskan kepada keberkesanan peraksanaan kurikulum tersebut dikalangan pelatih Maktab Perguruan Islam, Bangi, Selangor.
3. Yusri bin Chek (2005)<sup>17</sup> "Pelajaran Tajwid al-Qur'an di Malaysia: Kajian Terhadap Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Qur'an di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur " mengkaji dan menyelidik perkara-perkara berkaitan dengan tajwid al-Qur'an secara umum serta penilaian tentang konsep, sejarah perkembangan, bentuk dan kaedah pengajian tajwid al-Qur'an khususnya di Malaysia dengan memfokuskan perlaksanaannya kepada Kelas Khas Kemahiran al-Qura'an (KKQ) di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur.
4. Asri bin Abdul Rahman (2006)<sup>18</sup>. " Tahap Penguasaan Kemahiran Al-Qur'an Di Kalangan Pelajar Kelas Aliran Agama" tahun 2006. Beliau mengkhususkan bidang kajian beliau mengenalpasti masalah pelajar dalam menguasai

---

<sup>16</sup> Zulkiply bin Mohd Dahlan (2000) . *Metodologi Pengajian Tarannum di Maktab Perguruan Islam, Satu Kajian Dari Segi Keberkesanannya* Latihan Ilmiah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

<sup>17</sup> Yusri bin Chek (2005) . *Pelajaran Tajwid al-Qur'an di Malaysia: Kajian Terhadap Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Qur'an di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur*. Latihan Ilmiah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

<sup>18</sup>Asri bin Abdul Rahman (2006) . *Tahap Penguasaan Kemahiran Al-Qur'an Di Kalangan Pelajar Kelas Aliran Agama*. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

kemahiran al-Qur'an, berkait dengan isi kandungan , situasi pembelajaran, guru dan pengajarannya. Kajian beliau juga melihat persepsi pelajar terhadap keupayaan diri dalam menguasai bidang-bidang ilmu dalam kelas kemahiran al-Quran seperti Ilmu Tajwid, Ulum al-Quran, Tarannum, Qiraat Sab'ah dan Hafazan. Beliau juga mengkaji tahap pencapaian penguasaan pelajar dalam bidang Kemahiran al-Qur'an adakah terdapat perbezaan pencapaiannya mengikut jantin

## **Metodologi Kajian**

Metodologi merupakan perkara yang penting dalam menjalankan latihan ilmiah. Metode bermaksud cara melakukan sesuatu, sistem atau buku pelajaran (kaedah belajar). Metodologi pula bermaksud sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin dan sebagainya.<sup>19</sup> Kesimpulannya metodologi boleh ditakrifkan sebagai suatu ilmu tentang sesuatu cara yang digunakan dalam suatu bidang atau disiplin dan juga memberi erti ilmu tentang cara mengadakan sesuatu penelitian.

### a. Metode Kajian

#### i. Kajian lapangan (Field Fesearch)

Melalui metode ini penulis akan berusaha sedaya upaya mencari, mengumpul dan mengupas beberapa data yang dapat dikumpulkan melalui kaji selidik, temu bual , pemerhatian dan seterusnya menentukan serta memastikan kebenaran data yang diperolehi tepat.

---

<sup>19</sup> Kamus Dewan (2005) op.cit., hal. 795

ii. Kajian Perpustakaan (Library Research)

Disamping itu penulis telah menggunakan kajian perpustakaan dalam mencari bahan-bahan bertulis berbentuk fakta dan sebagainya seperti dokumuntasi, histori seperti al-Qur'an dan al-Hadith sebagai rujukan utama, buku-buku, jurnal dan majalah. Metode ini banyak diguna pakaioleh penulis dalam menyiapkan bab 1 dan

3. Antara perpustakaan yang menjadi rujukan penulis ialah:

- a. Perpustakaan Utama Universiti Malaya
- b. Perpustakaan Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya
- c. Perpustakaan Pendidikan, Universiti Malaya
- d. Perpustakaan Awam, Pusat Islam, Kuala Lumpur
- e. Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia,Bangi.
- f. Perpustakaan Undang-Undang, Universiti Malaya

b. Sumber Data

i. Ujian pencapaian (Soalan Bertulis)

Satu set 30 soalan yang mengandungi soalan-soalan berhubungkait dengan bidang bidang Kemahiran al-Quran iaitu Ulum al-Quran, Tajwid al-Qur'an, Tarannu, Qiraat Sab'ah dan Hafazan. Ianya diedarkan bersama borang soal selidik kepada semua sample yang terlibat dan dikehendaki menjawabnya dalam masa 1 jam. Soalan-soalan yang diuji adalah mempunyai keesahan dan keboleh percayaan yang tinggi, kerana ianya dipetik mengikut sukanan pelajaran tingkatan dua. Ianya juga setara dengan soalan yang disediakan oleh Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia untuk peperiksaan PMR

## ii. Soal selidik

Dua set soal selidik akan dikenal pasti dan digunakan. Set Pertama akan dijawab oleh guru-guru terpilih. Manakala set yang kedua akan dijawab oleh semua pelajar dalam kelas KKQ. Lima pilihan skala dilabal “Sangat tidak setuju” sehingga “sangat setuju” dan juga ”Sangat Lemah” hingga ”Sangat Baik” berdasarkan definisi keberkesanan dan penguasaan kemahiran Al-Quran dalam pelajaran Pendidikan Islam yang mereka pelajari serta program ko-kurikulum yang berkaitan dengan kemahiran Al-Quran. Soal selidik untuk pelajar mengandungi soalan berkaitan latar belakang, mengukur tahap penguasaan pelajar dalam kemahiran membaca dan memahami isi kandungan Al-Quran, menilai kaedah pengajaran dan pembelajaran guru, mengukur tahap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran serta masalah yang dihadapi oleh pelajar. Soal selidik untuk guru pula mengandungi soalan yang berkaitan penubuhan kelas, kaedah pengajaran dan pembelajaran, kursus-kursus dan permasalahan yang dihadapi oleh mereka.

## iii. Temu bual

Kaedah ini dijalankan kepada pelajar yang dipilih secara rawak daripada setiap sekolah yang dikaji untuk meihat keupayaan mereka dalam bacaan Al-Quran. Setiap guru yang mengajar KKQ dari sekolah yang dikaji juga akan ditemu bual. Ini bertujuan untuk menguatkan lagi hasil penyelidikan yang dilakukan ke atas pelajaran serta dapat mengetahui kaedah-kaedah yang telah diguna pakai oleh guru-guru KKQ serta dapat mengenal pasti permasalahan-permasalahan yang dihadapi dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran KKQ. Setiap temu bual adalah direkodkan. Dr Syed Arabi Idid memberi tiga syarat untuk mendapatkan temubual yang berjaya. Syarat pertama, keupayaan mendapatkan

maklumat. Jika seseorang respon itu tidak dapat memberikan maklumat seperti yang diperlukan, maka temu bual menjadi sia-sia belaka. Adakalanya responden tidak memberi maklumat yang diperlukan. Tiga perkara boleh menyebabkan ini berlaku. Kemungkinan pertama, jawapan yang diperlukan itu adalah rahsia bagi orang lain dan responden tidak ingin memberitahu maklumat tersebut. Kemungkinan kedua ialah dia tidak dapat menyampaikan jawapan seperti yang diperlukan oleh soalan kerana soalan diluar tahap pengetahuannya. Kemungkinan ketiga ialah responden memang terlupa kerana mungkin soalan tersebut berkaitan dengan sesuatu yang telah lama berlaku. Syarat kedua melibatkan kefahaman responden dalam proses temubual. Syarat ketiga ialah motivasi bagi responden untuk menjawab dengan benar.<sup>20</sup>

#### iv. Observasi

Penulis kemungkinan juga akan menggunakan kaedah ini untuk mencari data dan maklumat jika wujud keperluan semasa kajian dijalankan. Dalam bentuk penyelidikan ini, pengkaji akan memerhati satu bidang yang menjadi bahan permasalahannya. Kaedah ini amat popular dikalangan ahli antropologi, tetapi terdapat ahli sains sosial lain yang juga menggunakan.<sup>21</sup>

### c. Prosedur Kajian

Setelah mendapat kelulusan tajuk, pengkaji memulakan proses kajian dengan memohon surat kebenaran untuk menjalankan kajian di sekolah daripada:

- i. Ijazah Pengajian Tinggi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

---

<sup>20</sup> Syed Arabi Idid (2002). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 44

<sup>21</sup> *Ibid.*,h. 129

- ii. Bahagian Penyelidikan dan Dasar Pendidikan(ERPD), Kementerian Pelajaran Malaysia
- iii. Bahagian Perhubungan dan Pendaftaran, Jabatan Pelajaran Selangor
- iv. Pejabat Pelajaran Daerah Gombak.

Setelah mendapat keizinan daripada pihak yang terbabit, pelbagai langkah yang sejajar dengan kaedah kajian telah diambil bagi memenuhi prosedur pengumpulan dan analisa data untuk melaksanakan kajian ini. Langkah-langkah tersebut ialah:

- i. Mengenalpasti sekolah-sekolah yang melaksanakan Kelas Kemahiran al- Quran di daerah yang dikaji melalui Ketua Unit Pendidikan Islam dan Moral, Pejabat Pelajaran Daerah Gombak
- ii. Membuat pemilihan sekolah mengikut kategori zon iaitu sekolah yang berada di Zon Barat serta masih belum dikaji oleh pengkaji terdahulu
- iii. Meminta keizinan daripada Pengetua-pengetua dan Guru-guru KKQ bagi semua sekolah yang terpilih untuk mendapatkan kerjasama serta bantuan daripada mereka.
- iv. Mengenalpasti sempel yang hendak dikaji.
- v. Berdasarkan skop dan batasan kajian yang telah ditetapkan, pengkaji telah meneliti sukanan pelajaran Kelas Kemahiran al-Quran Tingkatan Dua dan mengenalpasti tajuk yang sesuai untuk membina Soalan Ujian Pencapaian Kemahiran al-Quran dan Borang Soalan Soal selidik.
- vi. Seterusnya Ujian Pencapaian KKQ dan Kaji Selidik dijalankan kepada sampel pada hari yang telah ditetapkan untuk mengetahui tahap pengetahuan dan pemahaman mereka dalam tajuk yang telah ditetapkan

- kerana mereka telah pun mempelajarinya. Tempoh ujian ini adalah selama satu jam.
- vii. Setelah selesai menjalani sesi Ujian Pencapaian KKQ, sampel dikehendaki menjawab soalan soal selidik untuk mengetahui persepsi mereka serta masalah yang mereka hadapi dalam sesi tersebut.. Soal selidik ini diedarkan sendiri oleh pengkaji untuk memastikan pengkaji dapat menjelaskan kekeliruan dalam soalan jika ada serta untuk menggalakkan responden menjawabnya dengan baik dan jujur tanpa penipuan
  - viii. Kemudian ujian tersebut disemak secara manual oleh pengkaji dan dimasukkan skor pencapaian sampel ini ke dalam program SPSS untuk dianalisis bagi mengetahui tahap pencapaian. Begitu juga dengan borang soalselidik telah direkodkan dalam SPSS versi 12.0 dan diproses untuk mendapatkan dapatannya. Manakala sesi temubual bersama pelajar dan guru KKQ diringkaskan dalam bentuk isi-isi penting.
  - ix. Sesi temubual juga dijalankan kepada pihak-pihak berkaitan seperti pegawai yang menguruskan KKQ di Jabatan Pelajaran Negeri Selangor dan Pejabat Pelajaran Daerah, Guru-Guru yang mengajar KKQ dan juga pengetua sekolah berkenaan.
  - x. Setelah keseluruhan data-data yang diperlukan dikumpul secara bersepadu, proses analisis dilakukan melalui dua bentuk melalui perisian SPSS versi 12.0 dan secara manual. Hasil daripada kedua-dua ini akan dipersembahkan dalam kertas projek ini.

#### d. Metode Analisis

Data kajian bersifat kuantitatif dianalisa menggunakan perisian computer Pemerosasan Data SPSS Version 12.0. (*Statistical Packages for the Social Sciences*). Program ini telah banyak membantu menyiapkan laporan dapatan kajian pengkaji dengan tepat. Persembahan data-data adalah dalam bentuk jadual dan jika bersesuaian dipersembahkan dalam bentuk graf. Pelaksanaan ujian statistik dengan menentukan aras signifikan terlebih dahulu dapat diselesaikan serentak oleh program perisian yang digunakan. Oleh itu pengkaji hanya akan membentangkan hasil kajian dalam bentuk jadual yang lebih mudah. Pengkaji akan memberikan ulasan ke atas data dan keputusan kajian yang diketengahkan. Kajian yang menggunakan kaedah kualitatif pula dianalisa berdasarkan rekod dan catatan semasa sessi temubual bagi menjawab soalan kajian.

### **Kesimpulan**

Umumnya bab ini membincangkan bagaimana kajian terhadap tajuk ini akan dijalankan berdasarkan syarat serta prosedur-prosedur yang wajib diikuti. Memfokuskan objektif yang hendak dicapai serta mengenalpasti skop kajian tanpa membelakangkan kajian-kajian terdahulu yang telah dilaksanakan dengan jayanya oleh pengkaji terdahulu. Melalui susunan kerangka yang baik dalam bab ini akan memudahkan pengkaji menjalankan kajian dengan lancar dan berkesan.

## PENDAHULUAN

### Pengenalan

الْمَرْدُوْلَهِ لَهُمْ بِالْعَيْنِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ وَالَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِمَا أُنزَلَ إِلَيْكَ وَمَا أُنزَلَ مِنْ قَبْلِكَ وَبِالْآخِرَةِ هُمْ يُوقِنُونَ أُولَئِكَ عَلَى هُدًى مِّنْ رَبِّهِمْ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Maksudnya:

"Alif, Lam, Mim, Kitab itu tiada diragukan, menjadi pemimpin untuk orang-orang yang memelihara dirinya dari kejahatan. Orang-orang yang beriman (percaya) kepada yang ghaib, tetap mengerjakan sembahyang dan menafkahkan (mbelanjakan dijalanan kebaikan ) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka. Dan orang-orang yang beriman kepada wahu yang diturunkan kepada engkau (Muhammad) dan wahu yang telah diturunkan sebelum engkau dan mereka yakin akan adanya hari akhirat. Itulah orang-orang yang mengikut pimpinan Tuhan dan itulah orang-orang yang berbahagia (beruntung)

al-Baqarah (2) : 1-5

Al-Qur'an merupakan kitab suci bagi umat Islam. Seolah-seolah menjadi suatu kewajipan dimana setiap rumah umat Islam mesti ada kitab suci ini sama ada ianya dibaca atau tidak dan ianya dijaga, dihormati dan diletakkan di tempat yang mulia. Penghormatan ini adakah menggambarkan fenomena yang sebenarnya dimana semua umat Islam boleh membaca al-Qur'an, memahami isi kandungannya apatah lagi segala yang berkaitan dengannya seperti sejarah penurunan, pembukuan, bentuk-bentuk bacaan dan sebagainya. Umumnya ramai yang memperkatakan tentang tahap kebolehan membaca al-Qur'an

dikalangan umat Islam sangat merisaukan. Jutaan ringgit telah dibelanjakan oleh kerajaan setiap tahun untuk membasmikan buta al-Qur'an melalui program Pafa, Kafa dan lain-lain lagi. Kelas-kelas al-Qur'an tumbuh bagaikan cendawan pada musim hujan. Ibu bapa juga tidak keberatan membayar puluhan, malah ratusan ringgit untuk memastikan anak-anak mereka celik al-Qur'an Malangnya fenomena ini masih gagal untuk ditangani. Guru-guru disekolah rendah dan menengah pula pening kepala memikirkan pengendalian kelas-kelas pemulihan al-Qur'an terhadap puluhan pelajar yang langsung tidak dapat membaca al-Qur'an.<sup>22</sup>

Banyak kaedah-kaedah “mudah membaca” al-Qur'an direka oleh cerdik pandai Islam yang perihatin dengan masalah buta al-Qur'an dikalangan umat Islam dan diajar disemua peringkat umur dari peringkat pra sekolah sehingga kelas-kelas pengajian al-Qur'an dikalangan orang-orang yang telah pencen. Antara kaeadah tersebut ialah “*al-Baghdadyyah, al-Muyassar, Qiraati, al-Iqra', al-Barqy, Kalam, al-Hattaiyyah*<sup>23</sup>” dan yang agak terkini kaedah *al-Marbawi* serta *al-Ruh al-Amin* yang secara umumnya bermatlamatkan supaya umat Islam dapat mengenali huruf-huruf serta boleh membaca al-Qur'an dalam masa yang singkat disamping kaedah pembelajaran tersebut yang mudah dan menyeronokkan. Disamping itu keperluan ilmu-ilmu yang berkaitan dengan al-Qur'an dilihat amat perlu bagi memantapkan lagi bacaan serta kefahaman seseorang muslim terhadap al-Qur'an. Kaedah pembelajaran al-Qur'an kebiasaannya hanya menekankan aspek hukum tajwid sahaja. Aspek lain yang berkaitan dengan al-Qur'an seperti ilmu 'Ulumul-Qur'an, bentuk-bentuk qiraat serta ilmu melagukan ayat-ayat al-Qur'an tidak

---

<sup>22</sup> Kamal Mahyuddin Harun. (2003). *Mendidik Anak-Anak Pintar al-Qur'an (Siri Ketiga)*. Keperluan Bahan Yang Sesuai Untuk Si Manja. Majalah Anis, Disember, h. 65.

<sup>23</sup> Muhammad Mustaqim bin Mohd Zarif (2003). *Isu Semasa Pengajian Quran dan Sunnah*. Kuala Lumpur: MES Enterprise Sdn Bhd. Cet. 1, h. 115.

adunkan bersama pembelajaran al-Qur'an. Kementerian Pelajaran Malaysia, melalui Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) mengekori isu ini dan mengambil satu pendekatan dengan menubuhkan Kelas Khas Kemahiran al-Qur'an (KKQ) sebagai menyahut cabaran ini.

## **Latar Belakang Masalah**

Masalah ketidakfahaman umat Islam terhadap al-Qur'an menjadi semakin tenat. Al-Qur'an hanya dibaca tanpa memahami isi kandungannya, apatah lagi untuk dihayati dalam kehidupan seharian ataupun menjadikannya sebagai sumber perundangan atau rujukan utama. Apabila umat Islam tidak memahami isi kandungan al-Qur'an, maka minat untuk membaca al-Qur'an semakin terhakis. Natijahnya, diakhir zaman ini maka ramai umat Islam sudah tidak mampu untuk hanya membaca al-Qur'an. Huruf-huruf al-Qur'an pula sudah menjadi janggal untuk disebut. Kementerian Pendidikan Islam melalui Jabatan Pendidikan Islam dan Moral melihat fenomena ini lantas mengambil satu pendekatan yang amat terpuji dengan mengadakan Kelas Khas Kemahiran al-Qur'an. Sehubungan itu satu kajian perlu dijalankan bagi mengenalpasti kaedah pelaksanaan kelas ini serta menilai keberkesanannya sebagai sumbangan berharga bagi membaiki kelemahan serta menambah baik bagi Kelas Khas Kemahiran al-Qur'an.

## **Pernyataan masalah**

Kajian ini mensasarkan kepada kaedah pelaksanaan Kelas Khas Kemahiran al-Qur'an (KKQ) yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) berdasarkan keputusan Jawatankuasa Perancangan Pelajaran (JPP) bermula pada tahun

1986 di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA)<sup>24</sup> dan di Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) bermula pada tahun 2000 serta menganalisa keberkesanannya kaedah tersebut terhadap pelajar. Latar belakang permasalahan pula adalah tertumpu pada kaedah yang digunakan oleh guru-guru KKQ yang melibatkan semua bidang sukatan iaitu Tajwid, Hafazan al-Qur'an, 'Ulum al-Qur'an, Qiraat Sab'ah dan Taranum di sekolah-sekolah. Apakah kaedah yang digunakan oleh guru-guru KKQ di sekolah-sekolah adalah yang terbaik, berkesan dan sesuai untuk pelajar atau hanya sebagai menghabiskan sukatan pelajaran yang wajib bagi sesuatu tingkatan. Kelayakan guru yang mengajar serta sukatan pelajaran KKQ juga akan menjadi topik kajian

Penulis juga akan cuba mengkaji masalah-masalah “buta al-Qur'an” dikalangan pelajar-pelajar melalui soal selidik terhadap pelajar, guru dan ibu bapa. Masalah guru-guru KKQ sendiri dalam mengurus dan melaksanakan KKQ di sekolah juga akan di kaji. Persekutuan juga memainkan peranan yang penting terhadap pembelajaran al-Qur'an. Adakalanya persekitaran yang dipenuhi dengan keseronokan, hiburan, gaya hidup yang terbabas daripada landasan agama dan latar belakang keluarga, juga mempengaruhi tahap kebolehan membaca al-Qur'an seseorang.

## **Objektif Kajian**

Berdasarkan tajuk yang berkait dengan kaedah pelaksanaan dan keberkesanannya, maka objektif kajian ini memfokuskan kepada kaedah bagaimana kelas ini dijalankan.

---

<sup>24</sup> Kementerian Pelajaran Malaysia (2004). Kemahiran al-Qur'an, Tingkatan satu, dua dan tiga. Kuala Lumpur: Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pendidikan Malaysia, h. i.

Keberkesanan yang dimaksudkan di sini ialah keberkesanaan kaedah pelaksanaan kelas KKQ serta keberkesanan pengajaran dan pembelajaran guru di dalam kelas. Justeru itu objektif kajian ini adalah bertujuan:

6. Mengkaji dan menyelidik tahap penguasaan al-Qur'an dikalangan pelajar kelas KKQ
7. Mengkaji dan menyelidik kaedah pelaksanaan kelas KKQ di sekolah
8. Mengkaji dan menyelidik keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di kelas KKQ
9. Mengkaji dan menyelidik masalah pelaksanaan kelas KKQ di sekolah
10. Menyarankan kepada pihak berkaitan hasil dapatan kajian sebagai satu penambahbaikan kelas KKQ

### **Kepentingan Kajian**

Kajian ini dilihat dapat memperjelaskan dengan terperinci kepada umum tentang objektif Kementerian Pelajaran Malaysia dalam menubuhkan Kelas Khas Kemahiran al-Qur'an. Kajian ini juga akan merungkai permasalahan guru-guru yang mengajar kelas KKQ serta mencari satu pendekatan terbaik melalui penambahbaikan dan pemantapan kaedah yang diguna pakai oleh guru-guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran di dalam kelas. Sumbangan ini dapat membantu pihak berkaitan khususnya Pejabat Pelajaran Daerah Gombak, Jabatan Pelajaran Negeri Selangor dan Kementerian Pelajaran Malaysia amnya dalam memantapkan lagi kelas KKQ di sekolah-sekolah.

### **Skop Kajian**

Kelas Khas Kemahiran al-Qur'an (KKQ) telah dilaksanakan bermula di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) sejak tahun 1986. Ianya mula diterima dan

dilaksanakan pembelajarannya di Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) bermula pada tahun 2000. Pejabat Pelajaran Daerah Gombak juga tidak ketinggalan dalam meniti arus ini dengan menubuhkan kelas ini di beberapa buah sekolah dalam daerahnya yang di rintis dahulu oleh SMK Sungai Pusu pada tahun 2001. Kemudian diikuti oleh 17 buah sekolah dan yang terakhirnya ialah SMK Taman Selayang.<sup>25</sup> Bagaimanapun penulis akan membataskan kajian ini untuk pelajar tingkatan dua pada tahun 2008, di tiga buah sekolah di Zon Gombak Barat, iaitu

4. SMK Bandar Tasik Puteri
5. SMK Bukit Rahman Putra
6. SMK Seri Kundang

### **Definisi tajuk**

Sebelum penulis mengupas tajuk dengan lebih terperinci terlebih dahulu penulis memperjelaskan pengertian tajuk yang pilih. Tajuk yang dipilih ialah "Kelas Khas Kemahiran al-Qur'an: Kajian Kaedah Pelaksanaan dan Keberkesanannya Di Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Di Daerah Gombak, Selangor.

Kelas Khas Kemahiran al-Qur'an (KKQ) adalah satu kelas yang dikawal selia oleh Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM), Kementerian Pelajaran Malaysia. Mengikut Kamus Dewan, kajian membawa maksud kegiatan (usaha, proses) mengkaji. Contohnya kajian kes, bermaksud kajian tentang sesuatu isu (institusi, orang dan

---

<sup>25</sup> Umar bin Mohamed, Ketua Unit Pendidikan Islam dan Moral, Pejabat Pelajaran Daerah Gombak, Selangor. Temubual pada 2 November 2007

sebagainya) berdasarkan data, maklumat dan sebagainya terperinci yang dikumpulkan dalam jangka masa tertentu.<sup>26</sup>

Kaedah ialah cara atau peraturan membuat sesuatu (terutamanya yang bersistem atau yang biasa), contohnya kaedah mengajar iaitu cara mengajar berdasarkan prinsip-prinsip tertentu.<sup>27</sup> Pelaksanaan ialah perihal, perbuatan atau proses melaksanakan (menjalankan, mengusahakan) rancangan.<sup>28</sup> Keberkesanan pula berasal dari perkataan "kesan" yang mempunyai banyak makna, tetapi makna yang bersesuaian dengan kajian ini ialah perihal berkesan iaitu menceritakan hal keadaan berkesannya sesuatu perkara.<sup>29</sup>

Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) ialah sekolah-sekolah menengah yang berada dibawah seliaan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia. Sekolah-sekolah ini mendapat peruntukan dari segi kewangan, bangunan dengan segala kemudahan asas dan dibekalkan tenaga pengajar yang terlatih serta dibayar gaji mereka. Had umur kemasukan pelajar kesekolah menengah bermula dari usia 13 tahun. Bahasa pengantar di sekolah ini ialah Bahasa Melayu.

Daerah membawa maksud lingkungan sesuatu pemerintahan atau bahagian sesebuah negeri yang mempunyai sempadannya untuk kemudahan pentadbiran.<sup>30</sup> Gombak pula merupakan salah sebuah daripada sembilan daerah di negeri Selangor.

---

<sup>26</sup> Kamus Dewan (2005), Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa. h. 657

<sup>27</sup> *Ibid.*, h. 653

<sup>28</sup> *Ibid.*, h. 871

<sup>29</sup> *Ibid.*, h. 772

<sup>30</sup> *Ibid.*, h. 300

## Kajian Literatur

Penulis akan meneliti karya-karya yang telah dihasilkan oleh penyelidik-penyelidik yang lepas. Melalui karya-karya berkaitan, penyelidik boleh memperolehi kaedah dan teknik yang sesuai untuk menyelesaikan masalah. Alat-alat kajian serta keberkesanannya dalam menyelesaikan sesuatu masalah boleh dikenal pasti. Sekiranya penyelidik meneliti kajian-kajian lepas, beliau boleh membentuk suatu strategi dan kaedah yang berkesan bagi menyelesaikan masalahnya. Ini boleh dilakukan terutamanya dengan mengkaji karya-karya berkaitan yang terbaru yang biasanya membaiki kaedah yang digunakan dan kekurangan yang berlaku dalam kajian sebelumnya.<sup>31</sup>

Penulis menemui beberapa kajian yang berkaitan dengan al-Qur'an. Umumnya kajian tersebut lebih tertumpu kepada kaedah dan permasalahan mengajar membaca al-Qur'an dikalangan umat Islam yang meliputi semua peringkat umur secara formal sama ada di sekolah-sekolah kerajaan dan swasta, juga di Institusi Pengajian Tinggi serta pembelajaran yang tidak formal yang melibatkan institusi lain seperti masjid, surau dan di rumah. Ini dapat dilihat dalam kajian Madihah bt Mohammad (1992)<sup>32</sup>: "Pembelajaran al-Qur'an di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah : Satu Tinjauan di Daerah Kuala Terengganu, Terengganu". Beliau mendapati kebanyakan pelajar menghadapi masalah membaca al-Qur'an terutamanya dari aspek tajwid al-Qur'an, makhraj huruf dan juga kelemahan pelajar dalam memahami makna ayat-ayat al-Qur'an serta kurangnya

---

<sup>31</sup> Mohd Majid Konting (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 44

<sup>32</sup> Madihah bt Haji Mohammad (1992). Pembelajaran al-Qur'an Di kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah: Satu Tinjauan Di Daerah Kuala Terengganu, Terengganu. Latihan Ilmiah Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

penghayatan membaca al-Qur'an dikalangan pelajar. Rosnawati bt Umar (1993)<sup>33</sup> pula dalam kajiannya: "Pembelajaran Tilawah al-Qur'an di Sekolah Sheikh Hj Othman, Kuching, Sarawak: Satu Kajian, merumuskan bahawa peranan ibu bapa amat penting dalam mendidik anak-anak membaca al-Qur'an kerana terdapat sebilangan kecil pelajar yang tidak boleh membaca al-Qur'an adalah disebabkan mereka tidak didedahkan dengan membaca al-Qur'an oleh ibu bapa mereka. Sementara itu terdapat dua lagi kajian yang menyentuh tahap bacaan al-Qur'an dikalangan pelajar Intitusi Pengajian Tinggi iaitu kajian dari Siti Fatimah bt Sudin (2002)<sup>34</sup>: "Pembacaan al-Qur'an Di Kalangan Mahasiswa Melayu: Suatu Kajian di Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Safinah bt Yaakob (1992)<sup>35</sup>: Pembacaan al-Qur'an Secara Tartil: Suatu Kajian Terhadap Kemampuan di Kalangan Siswa-Siswi Akademi Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Bagaimanapun terdapat empat kajian yang menyentuh secara khusus berkaitan Kelas Khas Kemahiran al-Qur'an.

5. Shahrin Nizam bin Sukarman (2006)<sup>36</sup> "Keberkesanaan Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Al-Qiraat Al-Sab'ah Di Kelas Kemahiran Al-Qur'an Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Negeri Selangor Darul Ehsan" telah menyelidik dan mengupas tajuk tersebut secara lengkap. Beliau tidak mengkaji

---

<sup>33</sup> Rosnawati bt Umar (1993).Pembelajaran Tilawah al-Qur'an di Sekolah Sheikh Hj Othman, Kuching, Sarawak: Satu Kajian. Latihan Ilmiah Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

<sup>34</sup> Siti Fatimah bt Sudin. *Pembacaan al-Qur'an Di Kalangan Mahasiswa Melayu: Suatu Kajian di Universiti Teknologi Mara (UiTM)* Latihan Ilmiah jabatan Syariah dan Tamadun, Bahagian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

<sup>35</sup>Safinah bt Yaakob (1992). *Pembacaan al-Qur'an Secara Tartil: Suatu Kajian Terhadap Kemampuan Di Kalangan Siswa-Siswi Akademi Islam Universiti Malaya*. Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaysia, Kuala Lumpur.

<sup>36</sup> Shahrin Nizam bin Sukarman (2006). *Keberkesanaan Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Al-Qiraat Al-Sab'ah Di Kelas Kemahiran Al-Qur'an Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Negeri Selangor Darul Ehsan* Jabatan al-Qur'an dan as-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

secara keseluruhan aspek KKQ tetapi mengkhususkan kajiannya dalam bidang Qiraat al-Sab'ah yang merupakan satu daripada topik atau sukanan pelajaran di dalam sukanan KKQ. Kajian beliau pula membataskan kepada pelajar-pelajar di Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di Negeri Selangor.

6. Zulkiply bin Mohd. Dahlan (2000)<sup>37</sup>. "Metodologi Pengajian Tarannum di Maktab Perguruan Islam, Satu Kajian Dari Segi Keberkesanannya" tahun 2000 telah mengupas berkaitan perlaksanaan KKQ di sekolah. Bagaimanapun beliau hanya membataskan kajian pada tajuk Tarannum al-Qur'an. Manakala skop kajian beliau pula membataskan kepada keberkesanannya peraksanaan kurikulum tersebut dikalangan pelatih Maktab Perguruan Islam, Bangi, Selangor.
7. Yusri bin Chek (2005)<sup>38</sup> "Pelajaran Tajwid al-Qur'an di Malaysia: Kajian Terhadap Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Qur'an di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur " mengkaji dan menyelidik perkara-perkara berkaitan dengan tajwid al-Qur'an secara umum serta penilaian tentang konsep, sejarah perkembangan, bentuk dan kaedah pengajian tajwid al-Qur'an khususnya di Malaysia dengan memfokuskan perlaksanaannya kepada Kelas Khas Kemahiran al-Qura'an (KKQ) di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur.

---

<sup>37</sup> Zulkiply bin Mohd Dahlan (2000) . *Metodologi Pengajian Tarannum di Maktab Perguruan Islam, Satu Kajian Dari Segi Keberkesanannya* Latihan Ilmiah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

<sup>38</sup> Yusri bin Chek (2005) . *Pelajaran Tajwid al-Qur'an di Malaysia: Kajian Terhadap Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Qur'an di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur*. Latihan Ilmiah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

8. Asri bin Abdul Rahman (2006)<sup>39</sup>:" Tahap Penguasaan Kemahiran Al-Qur'an Di Kalangan Pelajar Kelas Aliran Agama" tahun 2006. Beliau menghususkan bidang kajian beliau mengenalpasti masalah pelajar dalam menguasai kemahiran al-Qur'an, berkait dengan isi kandungan , situasi pembelajaran, guru dan pengajarannya. Kajian beliau juga melihat persepsi pelajar terhadap keupayaan diri dalam menguasai bidang-bidang ilmu dalam kelas kemahiran al-Quran seperti Ilmu Tajwid, Ulum al-Quran, Tarannum, Qiraat Sab'ah dan Hafazan. Beliau juga mengkaji tahap pencapaian penguasaan pelajar dalam bidang Kemahiran al-Qur'an adakah terdapat perbezaan pencapaianya mengikut jantin

## **Metodologi Kajian**

Metodologi merupakan perkara yang penting dalam menjalankan latihan ilmiah. Metode bermaksud cara melakukan sesuatu, sistem atau buku pelajaran (kaedah belajar). Metodologi pula bermaksud sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin dan sebagainya.<sup>40</sup> Kesimpulannya metodologi boleh ditakrifkan sebagai suatu ilmu tentang sesuatu cara yang digunakan dalam suatu bidang atau disiplin dan juga memberi erti ilmu tentang cara mengadakan sesuatu penelitian.

### a. Metode Kajian

#### i. Kajian lapangan (Field Fesearch)

---

<sup>39</sup>Asri bin Abdul Rahman (2006) . *Tahap Penguasaan Kemahiran Al-Qur'an Di Kalangan Pelajar Kelas Aliran Agama*. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

<sup>40</sup> Kamus Dewan (2005) op.cit., hal. 795

Melalui metode ini penulis akan berusaha sedaya upaya mencari, mengumpul dan mengupas beberapa data yang dapat dikumpulkan melalui kaji selidik, temu bual , pemerhatian dan seterusnya menentukan serta memastikan kebenaran data yang diperolehi tepat.

ii. Kajian Perpustakaan (Library Research)

Disamping itu penulis telah menggunakan kajian perpustakaan dalam mencari bahan-bahan bertulis berbentuk fakta dan sebagainya seperti dokumuntasi, histori seperti al-Qur'an dan al-Hadith sebagai rujukan utama, buku-buku, jurnal dan majalah. Metode ini banyak diguna pakai oleh penulis dalam menyiapkan bab 1 dan

3. Antara perpustakaan yang menjadi rujukan penulis ialah:

- a. Perpustakaan Utama Universiti Malaya
- b. Perpustakaan Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya
- c. Perpustakaan Pendidikan, Universiti Malaya
- d. Perpustakaan Awam, Pusat Islam, Kuala Lumpur
- e. Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia,Bangi.
- f. Perpustakaan Undang-Undang, Universiti Malaya

b. Sumber Data

i. Ujian pencapaian (Soalan Bertulis)

Satu set 30 soalan yang mengandungi soalan-soalan berhubungkait dengan bidang bidang Kemahiran al-Quran iaitu Ulum al-Quran, Tajwid al-Qur'an, Tarannu, Qiraat Sab'ah dan Hafazan. Ianya diedarkan bersama borang soal selidik kepada semua sample yang terlibat dan dikehendaki menjawabnya dalam masa 1

jam. Soalan-soalan yang diuji adalah mempunyai keesahan dan keboleh percayaan yang tinggi, kerana ianya dipetik mengikut sukanan pelajaran tingkatan dua. Ianya juga setara dengan soalan yang disediakan oleh Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia untuk peperiksaan PMR

### ii. Soal selidik

Dua set soal selidik akan dikenal pasti dan digunakan. Set Pertama akan dijawab oleh guru-guru terpilih. Manakala set yang kedua akan dijawab oleh semua pelajar dalam kelas KKQ. Lima pilihan skala dilabel “Sangat tidak setuju” sehingga “sangat setuju” dan juga ”Sangat Lemah” hingga ”Sangat Baik” berdasarkan definisi keberkesanan dan penguasaan kemahiran Al-Quran dalam pelajaran Pendidikan Islam yang mereka pelajari serta program ko-kurikulum yang berkaitan dengan kemahiran Al-Quran. Soal selidik untuk pelajar mengandungi soalan berkaitan latar belakang, mengukur tahap penguasaan pelajar dalam kemahiran membaca dan memahami isi kandungan Al-Quran, menilai kaedah pengajaran dan pembelajaran guru, mengukur tahap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran serta masalah yang dihadapi oleh pelajar. Soal selidik untuk guru pula mengandungi soalan yang berkaitan penubuhan kelas, kaedah pengajaran dan pembelajaran, kursus-kursus dan permasalahan yang dihadapi oleh mereka.

### iii. Temu bual

Kaedah ini dijalankan kepada pelajar yang dipilih secara rawak daripada setiap sekolah yang dikaji untuk meihat keupayaan mereka dalam bacaan Al-Quran. Setiap guru yang mengajar KKQ dari sekolah yang dikaji juga akan ditemu bual. Ini bertujuan untuk menguatkan lagi hasil penyelidikan yang dilakukan ke atas pelajaran serta dapat mengetahui kaedah-kaedah yang telah diguna pakai oleh

guru-guru KKQ serta dapat mengenal pasti permasalahan-permasalahan yang dihadapi dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran KKQ. Setiap temubual adalah direkodkan. Dr Syed Arabi Idid memberi tiga syarat untuk mendapatkan temubual yang berjaya. Syarat pertama, keupayaan mendapatkan maklumat. Jika seseorang respon itu tidak dapat memberikan maklumat seperti yang diperlukan, maka temubual menjadi sia-sia belaka. Adakalanya responden tidak memberi maklumat yang diperlukan. Tiga perkara boleh menyebabkan ini berlaku. Kemungkinan pertama, jawapan yang diperlukan itu adalah rahsia bagi orang lain dan responden tidak ingin memberitahu maklumat tersebut. Kemungkinan kedua ialah dia tidak dapat menyampaikan jawapan seperti yang diperlukan oleh soalan kerana soalan diluar tahap pengetahuannya. Kemungkinan ketiga ialah responden memang terlupa kerana mungkin soalan tersebut berkaitan dengan sesuatu yang telah lama berlaku. Syarat kedua melibatkan kefahaman responden dalam proses temubual. Syarat ketiga ialah motivasi bagi responden untuk menjawab dengan benar.<sup>41</sup>

#### iv. Observasi

Penulis kemungkinan juga akan menggunakan kaedah ini untuk mencari data dan maklumat jika wujud keperluan semasa kajian dijalankan. Dalam bentuk penyelidikan ini, pengkaji akan memerhati satu bidang yang menjadi bahan permasalahannya. Kaedah ini amat popular dikalangan ahli antropologi, tetapi terdapat ahli sains sosial lain yang juga menggunakaninya.<sup>42</sup>

---

<sup>41</sup> Syed Arabi Idid (2002). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 44

<sup>42</sup> *Ibid.*, h. 129

### c. Prosedur Kajian

Setelah mendapat kelulusan tajuk, pengkaji memulakan proses kajian dengan memohon surat kebenaran untuk menjalankan kajian di sekolah daripada:

- j. Ijazah Pengajian Tinggi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- v. Bahagian Penyelidikan dan Dasar Pendidikan(ERPD), Kementerian Pelajaran Malaysia
- vi. Bahagian Perhubungan dan Pendaftaran, Jabatan Pelajaran Selangor
- vii. Pejabat Pelajaran Daerah Gombak.

Setelah mendapat keizinan daripada pihak yang terbabit, pelbagai langkah yang sejajar dengan kaedah kajian telah diambil bagi memenuhi prosedur pengumpulan dan analisa data untuk melaksanakan kajian ini. Langkah-langkah tersebut ialah:

- xi. Mengenalpasti sekolah-sekolah yang melaksanakan Kelas Kemahiran al- Quran di daerah yang dikaji melalui Ketua Unit Pendidikan Islam dan Moral, Pejabat Pelajaran Daerah Gombak
- xii. Membuat pemilihan sekolah mengikut kategori zon iaitu sekolah yang berada di Zon Barat serta masih belum dikaji oleh pengkaji terdahulu
- xiii. Meminta keizinan daripada Pengetua-pengetua dan Guru-guru KKQ bagi semua sekolah yang terpilih untuk mendapatkan kerjasama serta bantuan daripada mereka.
- xiv. Mengenalpasti sempel yang hendak dikaji.
- xv. Berdasarkan skop dan batasan kajian yang telah ditetapkan, pengkaji telah meneliti sukanan pelajaran Kelas Kemahiran al-Quran Tingkatan Dua dan mengenalpasti tajuk yang sesuai untuk membina Soalan Ujian Pencapaian Kemahiran al-Quran dan Borang Soalan Soal selidik.

- xvi. Seterusnya Ujian Pencapaian KKQ dan Kaji Selidik dijalankan kepada sampel pada hari yang telah ditetapkan untuk mengetahui tahap pengetahuan dan pemahaman mereka dalam tajuk yang telah ditetapkan kerana mereka telah pun mempelajarinya. Tempoh ujian ini adalah selama satu jam.
- xvii. Setelah selesai menjalani sesi Ujian Pencapaian KKQ, sampel dikehendaki menjawab soalan soal selidik untuk mengetahui persepsi mereka serta masalah yang mereka hadapi dalam sesi tersebut.. Soal selidik ini diedarkan sendiri oleh pengkaji untuk memastikan pengkaji dapat menjelaskan kekeliruan dalam soalan jika ada serta untuk menggalakkan responden menjawabnya dengan baik dan jujur tanpa penipuan
- xviii. Kemudian ujian tersebut disemak secara manual oleh pengkaji dan dimasukkan skor pencapaian sampel ini ke dalam program SPSS untuk dianalisis bagi mengetahui tahap pencapaian. Begitu juga dengan borang soalselidik telah direkodkan dalam SPSS versi 12.0 dan diproses untuk mendapatkan dapatannya. Manakala sesi temubual bersama pelajar dan guru KKQ diringkaskan dalam bentuk isi-isi penting.
- xix. Sesi temubual juga dijalankan kepada pihak-pihak berkaitan seperti pegawai yang menguruskan KKQ di Jabatan Pelajaran Negeri Selangor dan Pejabat Pelajaran Daerah, Guru-Guru yang mengajar KKQ dan juga pengetua sekolah berkenaan.
- xx. Setelah keseluruhan data-data yang diperlukan dikumpul secara bersepadu, proses analisis dilakukan melalui dua bentuk melalui

perisian SPSS versi 12.0 dan secara manual. Hasil daripada kedua-dua ini akan dipersembahkan dalam kertas projek ini

#### d. Metode Analisis

Data kajian bersifat kuantitatif dianalisa menggunakan perisian computer Pemerosasan Data SPSS Version 12.0. (*Statistical Packages for the Social Sciences*). Program ini telah banyak membantu menyiapkan laporan dapatan kajian pengkaji dengan tepat. Persempahanan data-data adalah dalam bentuk jadual dan jika bersesuaian dipersembahkan dalam bentuk graf. Pelaksanaan ujian statistik dengan menentukan aras signifikin terlebih dahulu dapat diselesaikan serentak oleh program perisian yang digunakan. Oleh itu pengkaji hanya akan membentangkan hasil kajian dalam bentuk jadual yang lebih mudah. Pengkaji akan memberikan ulasan ke atas data dan keputusan kajian yang diketengahkan. Kajian yang menggunakan kaedah kualitatif pula dianalisa berdasarkan rekod dan catatan semasa sessi temubual bagi menjawab soalan kajian.

### **Kesimpulan**

Umumnya bab ini membincangkan bagaimana kajian terhadap tajuk ini akan dijalankan berdasarkan syarat serta prosedur-prosedur yang wajib diikuti. Memfokuskan objektif yang hendak dicapai serta mengenalpasti skop kajian tanpa membelakangkan kajian-kajian terdahulu yang telah dilaksanakan dengan jayanya oleh pengkaji terdahulu. Melalui susunan kerangka yang baik dalam bab ini akan memudahkan pengkaji menjalankan kajian dengan lancar dan berkesan.

# BAB 1

**BAB 1**

**DASAR KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA (KPM) TERHADAP**

**MATA PELAJARAN AL-QUR'AN DAN SEJARAH PELAKSANAAN KKQ**

**DI SEKOLAH.**

**1.0 Pendahuluan**

Bab ini secara khusus akan membincangkan dua perkara, iaitu bagaimana mata pelajaran al-Qur'an diperangkat awal sistem pendidikan di Malaysia dijadikan sebagai satu mata pelajaran yang mesti atau wajib diajar di sekolah-sekolah yang mempunyai pelajar beragama Islam dan membincangkan aspek-aspek penting berkaitan pengurusan Kelas Khas Kemahiran al-Qur'an (KKQ) sebagaimana yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Perlaksanaan KKQ di sebuah sekolah adalah berpandukan kepada garis penduan tersebut.

**1.1 Dasar Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) terhadap mata pelajaran al-Qur'an.**

**1. Akta Pelajaran 1961 dan Akta Pendidikan 1966**

Akta Pendidikan Pendidikan 1996 adalah merupakan lanjutan dan pembaharuan dari Akta Pelajaran 1961. Tujuan Akta Pendidikan 1996 ini ialah ke arah memantapkan sistem pendidikan kebangsaan untuk generasi akan datang sejajar dengan kehendak dan cita-cita negara untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan yang bermutu tinggi dan bertaraf dunia. Walaupun Akta Pendidikan 1996 merupakan perundangan yang baru, ia menampilkan kesinambungan kepada hasrat dan dasar pendidikan yang sedia ada. Ia berpaksi kepada perakuan-perakuan utama Penyata Razak 1956 yang menjadi asas dasar

pendidikan kebangsaan selama ini. Akta baru ini juga banyak mengekalkan peruntukan yang masih relevan daripada Akta Pelajaran 1961. Tujuan menggubalkan undang-undang ini (Akta Pendidikan 1996) ialah untuk memperluaskan skop dan memperkenalkan perundangan mengenai pendidikan.

Sambil mengambil kira aspirasi semua kaum di dalam masyarakat majmuk di Malaysia, Akta Pendidikan 1996 memperkenalkan banyak peruntukan perundangan (*Legislative Provision*) baru untuk menangani cabaran pendidikan menjelang abad ke-21 dan memenuhi kehendak atau hasrat Wawasan 2020. Dalam pada itu juga, beberapa peruntukan Akta Pelajaran 1961 yang tidak relevan telah digugurkan.

Dalam laporan Rahman Talib (1960) / Akta Pelajaran 1961 memberi penekanan kepada pelajaran agama Islam dimana Pendidikan Islam wajib diajar kepada seseorang murid Islam yang ada di sekolah pada jumlah minimum 15 orang selama masa ia berada di sekolah rendah dan menengah ( 9 tahun atau 11 tahun). Akta Pelajaran 1961, *Chapter 7 – Religious Instruction in Assisted Schools, Section 36 – Teaching of the Islamic religion* kurungan (1) menyebut:

“ *Where in an assisted school there are fifteen or more pupils professing the Islamic religion, such pupils shall be instructed in the tenets of the religion teachers approved by the State Authority*”<sup>43</sup>

Manakala dalam seksyen 50, Akta Pendidikan 1966 (kemudian disebut Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)) pula menambah bahawa Pendidikan Islam lebih memberi penekanan kepada pelajaran Pendidikan Islam dimana jika terdapat lima

---

<sup>43</sup> *Federation Of Malaya, Act of Parliament. No 43 Of 1961, Education Act 1961.* (1962). Kuala Lumpur: Thor Seng Chong, Pemangku Pencheta Kerajan, Persekutuan Tanah Melayu.

orang atau lebih murid yang beragama Islam, maka murid tersebut wajib diberi Pendidikan Islam oleh guru-guru yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Pengajaran Pendidikan Islam mesti diajar selama tempoh sekurang-kurangnya dua jam seminggu dalam waktu pengajaran biasa di institusi pendidikan tersebut. Dalam *Section 50 – Teaching of Islamic religion (1)* Akta Pendidikan 1996 menyatakan:<sup>44</sup>

*“Where in an educational institution there are five or more pupils professing the Islamic religion, such pupils shall be given religious theaching in Islam by theachers by the State Authority”*

Seksyen 50 (2) pula menyebut:

*“The teaching required in an educational institution under subsection (1) shall be for a period of at least two hours a week within the period of general theaching of the educational institution, or within such other period as the Minister may, in the case of any particukar educational institution, appoint.*

Daripada Akta Pelajaran 1961 dan Akta Pendidikan 1966 jelas menunjukkan pemberatan kerajaan melalui Kementerian Pelajaran Malaysia terhadap pelajaran pendidikan Islam yang secara tidak langsung termasuk pengajaran al-Qur'an yang menjadi sebahagian daripada kurikulumnya.

## 2. Falsafah Pendidikan Negara (FPN)

Pendidikan dan kehidupan berkait rapat kerana pendidikan menentukan corak serta mutu kehidupan manusia. Pendidikan yang utuh dan baik akan melahirkan bangsa yang kuat dan mulia. Peranan pendidikan sangat penting dalam pembentukan generasi muda untuk menjadi rakyat Malaysia yang dapat

---

<sup>44</sup> *Laws of Malaysia. Act 550, Education Act 1996* (2002). Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Bhd., h. 33

menyumbangkan bakti dalam ekonomi, sosial, kebudayaan dan politik negara ini. Berpandukan hasrat dan cita-cita yang terkandung dan tersirat dalam Penyata Razak (1956), Laporan Rahman Talib (1960), Akta Pelajaran 1961, Laporan Jawatankuasa Kabinet mengkaji Dasar Pelajaran 1979 serta Rukunegara, maka pada tahun 1988 Falsafah Pendidikan Negara dirumus dan dinyatakan seperti berikut:<sup>45</sup>

*"Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara".*

Ayat dan perkataan "insan yang seimbang dan harmonis" pada Falsafah Pendidikan Negara, bermaksud memberi tempat yang wajar dan adil kepada semua keperluan manusia termasuk pertumbuhan akal, perkembangan rohani, emosi dan jasmani secara sihat dan bersepadu. Insan yang seimbang dan harmonis memiliki dan menghayati ilmu pengetahuan, berakhhlak mulia, mempunyai kepercayaan dan keyakinan yang teguh kepada Tuhan, mempunyai fikiran dan jiwa yang tenteram, tubuh badan yang sihat dan cergas serta dapat bekerjasama dengan orang lain.<sup>46</sup>

Dalam memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Negara maka Pendidikan Islam adalah salah satu daripada subjek yang dititik beratkan. Pengajaran al-Qur'an yang merupakan salah satu bidang yang terdapat di dalam sukan pelajaran

<sup>45</sup> Laporan Tahunan 1995, Imbasan Sejarah Pendidikan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia, h. 12

<sup>46</sup> Kementerian Pelajaran Malaysia (1992). *Pukal Latihan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah. Falsafah Pendidikan Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Bahasa. Cet. 4, h. 12

Pendidikan Islam memainkan peranan penting melalui pengajaran-pengajaran yang terkandung di dalam ayat-ayat kefahaman. Malah membaca al-Qu'an itu sendiri menjadikan seseorang murid, hati yang tenang dan jiwa yang tenteram. Ketenangan dan ketenteraman itulah menerbitkan akhlak yang terpuji serta melahirkan hamba Allah yang bertaqwa. Justeru itu pengajaran al-Qur'an sangat penting malah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mengadakan program "Jawi, al-Qur'an, Bahasa Arab dan Fardu Ain (JQaf) yang mula diperkenalkan di sekolah rendah mulai tahun 2004.

### 3. Falsafah Pendidikan Islam (FPI)

Menyedari akan hakikat bahawa Islam itu merangkumi keseluruhan cara hidup dan amalan setiap bagi seorang Muslim, maka Pendidikan Islam menekankan aspek ilmu, amalan dan penghayatan. Murid diberi pengetahuan dan kefahaman yang mendalam serta mencukupi tentang pelbagai persoalan dan isu kehidupan yang luas bagi mencorak dan mempengaruhi budaya serta cara hidup masyarakat dan umat Islam. Pendidikan Islam juga bermatlamatkan untuk menghasilkan Muslim yang berilmu, beriman, berketrampilan, beramal soleh, beradab dan berakhlik mulia berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah sebagai hamba Allah dan khalifah Allah yang bertaqwa dan menyumbang kepada tamadun bangsa dan negara. Hasrat dan cita-cita yang murni ini dapat diterjemahkan melalui pembinaan Falsafah Pendidikan Islam seperti berikut:

*" Pendidikan Islam adalah suatu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Qur'an dan Al-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk*

*membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan akhirat”.*<sup>47</sup>

Antara objektif yang tersirat didalam Falsafah Pendidikan Islam tersebut dari aspek pembelajaran al-Qur'an ialah mensasarkan agar murid dapat:

- a. Membaca ayat-ayat al-Qur'an mengikut hukum-hukum tajwid yang betul dan fasih
- b. Menghafaz ayat-ayat al-Qur'an yang terpilih mengikut hukum-hukum tajwid yang betul dan fasih.
- c. Memahami pengertian dan hikmah ayat-ayat tertentu dan hadis-hadis pilihan
- d. Memahami serta menghayati pemgajaran al-Qur'an dan Hadis sebagai sumber hukum.

Bagi memantapkan pengajaran dan pembelajaran, maka pihak Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) telah mengadakan berbagai-bagai kursus, taklimat, kolokium, seminar dan sebagainya kepada guru-guru Pendidikan Islam (GPI) agar matlamat dan objektif yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Islam tercapai. Secara tidak langsung dengan terbinanya Falsafah Pendidikan Islam, jelas menunjukkan kepekaan serta kesungguhan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memantapkan generasi muda dengan ilmu pengetahuan agama dengan subjek pengajaran berkaitan al-Qur'an terus diberi perhatian yang serius agar umat Islam menjadi umat yang celik al-Qur'an serta menjadikan al-Qur'an sebagai sumber hukum dan amalan sehari-hari.

---

<sup>47</sup> Kementerian Pelajaran Malaysia, Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral (2002). *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah, Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam Tingkatan 4*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

### 1.3 Sejarah dan Latar Belakang KKQ.<sup>48</sup>

Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran (KKQ) telah dilaksanakan di sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA) sejak tahun 1986 hingga sekarang. Pelaksanaan ini berdasarkan keputusan mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pelajaran (JPP) pada tahun 1985. Kelas ini juga merupakan salah satu daripada aktiviti kokurikulum di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Kelas Aliran Agama (KAA). Berdasarkan pekeliling KP(BPPP)Sulit/ 03/9/JPP/M(87) kelas ini hendaklah dilaksanakan di sekolah tertentu. Jawatan guru al-Quran di SMKA dan KAA telah diperuntukkan di dalam senarai perjawatan (B26) tahun 2002 berdasarkan MEMO daripada Bahagian Sumber Manusia Kementerian Pelajaran Malaysia KP(PP)0050/Jld.43 (9) bertarikh 8 Mac 2002.

Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) dari semasa ke semasa sentiasa mengadakan kursus-kursus khas kepada guru-guru yang mengajar KKQ di SMKA. Kursus yang sama juga akan diberikan kepada guru-guru yang mengajar di Kelas Aliran Agama (KAA) bagi menambah atau melengkapkan guru-guru dengan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang berkaitan.

### 1.4 Status Kelas Khas Kemahiran Al-Qur'an<sup>49</sup>

Kelas kemahiran al-Quran adalah salah satu kegiatan kokurikulum yang dilaksanakan di SMKA dan KAA seluruh negara. Namun begitu di sekolah berkenaan ia wajib dilaksanakan tiga jam dalam seminggu bagi setiap tingkatan mengikut sukanan

---

<sup>48</sup> Kementerian Pelajaran Malaysia (2004), *Kurikulum Kelas Khas Kemahiran al-Qur'an, Tingkatan Satu, Dua & Tiga*. Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, h. 2

<sup>49</sup> *Ibid.*, h. 3

pelajaran yang telah ditetapkan. Oleh kerana statusnya sebagai kegiatan kokurikulum, maka proses pembelajarannya dilaksanakan di luar jadual waktu rasmi. Ini bererti kelas ini terpaksa dilaksanakan pada sebelah petang jika murid terbabit berada pada sesi pagi. Sekiranya murid yang terbabit bersekolah pada sesi petang, maka kelas ini dilaksanakan pada sebelah pagi. Namun begitu ia menjadi tugas rasmi bagi guru.

Adalah menjadi tanggungjawab pentadbir sekolah menggunakan budi bicara mereka untuk menyusun jadual yang membolehkan guru yang terbabit datang lewat kerana mereka terpaksa pulang lebih lewat berbanding dengan guru-guru lain, begitu juga sebaliknya.

Di samping itu murid-murid yang terlibat dalam kelas ini hendaklah dianggap telah mengikuti salah satu daripada kegiatan kokurikulum yang diwajibkan. Kehadiran mereka dalam kelas ini hendaklah diambil kira ketika memberi markah dalam kegiatan kokurikulum. Manakala guru yang mengajar kelas tersebut juga hendaklah dianggap telah mengambil bahagian dalam kegiatan kokurikulum. Guru yang mengajar kelas tersebut secara khusus juga tidak diberi jawatan-jawatan berat seperti guru tingkatan dan seumpamanya. Ini bagi membolehkan guru terbabit memberi tumpuan yang sepenuhnya supaya kelas berkenaan dapat berjalan dengan baik.

### 1.5 Peperiksaan dan Pensijilan<sup>50</sup>

Setiap murid yang mengikuti kelas KKQ ini akan mengikuti peperiksaan khas yang dilaksanakan semasa tingkatan tiga dan juga tingkatan lima. Semua murid tingkatan tiga dan lima yang mengikuti kelas ini layak menduduki peperiksaan tersebut. Peperiksaan

---

<sup>50</sup> *Ibid.*, h. 4

dilaksanakan dalam bentuk lisan dan juga objektif (aneka pilihan) meliputi aspek tafsir, hafazan, tajwid, tarannum, ulum al-Quran dan qiraat al-sab'ie. Semua soalan disediakan oleh jawatankuasa khas di Kementerian Pendidikan Malaysia.

Peperiksaan lisan akan dilaksanakan oleh guru yang mengajar mengikut panduan yang telah ditentukan. Panduan dan format ujian akan dihantar kepada guru berkenaan. Markah yang telah siap akan dihantar kepada kementerian untuk disatukan dengan markah peperiksaan objektif. Peperiksaan objektif dilaksanakan serentak seluruh negara. Skrip jawapan calon akan dihantar kepada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk diperiksa dan diberi markah. Murid yang lulus dalam peperiksaan tersebut akan dianugerahkan sijil yang ditandatangani oleh Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan (JAPIM) yang merupakan Penggerusi Jawatankuasa Khas Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran.

## 1.6 Jadual Waktu<sup>51</sup>

Antara isu yang sering timbul berhubung dengan kelas KKQ ialah jadual waktu kelas. Hal ini perlu diberi perhatian supaya kelas tersebut dapat berjalan dengan lebih teratur. Pertembungan dengan aktiviti lain seperti sukan, kelas tambahan dan seumpamanya hendaklah dielakkan agar murid yang terlibat tidak menjadi serba salah dan hilang minat terhadap kelas berkenaan. Jadual untuk kelas KKQ hendaklah disusun dengan baik dan bersifat fleksibel. Bagi sekolah yang mempunyai asrama, kelas ini boleh dilaksanakan pada sebelah malam. Justeru itu pihak sekolah hendaklah memberi keutamaan kepada murid yang mengikuti kelas KKQ menghuni asrama sekolah. Jadual yang diperuntukkan untuk kelas ini adalah tiga jam seminggu seperti yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Perancangan Pelajaran (JPP).

---

<sup>51</sup> *Ibid.*, h. 5-6

### 1.7 Status Murid.<sup>52</sup>

Adalah dicadangkan oleh Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) supaya bilangan murid dalam sesebuah kelas tidak melebihi 20 orang. Ini bagi membolehkan guru memberi tumpuan kepada tiap-tiap murid secara individu dan latih tubi. Murid hendaklah dipilih dari kalangan murid yang baik dan lancar membaca al-Quran kerana kandungan sukatan pelajaran dalam mata pelajaran ini adalah tinggi.

### 1.8 Pengurusan Panitia<sup>53</sup>

Walaupun bilangan guru KKQ hanya seorang bagi setiap sekolah, Panitia KKQ hendaklah diwujudkan. Panitia KKQ boleh bernaung dibawah Panitia Pendidikan Islam dengan cara memasukkan KKQ dalam agenda mesyuarat.

Antara item yang boleh dimasukkan ke dalam fail panitia ialah:

- a. Biodata guru
- b. Jadual waktu
- c. Sukatan pelajaran
- d. Huraian Sukatan Pelajaran
- e. Senarai buku-buku rujukan
- f. Minit mesyuarat
- g. Senarai murid
- h. Pendaftaran peperiksaan
- i. Contoh-contoh peperiksaan
- j. Markah peperiksaan

---

<sup>52</sup> *Ibid.*, h. 6

<sup>53</sup> *Ibid.*, h. 6

k. Salinan keputusan peperiksaan

l. Surat-surat rasmi

### 1.9 Status Guru Kelas Kemahiran al-Quran.<sup>54</sup>

Guru Kelas Kemahiran al-Quran adalah guru luar koata diberi kepada sekolah menengah harian biasa yang mempunyai Kelas Aliran Agama (KAA). Di antara tugas dan tanggungjawab guru al-Quran ialah :

- i. Mereka juga bertanggungjawab melaksanakan projek-projek khas yang berkaitan dengan al-Quran seperti kelas pemulihan dan sebagainya
- ii. Mereka boleh (dengan budi bicara) diminta mengajar mata pelajaran lain seperti Pendidikan Islam dan Bahasa Arab sekiranya masih terdapat kekosongan dalam jadual mereka.
- iii. Guru al-Quran yang dilantik diminta melaksanakan kelas KKQ
- iv. Membimbing murid-murid membaca al-Quran.
- v. Menanam minat murid dan warga sekolah kepada al-Quran sehingga terbentuk masyarakat celik al-Quran.
- vi. Bertanggungjawab membasmi “buta al-Quran” dikalangan murid,
- vii. Menjadi tempat rujukan warga sekolah berkaitan dengan al-Quran dan aspek kemahiran al-Quran.
- viii. Mematuhi arahan pengetua sekolah dan menjalankan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

---

<sup>54</sup> *Ibid.*, h. 6-7

Pihak sekolah juga patut berusaha khususnya dalam menjaga kebajikan mereka yang terlibat dengan KKQ. Antara kebajikan yang boleh diberikan ialah menyediakan sebuah bilik darjah khas kepada kelas tersebut. Perkara ini telah pun dilaksanakan di beberapa buah sekolah. Kelas ini diharapkan dapat melahirkan lebih ramai murid yang mahir dalam bidang al-Quran sejajar dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

#### 1.10 Harapan pihak KPM dengan penubuhan kelas KKQ<sup>55</sup>

Kementerian Pelajaran Malaysia sememangnya menaruh harapan yang tinggi terhadap penubuhan kelas KKQ. Ini dapat dilihat melalui kesungguhan pihak KPM dalam memastikan kelas ini berjalan dengan lancar serta mencapai objektif yang telah digariskan.

Antara harapan yang tersurat ialah:

- i. Bilangan sekolah dan murid yang mengikuti kelas ini bertambah dari masa kemasa
- ii. Peranan Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah sangat penting dalam memastikan perjalanan kelas ini di negeri dan daerah dengan membuat penyeliaan dan pemantauan yang berterusan sekurang-kurangnya dua bulan sekali (surat edaran Bahagian Pendidikan Islam K.P 5206/3/38 Jld 5 (76) bertarikh 28 September 1993)
- iii. Pihak sekolah juga patut berusaha khususnya dalam menjaga kebajikan mereka yang terlibat dengan KKQ. Antara kebajikan yang boleh diberikan ialah menyediakan sebuah bilik darjah khas kepada kelas tersebut. Perkara ini telah pun dilaksanakan dibeberapa buah sekolah.
- iv. Kelas ini diharapkan dapat melahirkan lebih ramai murid yang mahir dalam bidang al-Qur'an sejajar dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

---

<sup>55</sup> *Ibid.*, h. 7

## 1.10 Sukatan Pelajaran

### a. Tingkatan satu<sup>56</sup>

Bidang	Kandungan Pelajarn
1. Tajwid	1.1 Hukum nun sakinah dan tanwin 1.1.1 Izhar halqi 1.1.2 Idgham 1.1.3 Ikfak haqiqi 1.1.4 Iqlab 1.1.5 Izhar Idgham 1.2 Hukum nun dan mim Musyaddatain 1.3 Hukum mim sakinah 1.3.1 Iqfak Syafawi 1.3.2 Izhar Syafawi 1.3.3 Idgham Mislain 1.4 Idgham Mutaqaribain 1.5 Idgham Mutajanisain 1.6 Idgham Mutamathilain 1.7 Istilahat dhabit al-Qur'an 1.8 Isti'azah wa basmalah wa al-surah
2. Hafazan	2.1 Kelebihan menghafaz al-Qur'an 2.2 Adab dan syarat 2.3 Faedah menghafaz 2.4 Sighah / bentuk bacaan al-Qur'an 2.5 Menghafaz surah al-Sajadah 2.6 Menghafaz surah al-Insan 2.7 Menghafaz surah al-A'la 2.8 Menghafaz surah al-Ghasiyah
3. Ulum al-Qur'an	3.1 Takrif al-Qur'an 3.2 Takrif Ulum al-Qur'an 3.3 Nuzul al-Qur'an (peringkat awal al-Qur'an)

<sup>56</sup> Ibid., hal 8

	<p>3.4 Jam 'u al-Qur'an</p> <p>3.5 Ayat al-Qur'an yang pertama dan terakhir diturunkan</p>
4. Qiraat Sab'ah	<p>4.1 Pengenalan Qiraat al-Sab'u</p> <p>4.2 Al-Qurra' al-Sab'ah</p> <p>4.3 Pengenalan Rawi</p> <p>4.4 Menerapkan Tilawah surah-surah berikut dengan Qiraat al-Sab'u:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>4.4.1 Surah al-Fatihah</li> <li>4.4.2 Surah al-Ikhlas</li> <li>4.4.3 Surah al-Falaq</li> <li>4.4.4 Surah al-Nas</li> </ul>
5. Taranum	<p>5.1 Suara</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>5.1.1 Pengenalan suara</li> <li>5.1.2 Sifat-sifat suara</li> <li>5.1.3 Tobaqat-tobaqat suara</li> <li>5.1.4 Peranan suara</li> </ul> <p>5.2 Taranum</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>5.2.1 Pengenalan Taranum al-Qur'an</li> <li>5.2.2 Sejarah taranum</li> <li>5.2.3 Sifat-sifat bacaan Rasulullah dan para sahabat</li> <li>5.2.4 Dalil-dalil kelebihan taranum</li> <li>5.2.5 Peranan Taranum</li> <li>5.2.6 Bahagian-bahagian taranum</li> <li>5.2.7 Asas Taranum Hijazi</li> <li>5.2.8 Asas taranum Misri</li> <li>5.2.9 Susunan taranum al-Qur'an</li> </ul> <p>5.3 Pengenalan Ringkasan Istilah-Istilah dalam Ilmu Taranum.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>5.3.1 harakat</li> <li>5.3.2 mahatthoh</li> </ul>

	<p>5.3.3 Khit'ah</p> <p>5.3.4 Burdah</p> <p><b>5.4 Taranum Bayati</b></p> <p>5.4.1 Sejarah dan pengenalan taranum bayati</p> <p>5.4.2 sifat-sifat taranum bayati</p> <p>5.4.3 peranan taranum bayati</p> <p>5.4.4 harakat-harakat taranum bayati</p> <p>5.4.5 sejarah taranum husaini</p> <p>5.4.6 sifat-sifat taranum husaini</p> <p>5.4.7 peranan taranum husaini</p> <p>5.4.8 harakat-harakat taranum husaini</p> <p><b>5.5 Menerapkan Taranum Bayati dan Husaini dalam Surah al-Sajadah dan al-Insan</b></p>
--	--

b. Tingkatan dua <sup>57</sup>

Bidang	Kandungan Pelajaran
1. Tajwid	<p>1.1 al-Madud (hukum mad)</p> <p>1.1.1 mad asli / mad tabie</p> <p>1.1.2 mad wajib muttasil</p> <p>1.1.3 mad jaiz mumfasil</p> <p>1.1.4 mad silah towilah</p> <p>1.1.5 mad 'arid lissukun</p> <p>1.1.6 mad lin</p> <p>1.2 Tajwid al-azan wa al-iqamah</p>
2. Hafazan	<p>2.1 Menghafaz surah al-waqi'ah</p> <p>2.2 Menghafaz surah Nuh</p>
3. Ulum al-Qur'an	<p>3.1 Sejarah penulisan al-Qur'an dizaman Rasulullah s.a.w dan zaman sahabat</p> <p>3.2 Sejarah Mushaf al-Imam</p> <p>3.3 Tartil al-Qur'an</p> <p>3.3.1 Hikmah turun al-Qur'an secara beransur-ansur</p>

---

<sup>57</sup> *Ibid.*, h. 12

	<p>3.3.2 Asbab al-Nuzul</p> <p>3.3.3 Pengenalan Ayat Makkiyyah dan Madadiyyah</p>
4. Qiraat Sab'ah	<p>4.1 Tajwid al-Qiraat</p> <p>4.1.1 hazaf al-alif</p> <p>4.1.2 Ithbat al-Alif</p> <p>4.1.3 Idgham kabir</p> <p>4.1.4 Silah Mim al-Jam'u</p> <p>4.1.5 Saktah</p> <p>4.1.6 Qasr</p> <p>4.1.7 Tawassud</p> <p>4.1.8 Isyba'</p> <p>4.1.9 Ha' al-Kinayah</p> <p>4.1.10 Ra' al-Tarfiq</p> <p>4.1.11 Taslith al-badal</p> <p>4.1.12 Lam taghlid</p> <p>4.1.13 Mad al-Mutasil</p> <p>4.2 Tilawah surah-surah dengan Qiraat Sab'ah</p> <p>4.2.1 Surah al-Kafirun</p> <p>4.2.2 Surah al-Nasr</p> <p>4.2.3 Surah al-Masad</p>
5. Taranum	<p>5.1 Taranum Nahawand</p> <p>5.1.1 Pengenalan dan sejarahnya</p> <p>5.1.2 Sifat-sifat Taranum Nahawand</p> <p>5.1.3 Peranan Taranum Nahawand</p> <p>5.1.4 Harakat Taranum Nahawand diterapkan kedalam surah al-Waqi'ah dan surah Nuh</p> <p>5.2 Taranum Rast</p> <p>5.2.1 Pengenalan dan sejarahnya</p> <p>5.2.2 Sifat-sifat Taranum Rast</p> <p>5.2.3 Peranan Taranum Rast</p> <p>5.2.4 Harakat Taranum Rast diterapkan kedalam surah al-Waqi'ah dan surah Nuh</p>

	5.3 Menggabungkan Taranum Bayati, Nahawand dan Rast
--	---

c. Tingkatan tiga <sup>58</sup>

Bidang	Kandungan Pelajaran
1. Tajwid	1.1 al-Madud (hukum mad) 1.1.1 mad badal 1.1.2 mad 'iwadz 1.1.3 mad silah qasirah 1.1.4 mad tamkin 1.1.5 mad tabie harfie 1.1.6 mad faraq / Istifham 1.1.7 mad lazim kalimi muthaqqal dan mukhahfaf 1.1.8 mad lazim harfi muthaqqal dan mukhahfaf
2. Hafazan	2.1 Menghafaz surah saf 2.2 Menghafaz surah al-Jumu'ah
3. Ulum al-Qur'an	3.1 Makna al-Surah 3.2 Penamaan al-Surah 3.3 Bilangan surah dan bahagiannya 3.4 Tertib al-Suwar 3.5 Hikmah taswir al-suwar 3.6 Bilangan ayat
4. Qiraat Sab'ah	4.1 Tilawah surah-surah dengan Qiraat Sab'ah 4.1.1 Surah al-Fil 4.1.2 Surah al-Quraisy 4.1.3 Surah al-Ma'un 4.1.4 Surah al-Kauthar
	5.1 Taranum Hijaz 5.1.1 Pengenalan dan sejarahnya 5.1.2 Sifat-sifat Taranum Hijaz 5.1.3 Peranan Taranum Hijaz

---

<sup>58</sup> Ibid., h. 15

5. Taranum	<p>5.1.4 Harakat Taranum Hijaz diterapkan kedalam surah al-Saf dan surah al-Jumu'ah</p> <p>5.2 Taranum Soba</p> <p>5.2.1 Pengenalan dan sejarahnya</p> <p>5.2.2 Sifat-sifat Taranum Soba</p> <p>5.2.3 Peranan Taranum Soba</p> <p>5.2.4 Peranan harakat kepada harakat yang lain</p> <p>5.3 Taranum yang beriringan dengan Taranum Hijaz</p> <p>5.4 Taranum yang beriringan dengan Taranum Soba</p> <p>5.5 Menggabungkan Taranum Bayati, Hijaz dan Soba</p> <p>5.6 Mengulangkaji Taranum terdahulu</p>
------------	--

#### 4. Tingkatan empat <sup>59</sup>

Bidang	Kandungan Pelajarn
1. Tajwid	<p>1.1 Makharij al-huruf</p> <p>1.2 Sifat al-huruf</p> <p>1.3 Hukum ra' dan lam</p> <p>1.4 Al-Badu bi al-kalimah (memulakan bacaan hamzah di awal kalimah)</p> <p>1.5 Al-qat'u wa al-Ibtida'</p> <p>1.6 Al-waqf</p> <p>1.7 Al-Saktah</p> <p>1.8 Iltiqa' al-sakinain</p>
2. Hafazan	<p>2.1 Menghafaz surah Yasin</p> <p>2.2 Menghafaz surah al-Munafiqun</p>
3. Qiraat Sab'ah	<p>3.1 Tilawah surah-surah dengan qiraat al-sab'u</p> <p>3.1.1 Surah al-Takathur</p> <p>3.1.2 Surah al-Asr</p> <p>3.1.3 Surah Lumazah</p>

<sup>59</sup> Kementerian Pelajaran Malaysia (t.t ), *Kurikulum Kelas Khas Kemahiran al-Qur'an, Tingkatan Empat, dan Lima*. Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, h. 21

4. Taranum	4.1 Taranum Sikah <ul style="list-style-type: none"> <li>4.1.1 Pengenalan dan sejarahnya</li> <li>4.1.2 Sifat-sifat Taranum Sikah</li> <li>4.1.3 Peranan Taranum Sikah</li> <li>4.1.4 Harakat Taranum Sikah</li> </ul> 4.2 Taranum Jiharkah <ul style="list-style-type: none"> <li>4.2.1 Pengenalan dan sejarahnya</li> <li>4.2.2 Sifat-sifat Taranum Jiharkah</li> <li>4.2.3 Peranan Taranum Jiharkah</li> <li>4.2.4 Harakat Taranum Jiharkah</li> </ul> 4.3 Istilah-istilah dalam Taranum <ul style="list-style-type: none"> <li>4.3.1 Ikhtilal al-lihn</li> <li>4.3.2 Wuslah al-Mumathalah</li> <li>4.3.3 Harakat, muhattah, qit'ah dan burdah</li> </ul>
------------	--

e. Tingkatan lima <sup>60</sup>

Bidang	Kandungan Pelajarn
1. Tajwid	1.1 Kaedah Rasm al-Uthmani <ul style="list-style-type: none"> <li>1.1.1 al-hazf</li> <li>1.1.2 al-ziyadah</li> <li>1.1.3 al-hamazat</li> <li>1.1.4 al-Ibdal</li> </ul> 1.2 Bacaan khas riwayat Hafz dan 'Asim 1.3 Perbezaan bacaan diantara toriq al-Jazari dan toriq al-Syatibi
2. Hafazan	2.1 Menghafaz surah al-Mulk
	3.1 Tilawah surah-surah mengikut bacaan Imam Nafiq, riwayat Qalun dan Warsy <ul style="list-style-type: none"> <li>3.1.1 Surah al-Dhuha</li> <li>3.1.2 Surah al-Syarah</li> </ul>

---

<sup>60</sup> *Ibid.*, h. 46

3. Qiraat Sab'ah  4. Taranum	3.1.3 Surah al-Tin 3.1.4 Surah al-'Alaq 3.1.5 Surah al-Qadr 3.1.6 Surah al-Baiyyinah 3.1.7 Surah al-Zalzalah 3.1.8 Surah al-'Adiyat 3.1.9 Surah al-Qari'ah  4.1 Menggabungkan semua jenis taranum yang telah dipelajari ke dalam surah al-Mulk 4.2 Salalim Nuzul dan Salalim tuluq
------------------------------------	---

### 1.11 Kesimpulan.

Kerajaan telah memberi penekanan terhadap pengajaran al-Qur'an di sekolah sejak sistem pendidikan bermula secara formal. Penambahbaikan terhadap pengajaran al-Qur'an serta kepentingannya dan tuntutan masyarakat Islam telah membawa kepada penubuhan Kelas Khas Kemahiran al-Qur'an dengan satu kurikulum dan sukanan pembelajaran yang lengkap sebagai mendepani cabaran yang mendaratang.

# BAB 2

## **BAB 2**

### **LOKASI KAJIAN**

#### 2.0 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan berkaitan sekolah-sekolah menengah kebangsaan (SMK) yang berada di dalam daerah Gombak, sekolah yang mempunyai Kelas Khas Kemahiran al-Qur'an (KKQ), sekolah yang dijadikan sampel untuk kajian serta rasional pemilihan sekolah tersebut sebagai kajian.

#### 2.1 Sekolah-sekolah menengah kebangsaan (SMK) di daerah Gombak

Mengikut data daripada Pejabat Pelajaran Daerah Gombak, Selangor hingga akhir bulan Disember tahun 2008, terdapat sebanyak 34 buah sekolah menengah di Daerah Gombak. Terdapat pula 3 jenis sekolah tersebut:

- a. Sekolah menengah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)
  1. SMK Bandar Tasik Puteri
  2. SMK Bukit Indah
  3. SMK Bukit Gading
  4. SMK Bukit Rahman Putra
  5. SMK Darul Ehsan
  6. SMK Gombak Setia
  7. SMK Lembah Keramat
  8. SMK Rawang
  9. SMK Selayang Baru
  10. SMK Seri Gombak

- 11 SMK Seri Keramat
- 12 SMK Seri Kundang
- 13 SMK Sungai Kertas
- 14 SMK Sungai Pusu
- 15 SMK Taman Keramat
- 16 SMK Taman Melawati
- 17 SMK Taman Selayang
- 18 SMK Seri Selayang
- 19 SMK Ideal Height
- 20 SMK Taman Ehsan
- 21 SMK Taman Desa
- 22 SMK Taman Desa 2
- 23 SMK Tuanku Abdul Rahman
- 24 SMK Hill Crest
- 25 SMK Seri Garing
- 26 SMK Kepong
- 27 SMK Hulu Kelang
- 28 SMK Bandar Baru Sungai Buloh
29. SM Teknik Selangor
30. SM Teknik Gombak

b. Sekolah Berasrama Penuh (SBP)

1. Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Rawang
2. Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Gombak

c. Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)

1. Sekolah Agama Menengah Paya Jaras
2. Sekolah Agama Menengah Rawang

## 2.2 Sekolah-sekolah menengah kebangsaan yang mempunyai kelas KKQ

Daripada 30 buah sekolah menengah kebangssan, lebih sebahagian daripadanya iaitu 17 buah sekolah telah menubuhkan Kelas Khas Kemahiran al-Qur'an. Sekolah-sekolah tersebut ialah:

1. SMK Bandar Tasik Puteri
2. SMK Bukit Indah
3. SMK Bukit Gading
4. SMK Bukit Rahman Putra
5. SMK Darul Ehsan
6. SMK Gombak Setia
7. SMK Lembah Keramat
8. SMK Rawang
9. SMK Selayang Baru
10. SMK Seri Gombak
11. SMK Seri Keramat
12. SMK Seri Kundang
13. SMK Sungai Kertas
14. SMK Sungai Pusu
15. SMK Taman Keramat
16. SMK Taman Melawati

## 17 SMK Taman Selayang

### 2.3 Sekolah yang dijadikan sampel ujian serta rasional pemilihan sekolah tersebut.

Daripada 17 buah sekolah yang melaksanakan kelas KKQ, maka penulis memilih 3 daripadanya iaitu SMK Seri Kundang, SMK Bukit Rahman Putra dan SMK Bandar Tasik Puteri. Rasioanal pemilihan sekolah tersebut sebagai sampel ujian adalah kerana terdapat perbezaan dari segi lokasi, sosio ekonomi dan beberapa perbezaan lain yang ketara, di mana SMK Seri Kundang terletak di kawasan kampung, yang kebanyakannya pelajarnya adalah orang kampung. SMK Bukit Rahman Putra pula adalah sekolah yang dikatakan "*elit*" serta menjadi pilihan ibu bapa yang berkedudukan serta berjawatan tinggi untuk menghantar anak-anak ke sana. Manakala SMK Bandar Tasik Puteri pula adalah diantara kedua-dua sekolah tersebut, berada di kawasan perbandaran yang baru dibangunkan, percampuran antara golongan yang berpendapatan tinggi dan rendah. Semua perbezaan ini adalah menarik dan sesuai untuk dijadikan bahan ujian terhadap keberkesanan pelaksanaan Kelas Khas Kemahiran al-Qur'an (KKQ).

### 2.4 Latar Belakang Sekolah Yang Dikaji

#### 1. SMK Bandar Tasik Puteri<sup>61</sup>

SMK Bandar Tasik Puteri terletak kira-kira 18 kilometer dari Bandar Rawang. Sekolah ini memulakan operasinya pada 5 jun 2002. Sesi pertama persekolahan SMK Bandar Tasik Puteri bermula pada 7 Januari 2002 tetapi ketika itu menumpang di bangunan SMK Taman Desa, Bandar Country Homes selama lima bulan berikutnya belum mendapat kebenaran menduduki premis berkenaan.

---

<sup>61</sup> Buku Rancangan Bersepadu Kemajuan Sekolah 2008. SMK Bandar Tasik Puteri

Mulai tahun 2005 sebuah kelas Rancangan Khas telah beroperasi dan pada tahun 2006 telah diwujudkan kelas KAA (Kelas Aliran Agama). Kini SMK Bandar Tasik Puteri mempunyai jumlah pelajar seramai 1500 orang dan ditempatkan di 40 buah kelas iaitu 11 kelas tingkatan satu, 9 kelas tingkatan dua, 8 kelas tingkatan tiga, 6 kelas tingkatan empat dan 6 kelas tingkatan lima. SMK Bandar Tasik Puteri dijangka akan mempunyai seramai 75 orang guru dan 9 orang staf sokongan pada tahun 2008. Walau bagaimanapun sekolah masih menjalankan satu sesi persekolahan.

SMK Bandar Tasik Puteri menyediakan pelbagai kemudahan asas Pengajaran dan Pembelajaran termasuklah Makmal Sains, Makmal Komputer, Pusat Sumber, Bengkel-bengkel Kemahiran Hidup, Bilik Warisan Puteri, Bilik Peperiksaan, Pejabat Guru, Bilik Bimbingan dan Kaunseling dan kantin. Untuk memudahkan urusan sukan dan kokurikulum, disediakan bilik penyalinan pakaian perempuan dan lekai, Bilik Pengurus Sukan, Gelanggang Badminton, Gelanggang Sepak Takraw dan padang. Setiap tahun pihak SMK Bandar Tasik Puteri berusaha meningkatkan kecemerlangan dengan peningkatan prestasi akademik berdasarkan keputusan PMR dan SPM yang meningkat dan juga peningkatan dalam bidang kokurikulum, disiplin dan keceriaan.

## 2. SMK Seri Kundang<sup>62</sup>

Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Kundang (SMKSK) telah ditubuhkan pada bulan November tahun 2002. Sekolah ini dibina di atas tapak berkeluasan 8.7

---

<sup>62</sup> Album Sekolah, SMK Seri Kundang (2008) dan Temu ramah dengan Ustaz Nizam bin Abdul Hamid, Guru kelas KKQ. Temu bual pada 10 Feb 2006.

ekar yang berada dalam kawasan Mukim Rawang, Daerah Gombak iaitu Kampung Melayu Seri Kundang, Kampung Permata, Bandar Baru Kundang, Kundang Jaya, Kundang Cina dan Taman Rahmat Jaya (pada tahun 2003).

Faktor pendorong ke arah penubuhan sekolah ini antaranya adalah kerana pertambahan penduduk dan untuk menampung keperluan pendidikan di kawasan tersebut. Tambahan pula, sekolah yang sedia ada iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Gading (SMKBG) tidak dapat memenuhi permintaan pendidikan bagi penduduk di kawasan ini. Selain itu faktor jarak yang jauh dengan tempat tinggal pelajar sering dijadikan alasan melanggar disiplin seperti datang lewat dan ponteng sekolah.

SMKSK mula beroperasi pada 6 Januari 2003, dimana sidang persekolahannya hanya satu sesi sahaja (pagi). Sekolah ini mempunyai 4 block bangunan 3 tingkat, block setingkat untuk kemahiran hidup bersepadu, kantin , balai pengawal dan rumah pam. Pada waktu itu bilangan guru hanya 16 orang dan 143 pelajar tingkatan satu sahaja . Pentadbiran sekolah diletakkan di bawah Pejabat Pelajaran Daerah Gombak. Semasa pembukaanya, SMKSK tidak mempunyai Pengetua. Tugas-tugas pengetua dipangku oleh penolong kanan dan dibantu oleh Penolong Kanan Hal Ehwal Murid. Jawatan pengetua hanya diisi mulai Januari 2004.

Bilangan pelajar dan tenaga pengajar di SMKSK bertambah dari tahun ke tahun. Pada tahun 2004, sekolah ini mula menerima pelajar perintis tingkatan empat, yang menjadikan jumlah pelajar seramai 560 orang. Para pelajar di sini

terdiri daripada 3 kaum utama iaitu Melayu , Cina dan India. Pada waktu itu, jumlah kelas hanyalah terdiri daripada kelas peralihan , tingkatan satu, tingkatan dua, tingkatan empat, 35 orang guru, 8 orang kakitangan sokongan dan 4 orang pekerja swasta. Pada tahun yang sama juga, sekolah ini mempunyai calon PMR dan SPM yang pertama.

Kini SMKSK terdiri daripada 57 orang guru, 973 orang pelajar melibatkan 31 buah kelas iaitu 1 kelas peralihan, 7 kelas tingkatan satu, 7 kelas tingkatan dua, 7 kelas tingkatan tiga, 5 kelas tingkatan empat (1 kelas aliran sains tulen, 1 kelas aliran sains tulen/teknologi, 3 kelas aliran sastera) dan 4 kelas tingkatan 5 (1 kelas aliran sains, 1 kelas aliran sains tulen teknologi, 2 kelas aliran sastera ) serta 10 orang kaki tangan sokongan. Bilangan ini dijangka bertambah dari semasa ke semasa mengikut keeperluan. Diharapkan semoga visi Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Kundang untuk melahirkaninsan cemerlang, seimbang dan patuh kepada Tuhan berteraskan ilmy pengetahuan akan tercapai.

### 3 SMK Bukit Rahman Putra<sup>63</sup>

Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Rahman Putra (SMKBRP) mula dibina pada tahun 1999 dan siap pembinaannya pada November 2001. SMK Bukit Rahman Putra mendapat namanya berdasarkan lokasinya iaitu di kawasan perumahan Bukit Rahman Putra, Sungai Buloh iaitu kira-kira 25 kilometer dari Bandaraya Kuala Lumpur. Sekolah ini berkeluasan lebih kurang 3.64 hektar dan adalah di bawah pentadbiran Pejabat Pelajaran Daerah Gombak.

---

<sup>63</sup> SMK Bukit Rahman Putra, Perancangan Bersepadu Sekolah, Pengurusan dan Pentadbiran Kurikulum, Hal Ehwal Murid dan Kokurikulum tahun 2008. dan Temu bual dengan Ustaz Mohd. Amin bin Abdul Rahman, Guru Penolong Kanan Petang. Tarikh temu bual 2 Feb 2008.

Sementara menunggu bangunan sekolah siap dibina, SMK Bukit Rahman Putra menumpang di SK Bukit Rahman Putra. Bermula dengan 290 orang pelajar dengan 8 buah kelas tingkatan satu, kini SMK Bukit Rahman Putra mempunyai jumlah pelajar yang dianggarkan seramai 1900 orang dan ditempatkan di 52 buah kelas iaitu 15 kelas tingkatan satu, 12 buah kelas tingkatan dua 12 buah kelas tingkatan tiga, 8 buah kelas tingkatan empat, 8 buah kelas tingkatan lima serta 9 buah kelas Intergrasi Pendidikan Khas. Mulai tahun 2004, sebuah kelas KAA telah beroperasi dan pada tahun 2005 SMK Bukit Rahman Putra telah membuka sebuah kelas Rancangan Khas. Pada tahun 2007, kelas aliran Sains Agama dibuka. SMK Bukit Rahman Putra dijanggakan mempunyai seramai oleh 112 orang guru dan 12 staf sokongan pada tahun 2008. Mulai tahun 2008 sekolah ini mempunyai dua sesi, sesi pagi yang melibatkan tingkatan tiga, empat dan lima manakala tingkatan yang selebihnya berada disesi petang.

SMK Bukit Rahman Putra menyediakan pelbagai kemudahan asas Pengajaran dan Pembelajaran termasuklah Makmal Sains, Makmal Komputer, Pustaka Zaba Putra (Bahasa), Galeri Seni, Pusat Sumber al-Biruni, Bengkel Bengkel Kemahiran Hidup, Bilik Cahaya Putra, Bilik Perdana Putra, Anjung Anggerik, Pejabat Guru, Bilik Bimbingan dan Kaunseling, Kantin, Bilik Rawatan dan bilik koperasi SMKBRP Berhad. Untuk memudahkan urusan sukan dan kokurikulum , disediakan bilik penyalinan pakaian perempuan, bilik pengurusan sukan, gelanggang bola tampar, badminton dan sebuah padang sera bilik kokurikulum. Setiap tahun SMK Bukit Rahman Putra berusaha meningkatkan kecemerlangan dengan peningkatan prestasi akademik berdasarkan keputusan peperiksaan PMR dan SPM yang meningkat dengan sasaran 3 % bagi setiap

setahun dan juga peningkatan dalam bidang kurikulum, disiplin dan keceriaan sekolah.

## Kesimpulan

Pada umumnya penubuhan Kelas Khas Kemahiran al-Qur'an di sekolah-sekolah sama ada SMK atau SMKA, sememangnya ada perancangan yang cukup rapi daripada pihak kementerian. Atas sebab itu maka kita lihat segala bahan pembelajaran serta garis panduan pengurusan KKQ cukup untuk dilaksanakan di sekolah-sekolah tanpa ada masalah

# BAB 3

## BAB 3

### KAEDAH PELAKSANAAN KELAS KHAS KEMAHIRAN AL-QUR’AN (KKQ) DI SEKOLAH

#### 3.0 Pendahuluan

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sememangnya menaruh harapan yang tinggi terhadap penubuhan kelas KKQ. Ini dapat dilihat melalui kesungguhan pihak KPM dalam memastikan kelas ini berjalan dengan lancar serta mencapai objektif yang telah digariskan. Dalam bab ini pengkaji akan cuba menghurai pelaksanaan Kelas Khas Kemahiran al-Qur’an (KKQ) dari dua sudut, iaitu:

1. Kaedah penubuhan kelas KKQ
2. Kaedah pengajaran dan pembelajaran guru di kelas KKQ

#### 3.1 Kaedah penubuhan kelas KKQ

Permohonan untuk menujuhkan kelas KKQ akan dibuat oleh pihak sekolah ke Sektor Pendidikan Islam (SPI), Jabatan Pelajaran Negeri Selangor (JPNS) dengan menggunakan borang/format yang telah disediakan. Permohonan tersebut adalah bagi penubuhan Kelas Aliran Agama (CAA) di mana Kelas Khas Kemahiran al-Qur’an (KKQ) dengan sendirinya terbentuk kerana KKQ adalah sebahagian daripada CAA. Kebiasaannya pihak JPNS tidak ada masalah untuk memberi kelulusan penubuhan tersebut setelah melihat persediaan pihak sekolah dalam menyediakan kemudahan kelas tersebut. Ini secara tidak langsung membuka lebih banyak peluang untuk pelajar mengikuti kelas ini yang sebelum ini hanya wujud di Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) sahaja<sup>64</sup>. Sehingga

---

<sup>64</sup> Ustaz Mohd.Norhisam bin Ahmad, Ketua Unit Dakwah dan Kepimpinan, Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pelajaran Negeri Selangor. Temubual pada 17 Disember 2008.

tahun 2008, kelas KAA telah ditubuhkan di 75 buah sekolah di negeri Selangor.<sup>65</sup> (lihat Lampiran H)

### 1. Pemilihan pelajar.

Kemasukan pelajar ke tingkatan satu kelas KAA. Pelajar perlu membuat permohonan ke Unit Pendidikan Islam, Pejabat Pelajaran Daerah (PPD). PPD daerah berkenaan pula akan memproses permohonan tersebut untuk dihantar ke Unit Pendidikan Islam, JPNS. Pihak jabatan akan bermesyuarat untuk menempatkan seseorang pelajar tersebut. Permohonan dibuka selepas keputusan peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) diumumkan. Pihak JPNS telah menetapkan syarat kemasukannya ialah sekurang-kurangnya mendapat 4A 1B dalam peperiksaan UPSR dan markah *Jaid* (60 - 79 %) dalam peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah Agama (PSRA) yang dikendalikan oleh Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Oleh yang demikian, maka pelajar dari sekolah negeri lain tidak berkelayakan untuk memasuki SMKA-SMKA negeri Selangor kerana ketiadaan peperiksaan atau sijil PSRA daripada JAIS. Seseorang pelajar itu akan ditempatkan terlebih dahulu di SMKA di negeri Selangor dan jika seseorang pelajar tersebut tidak mendapat tempat di mana-mana SMKA, maka ia akan ditempatkan di sekolah-sekolah menengah kebangsaan (SMK) yang mempunyai kelas KAA yang berdekatan dengan tempat tinggalnya. Setiap tahun kebiasaannya pihak JPNS akan menerima permohonan kemasukan ke kelas KAA melebihi 5,000 calon. Bagaimanapun tempat yang mampu disediakan

---

<sup>65</sup> Bahagian Pengurusan Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia (2007). *Buku Panduan Eksekutif KAA..* hal. 21.

hanya sebanyak 1,000 tempat sahaja. Ini bermaksud kelas ini mendapat tempat dan sambutan yang sangat tinggi dikalangan ibu bapa.<sup>66</sup>

## 2. Penempatan guru KKQ

Pihak Jabatan Pelajaran Negeri akan menempatkan guru yang berkelayakan untuk mengajar di kelas KKQ. Bagaimanapun masalah yang berlaku ialah tiada guru yang sememangnya dari "opsyen" KKQ. Bagi menampung keperluan tersebut, guru-guru yang disifatkan layak serta berminat akan diminta mengajar kelas KKQ. Pihak berkaitan khususnya Bahagian Pendidikan Guru di Kementerian Pelajaran Malaysia berusaha mengatasi masalah ini dengan melaksanakan Kursus Dalam Perkhidmatan (KDP) bagi guru-guru KKQ yang diadakan di Institut Perguruan Islam (INPIS), Bangi, Selangor. Pihak Jabatan Pelajaran Negeri Selangor, melalui Sektor Pendidikan Islam serta Unit Pendidikan Islam PPD juga tidak ketinggalan mengadakan Kursus-Kursus Peningkatan Kemahiran Guru-Guru KKQ. Hasilnya, maka wujudlah sebilangan guru KKQ dikalangan guru pendidikan Islam yang boleh dikira sebagai mahir untuk mengajar di kelas KKQ. Pihak SPI sentiasa mengadakan kursus-kursus yang pendek serta mesyuarat bagi meningkatkan lagi pemahaman serta mengatasi masalah pelaksanaannya di sekolah.<sup>67</sup>

## 3. Penilaian pelajar KKQ

Pelajar kelas KKQ akan menghadapai dua peperiksaan awam, iaitu diperingkat peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran

---

<sup>66</sup> Ustaz Mohd Norhisam. Temubual pada 17 Disember 2008

<sup>67</sup> Ibid

Malaysia (SPM). Masa peperiksaan tersebut adalah sebelum peperiksaan PMR dan SPM. Semua urusan peperiksaan diselenggarakan oleh Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran Malaysia.. Pelajar akan diberi sijil sebagai pengiktirafan. Lulusan dari kelas ini adalah berpeluang melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) seperti Darul Qur'an, Ampang Pecah, Selangor diperingkat Diploma dan kemudiannya boleh menyambung pengajian mereka ke peringkat Ijazah Pertama di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).<sup>68</sup>

#### 4. Pemantauan

Pemantauan kelas ini dilaksanakan secara terancang dan berterusan oleh Sektor Pendidikan Islam, Pejabat Pelajaran Daerah dan Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, KPM sendiri. Pihak SPI mensasarkan pemantauan dapat dilaksanakan di 18 buah sekolah dalam tempoh setahun. Tujuan pemantauan adalah bagi melihat perjalanan kelas KKQ serta mengenalpasti segala permasalahan dan mengatasinya. Antara aspek-aspek pemantauan adalah:

- a. Pengesahan Pengurusan Dan Pendokumentasian Panitia
- b. Pengesahan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran
  - i. Buku Persediaan Mengajar
  - ii. Proses Pengajaran dan Pembelajaran
  - iii. Penekanan Pelaksanaan P & P
  - iv. Pengujian dan Penilaian

---

<sup>68</sup> Ibid

### 3.2 Kaedah pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran guru di kelas KKQ

Pengajaran merupakan aktiviti atau proses yang berkaitan dengan penyebaran ilmu pengetahuan atau kemahiran yang tertentu. Ia meliputi perkara-perkara seperti aktiviti perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan dan penilaian yang bertujuan menyebar ilmu pengetahuan atau kemahiran kepada pelajar-pelajar dengan cara yang berkesan. Mengikut Thomas F. Green tujuan mengajar ialah menukar tingkah laku dan kelakuan pelajar melalui perolehan ilmu pengetahuan atau kepercayaan baru.<sup>69</sup>

Pengertian pembelajaran pula pada umumnya merupakan sesuatu aktiviti yang meliputi pengajaran guru, disertai dengan aktiviti pengajaran murid. W.H. Kilpatrick (1871-1965) berpendapat pengajaran harus berpusatkan murid dan bukan guru. Bahan pelajaran sekolah hendaklah dirancangkan mengikut keperluan murid-murid. Pendapat ini adalah berasal dari Jean Jacques Rousseau (1712- 1778) yang menegaskan faktor murid sendiri adalah lebih penting dari faktor guru, sekolah dan bahan pelajaran.<sup>70</sup>

Jelasnya, pengajaran dan pembelajaran ialah apa yang berlaku di dalam kelas yang melibatkan antara guru dan murid semasa sesuatu sesi pengajaran sedang dijalankan. Kepelbagaiannya kaedah pengajaran dan pembelajaran guru di dalam kelas adalah suatu keperluan bagi menarik minat murid terhadap pelajaran serta bersesuaian pula dengan tahap umur dan kemampuan murid. Disamping itu perbezaan topik juga memerlukan keperbaikan teknik dan kaedah mengajar. Hasil kajian daripada metode ujian bertulis, pemerhatian, soal jawab lisan, soal selidik dan temu bual telah memberi jawapan awal

---

<sup>69</sup> Mok Soon Sang (2003), *Peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan Skim Perkhidmatan Guru, Bahagian II: Kompetensi Khusus/Fingsi (pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran)*. Kuala Lumpur: Percetakan Seasons Sdn Bhd. Cet. 1, h. 14

<sup>70</sup> *Ibid.*, h. 18

bahawa antara kaedah-kaedah yang diterapkan oleh guru di sekolah yang menjadi lokasi kajian ketika proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas mengikut tajuk dan sukanan pelajaran adalah seperti berikut:

### 1. Gerak kerja berkumpulan

Kaedah ini bersesuaian bagi semua bidang KKQ. Guru membentuk kumpulan kecil dikalangan pelajar dan membahagikan tugas bagi setiap kumpulan dalam masa yang ditetapkan. Hasil kerja akan dibentangkan sebagai nota untuk pelajar bagi sesuatu tajuk yang dibincangkan. Contohnya, bagi pelajaran al-Qiraat al-Sab', guru membentuk empat kumpulan kecil di mana setiap kumpulan mencari fakta yang berlainan iaitu kumpulan pertama: istilah *hazf al-alif*, kumpulan kedua: *ithbat al-alif*, kumpulan ketiga: *idgham al-kabir* dan kumpulan keempat: *silah mim al-jam'*.

### 2. Perbincangan

Perbincangan merupakan satu aktiviti di mana individu-individu dapat berinteraksi di antara satu sama lain serta berkongsi maklumat tentang sesuatu topikatau masalah dengan tujuan mencari suatu penyelesaian. Perbincangan adalah berfaedah bagi murid-murid kerana mereka berpeluang mengemukakan idea-idea mereka. Melalui cara ini, mereka juga berpeluang bertukar-tukar pendapat. Jenis perbincangan yang lebih berkesan melibatkan pertukaran idea-idea antara ahli-ahli kumpulan dan bukanlah diantara guru dengan murid. Guru hanya mengemukakan soalan-soalan serta membincangkan jawapan-jawapan yang diterima. Contoh penggunaan kaedah dan aktiviti ini ialah bagi bidang

'Ulum al-Qur'an di mana guru mengemukakan soalan: " Apakah faktor penulisan al-Qur'an dilakukan di zaman Saidina Abu Bakar".

### 3. Mendengar rakaman

Kaedah pengajaran melalui radio merupakan satu kaedah yang baik bagi murid-murid. Ia bukan sahaja memainkan peranan sebagai alat bantu mengajar tetapi juga dapat menarik minat murid serta membawa unsur hiburan. Kajian menunjukkan bahawa peratusan pengetahuan yang diperolehi melalui deria-deria kita adalah seperti berikut:

- |                      |      |
|----------------------|------|
| a. deria penglihatan | 75 % |
| b. deria pendengaran | 13 % |
| c. deria sentuh      | 6 %  |
| d. deria rasa        | 3 %  |
| e. deria bau         | 3 %  |

Kaedah ini bersesuaian untuk pengajaran Qiraat Sab'ah, Taranum al-Qur'an dan Hafazan al-Qur'an di mana guru memperdengarkan bacaan qari, qiraat atau surah-surah pilihan melalui pita rakaman. Murid boleh mengikut cara bacaan dengan mengikuti rakaman yang diulang-ulang sehingga mahir.

### 4. Soal jawab lisan

Soal jawab lisan merupakan kedah pengajaran secara spontan atau terancang di mana guru boleh mendapatkan pengesahan tahap kefahaman murid di dalam kelasnya terhadap sesuatu topik yang dibincangkan. Contohnya, diakhir pengajaran topik Tarannum Nahawand, guru menyuruh murid menyenaraikan sifat-sifat Taranum Nahawand.

### 5. *Talaqqi musyafahah*

Kaedah ini merupakan kaedah khusus untuk mengajar al-Qur'an. Maksud kaedah ini, pelajar mengambil bacaan daripada guru, iaitu mendengarnya dengan teliti serta melihat pergerakan mulut guru kemudian mengulang bacaannya dengan didengari oleh guru sehingga guru berpuas hati bacaannya betul dan sebutannya tepat. Dengan sebab itu guru dikehendaki membaca terlebih dahulu sebagai bacaan contoh. Jadi bacaan guru mestilah terang, jelas dan fasih sebutan *makhraj* dan *sifat huruf* serta bunyidengungnya (*Ghunnah*) yang tepat dankadar panjang pendek *madnya* yang sempurna.<sup>71</sup> Kaedah ini amat bersesuaian dengan bidang Hafazan al-Qur'an, Qiraat al-Sab'ah dan Taranum al-Qura'an. Seseorang murid akan memperdengarkan bacaan atau hafazannya dihadapan gurunya dan guru tersebut akan memperbetul dan memperelokkan bacaan murid tersebut.

### 6. Mencari bahan di internet / perpustakaan

Kaedah ini merupakan satu gerak kerja atau latihan bagi mendapatkan maklumat berkaitan sesuatu topik yang dibincangkan. Kaedah ini juga menggalakkan murid menjadikan perpustakaan sebagai sumber rujukan serta berkemahiran menggunakan ICT. Sebagai contoh guru memberi kerja kepada murid: ” Bincangkan pandangan ulamak mengenai ayat al-Qur'an yang pertama dan terakhir diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW”

---

<sup>71</sup> Mohd. Yusuf Ahmad (2005). Sejarah dan Kaedah Pendidikan al-Qur'an. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. Cet. Keempat, h. 193

## 7. Tunjukcara

Tunjukcara atau demonstrasi merupakan suatu kaedah pengajaran di mana seorang individu membuat sesuatu di hadapan individu-individu lain untuk menunjukkan bagaimana sesuatu perbuatan itu dilakukan. Ia mungkin juga dijalankan dengan tujuan menunjukkan sesuatu prinsip. Tunjukcara menggunakan bentuk komunikasi pendengaran serta penglihatan. Contoh kaedah ini boleh digunakan oleh guru dalam kelas KKQ ialah bagibidan ang Tajwid al-Qur'an di mana guru memperdengar cara membaca kalimah yang mengandungi hukum tajwid mad wajib mutasil dengan bilangan harakat yang sepatutnya.

## 8. Lawatan

Kaedah lawatan merupakan satu jenis aktiviti sokongan yang membolehkan murid memerhati apa yang hendak dipelajari di dalam buku seperti situasi sebenar. Lawatan ini dikelolakan oleh pihak sekolah dengan membawa murid-murid ke suatu tempat seperti kilang, ladang, muzium dan tempat-tempat awam.<sup>72</sup> Kaedah ini boleh dilaksanakan untuk pelajar KKQ di mana pelajar dibawa melawat Darul Qur'an, Ampang Pecah, Selangor serta Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) sebagai motivasi untuk pelajar mengenali institusi yang membuka peluang untuk pelajar lulusan KKQ.

---

<sup>72</sup> Mok Soon Sang (2008), *SiriPendidikan, Nota Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran*. Ipoh: CIPTA Printing & Publishing (M) Sdn Bhd. Cet. 5. h. 79.

## 9. Latihubi

Latihubi adalah satu cara penyampaian pengajaran yang mengulang-ulang fakta atau perlakuan untuk mendapatkan kemahiran. Cara ini telah diamalkan oleh guru-guru sejak zaman berzaman. Cara ini adalah berdasarkan pengajaran cara deduktif di mana murid-murid diberikan satu-satu rumusan, penyeluruhan atau aturan dan mereka diminta menghafalkannya berulang-ulang untuk mengingat perkara-perkara yang diajarkan itu dan untuk digunakan pada situasi-situasi yang sesuai.<sup>73</sup> Pengajaran hafazan adalah paling sesuai ditekankan dengan kaedah ini. Murid diberi tugas untuk menghafaz ayat-ayat tertentu dan sebagai langkah untuk mendapatkan hafazan yang lancar serta ingatan yang kuat, maka latihubi hafazan perlu dilakukan oleh murid.

## 10. Hafazan

Kaedah ini hampir sama dengan kaedah mengingat semula. Kaedah hafazan merupakan kaedah yang kerap digunakan oleh guru apabila pelajar perlu menghafaz sesuatu perkara, formula atau topik. Kaedah ini kerap diamalkan dalam mata pelajaran Pengetahuan Agama Islam untuk menghafaz bacaan surah-surah yang terdapat dalam al-Qur'an.<sup>74</sup> Kaedah ini sesuai digunakan dalam kelas KKQ bukan sahaja bagi bidang Hafazan, malah untuk bidang Taranum al-Qur'an, Qiraat al-Sab'ah untuk mengingat dan membezakan antara bacaan *qurra'* .

---

<sup>73</sup> Atan Long (1983), *Siri Teks Kolej Fajar Bakti, Pedagogi, Kaedah Am Mengajar*. Petaling Jaya: Percetakan Polygraphic.Cet. ke 5, h. 227

<sup>74</sup> Noraini Idris, Shuki Osman ( 2009). *Pengajaran dan Pembelajaran, Teori dan Praktis*. Malaysia: Mc Graw Hill Education. h. 89.

## 11. Bimbingan rakan sebaya/guru

Murid boleh bertindak sebagai pembimbing terhadap rakannya. Adakalanya bimbingan rakan sebaya lebih efektif disebabkan sifat murid yang malu serta rendah diri untuk bertanyakan sesuatu masalah berkaitan pembelajaran dengan guru. Dalam melaksanakan kaedah ini, guru perlu mengenalpasti kumpulan murid yang mahir untuk bertindak sebagai pembimbing kepada rakannya. Pembelajaran Qiraat Sab'ah dan Hafazan al-Qur'an boleh diterapkan dengan kaedah ini.

## 12. Kuiz

Kaedah ini sememangnya amat menarik jika dipraktikkan dengan terancangkan serta diberi sedikit ganjaran sebagai motivasi. Bentuk-bentuk kuiz yang boleh dilakukan seperti teka silang kata, isi tempat kosong atau kuiz lisan. Sama ada ianya kuiz untuk individu atau dalam bentuk pertandingan kumpulan, ianya tetap dapat menarik minat murid. Guru boleh memilih soalan-soalan dari semua bidang pembelajaran untuk diajukan kepada murid.

## 13. Peta Minda

Pembinaan Peta Minda merupakan kaedah pelaksanaan pengajaran sebagai alat bantu murid untuk membina dan mengingati fakta dengan mudah. Guru boleh menyuruh murid membuat peta minda dalam beberapa kumpulan kecil didalam kelas berdasarkan tajuk-tajuk tertentu. Hasilnya boleh dikongsi bersama sebagai nota. Ini secara tidak langsung melatih murid mencari fakt-fakta penting. Kaedah ini sesuai untuk semua bidang pengajaran kelas khas al-Qur'an.

#### 14. Tasmi'

Pelaksanaan kaedah ini adalah sangat perlu bagi bidang Hafazan al-Qur'an, Qiraat al-Sab'ah, Taranum al-Qur'an dan Tajwid al-Qur'an. Dengan kaedah ini, seseorang guru dapat menilai tahap kefahaman serta kebolehan muridnya. Sebagai contohnya, seseorang murid tidak dapat mengukur bacaan al-Qur'annya adakah betul mengikut makhraj huruf dan hukum tajwid tanpa diperdengarkan kepada seseorang guru

#### Kesimpulan

Perlaksanaan kelas KKQ di sekolah adalah bermula dari kesungguhan dan kesediaan sesebuah sekolah untuk mengadakannya. Pihak Jabatan Pelajaran Negeri sentiasa menyokong dan menyediakan segala keperluan bagi perlaksanaan tersebut. Proses pengajaran dan pembelajaran didalam kelas pula adalah begitu rapat hingga dipandang sebagai sesuatu aktiviti yang menyeluruh. Tanpa murid, guru tidak dapat mengajar, tanpa guru murid tidak dapat mengetahui bagaimana belajar. Murid mendapat manfaat dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran, guru pula memperolehi pengalaman tambahan daripada aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Kepelbagaiannya kaedah pengajaran adalah pula suatu keperluan bagi menarik minat serta menambah keberkesanan pembelajaran. Seseorang guru yang kreatif akan sentiasa memperbaiki kaedah pengajarannya supaya menimbulkan keseronokkan belajar.

# **BAB 4**

## **BAB 4**

### **ANALISIS DATA**

#### 4.0 Pendahuluan

Bab ini memaparkan analisa data-data daripada soal selidik terhadap responden yang dilakukan sepanjang kajian dijalankan. Soalan-soalan kajian yang telah ditetapkan di awal kajian akan dijawab melalui analisa ini. Soalan-soalan kajian tersebut meliputi tiga jenis, iaitu:

- 1 Soalan soal selidik untuk responden guru
  - a. Maklumat diri responden
  - b. Persepsi guru terhadap penubuhan Kelas Khas Kemahiran al-Qur'an
  - c. Persepsi guru terhadap kursus-kursus yang diadakan untuk guru-guru KKQ
  - d. Persepsi guru terhadap pengajaran dan pembelajaran Kelas KKQ
  - e. Persepsi guru terhadap masalah pengajaran dan pembelajaran Kelas KKQ
  - f. Pandangan dan Cadangan
  
- 2 Soalan bertulis untuk responden pelajar
  - a. Bahagian 'Ulum al-Qur'an
  - b. Bahagian Tajwid al-Qur'an
  - c. Bahagian Taranum al-Qur'an
  - d. Bahagian Qiraat al-Sab'ah
  - e. Bahagian Menghafaz al-Qur'an

- 3 Soalan soal selidik untuk responden pelajar
- Maklumat diri responden
  - Persepsi pelajar terhadap keupayaan diri dalam menguasai al-Qur'an
  - Keberkesanan pembelajaran Kelas Khas Kemahiran al-Qur'an – Persepsi pelajar terhadap Keupayaan Diri Menguasai Ilmu al-Qur'an.
  - Persepsi pelajar terhadap kaedah Pengajaran dan Pembelajaran guru
  - Masalah pelajar dalam menguasai kemahiran al-Qur'an.

#### 4.1 Analisis Data dan Dapatan Kajian

Data-data daripada responden di atas akan dianalisis bagi merungkai beberapa persoalan kajian seperti yang dikemukakan dalam metodologi kajian.

##### 1. Latar belakang responden

Bahagian ini mengkaji latar belakng responden yang boleh diguna pakai dalam menilai keberkesanan pengajaran dan pembelajaran kelas KKQ. Bahagian ini juga mampu mencari punca permasalahan yang timbul terhadap keberkesanan pembelajaran kelas KKQ. Latar belakang responden tersebut meliputi pelajar dan guru.

###### i. Responden pelajar

###### a. Jantina

Jadual 4.1:

*Taburan Responden Berdasarkan Jantina*

Jantina	N	Peratus %
Lelaki	25	35.7
Perempuan	45	64.3
Total	70	100.0

Seramai 70 orang responden telah mengembalikan borang soal selidik yang diedarkan. Berdasarkan jadual 4.1, responden perempuan mencatatkan bilangan yang lebih ramai iaitu 45 orang (64.3%), manakala responden selebihnya adalah lelaki iaitu 25 orang (35.7%). Ini juga menunjukkan bahawa responden perempuan lebih ramai berbanding responden lelaki

b. Mula mempelajari Al-Quran.

**Jadual 4.2 :**  
***Taburan Responden Mula Mempelajari al-Quran.***

Usia	N	Peratus %
1 hingga 5	15	21.4
6 hingga 10	47	67.1
10 tahun ke atas	8	11.4
Total	70	100.0

Berdasarkan jadual 4.2 di atas, menunjukkan lebih ramai responden iaitu 47 orang (67.1%) mula mempelajarai al-Quran di usia 6 tahun hingga 10 tahun, seramai 15 orang (21.4%) mula mempelajari al-Quran seawal usia 1 tahun hingga 5 tahun dan selebihnya hanya 8 orang (11.4%) sahaja mula mempelajarai al-Quran di usia 10 tahun ke atas. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden mula mempelajarai al-Qur'an di usia 6 tahun hingga 10 tahun.

c. Pekerjaan Bapa

**Jadual 4.3 :**  
***Taburan Responden Berdasarkan Pekerjaan Bapa***

Katagori Pekerjaan	N	Peratus %
Kakitangan kerajaan	23	32.9
Kakitangan swasta	25	35.7
Berniaga / kerja sendiri	17	24.3
Tidak berkerja	5	7.1
Total	70	100.0

Berdasarkan jadual 4.3, Taburan Responden Berdasarkan Pekerjaan Bapa menunjukkan kakitangan swasta meliputi 23 orang (32.9%), manakala kakitangan kerajaan seramai 25 orang (32.9%). Seramai 17 orang (24.3%) mewakili peniaga atau keja sendiri, sejumlah kecil iaitu seramai 5 orang (7.1%) pula mewakili golongan bapa responden yang tidak berkerja.

#### d. Pendidikan Ibu dan Bapa

**Jadual 4.4 :**  
**Taburan Responden Berdasarkan Pendidikan IbuBapa**

Peringkat Pendidikan Ibu bapa responden	Ibu		Bapa	
	N	%	N	%
Ijazah Lanjutan	2	2.9	7	10.0
Ijazah Pertama	13	18.6	14	20.0
Diploma	11	15.7	11	15.7
STPM	5	7.1	4	5.7
SPM	25	35.7	24	34.3
SRP ke bawah	12	17.1	8	11.4
Tiada respon / tidak pasti	2	2.9	2	2.9
Total	70	100.0	70	100.0

Berdasarkan Jadual 4.4 di atas, pendidikan ibu bapa responden sebahagian besarnya di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) iaitu mewakili 25 orang (35.7%) untuk ibu dan 24 orang (34.3%) untuk bapa. Hasil kajian juga mendapati tahap pendidikan ibu bapa responden untuk Ijazah Pertama, Diploma dan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) ke bawah hampir sama iaitu Ijazah Pertama ibu = 13 orang (18.6 %), bapa = 14 orang (20.0%), Diploma bagi ibu dan bapa ialah 11 orang (15.7%), SRP ke bawah bagi ibu = 12 orang (17.1%), bapa = 8 orang (11.4%). Golongan bapa responden adalah lebih tinggi tahap pendidikannya iaitu di peringkat Ijazah Lanjutan seramai 7 orang (10.0%) benbanding ibu hanya seramai

2 orang (2.9 %) sahaja. Terdapat responden yang tidak dapat mengenal pasti tahap pendidikan ibu dan bapa iaitu 2 orang (2.9 %)

e. Pendapatan Isirumah.

**Jadual 4.5:**  
*Taburan Responden Berdasarkan Pendapatan Isirumah.*

Pendapatan Bulanan	N	Peratus %
RM 1001 ke bawah	9	12.9
RM 1000 hingga RM2000	24	34.3
RM 2001 hingga RM 4000	16	22.9
RM 4000 ke atas	21	30.0
Total	70	100.0

Pengkaji juga telah mendapatkan responden mengenai pendapatan isirumah, dimana jadual 4.5 telah menunjukkan dapatan bahawa, pendapatan bulanan isirumah yang tertinggi adalah RM 1,000 hingga RM 2,000 iaitu seramai 24 orang (34.3%), manakala hanya 9 orang (12.9%) memperolehi pendapatan isirumah bulanan sebanyak RM 1,000 ke bawah. Bagaimanapun pendapatan isirumah responden melebihi Rm 2,001 hingga RM 4,000 agak ramai iaitu 16 orang (22.9 %) dan seramai 21 orang (30.0%) pula memperolehi pendapatan isirumah bulanan yang agak lumayan iaitu RM 4,001 ke atas.

f. Tempat Tinggal

**Jadual 4.6 :**  
*Taburan Responden Berdasarkan Tempat tinggal.*

Tempat Tinggal	N	Peratus %
Kawasan kampong	25	35.7
Kawasan taman perumahan	39	55.7
Kawasan setinggan	1	1.4
Flat / Apartment	5	7.1
Total	70	100.0

Merujuk jadual 4.6, seramai 39 orang (55.7%) responden didapati tinggal di kawasan taman perumahan , 25 orang (35.7%) tinggal di kampong, 5 orang (7.1%) tinggal di flat atau apartment dan hanya 1 orang (1.4%) sahaja yang tinggal dikawasan setinggan. Ini bererti kebanyakan responden tinggal di kawasan taman perumahan.

g. Pemilikan al-Quran

Jadual 4.7 :		
<i>Taburan Responden Berdasarkan Pemilikan al-Quran</i>		
Memiliki al-Quran	N	Peratus %
Ya	70	100
Tidak	0	0.0
Total	70	100.0

Dalam kajian yang telah dijalankan ini, jadual 4.7 telah menunjukkan, semua responden memiliki al-Qur'an sendiri.

h. Bekas pelajar sekolah rendah agama

Jadual 4.8 :		
<i>Taburan Responden Berkaitan Sekolah Terdahulu</i>		
Bekas pelajar sekolah rendah agama	N	Peratus %
Ya	62	88.6
Tidak	8	11.4
Total	70	100.0

Merujuk kepada jadual di atas, majoriti responden iaitu seramai 62 orang (88.6%) adalah bekas pelajar sekolah rendah agama. Manakala selebihnya iaitu seramai 8 orang (11.4%) tidak bersekolah di sekolah rendah agama sebelum melangkah ke sekolah menengah.

i. Memilih kelas KKQ kerana minat sendiri

Jadual 4.9 :

*Taburan Responden Berdasarkan Minat Terhadap Kelas KKQ*

Memilih Kelas KKQ kerana minat sendiri	N	Peratus %
Ya	63	90.0
Tidak	7	10.0
Total	70	100.0

Jadual 4.9 di atas menjelaskan keadaan responden yang memilih aliran Kelas Khas Kemahiran Al-Qur'an (KKQ) dimana majoritinya iaitu seramai 63 orang (90.0%) memilih kelas ini berdasarkan minat sendiri, bukan dipaksa, mengikut rakan dan sebagainya. Manakala selebihnya iaitu 7 orang (10.0%) adalah sebaliknya.

j. Kekerapan Responden membaca al-Quran

Jadual 4.10:

*Taburan Responden Berdasarkan Bilangan Responden Membaca al-Quran.*

Membaca al-Qur'an	N	Peratus %
Kerapkali	17	24.3
Sekali sekala	44	62.9
Jarang	9	12.9
Tidak pernah	0	0.0
Total	70	100.0

Jadual 4.10, menunjukkan Taburan Responden berdasarkan bilangan atau kekerapan dalam membaca al-Quran. Taburan ini menunjukkan bahawa kekerapan membaca al-Quran yang paling tinggi ialah "Sekali Sekala" iaitu seramai 44 orang (62.9%) dan kekerapan yang paling rendah ialah "Jarang" 9 orang (12.9%). Ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden membaca al-Quran dengan kadar "sekali sekala." dan tidak ada responden yang tidak pernah membaca al-Qur'an.

## Rumusan

Dapatan dari responden pelajar menunjukkan bahawa kebanyakan responden telah mempunyai pengetahuan sedia ada tentang al-Qur'an, pernah belajar di sekolah rendah agama, minat terhadap al-Qur'an dan memilih kelas ini adalah dengan kehendak sendiri. Manakala latar belakang keluarga responden yang tinggal di kampung dan perumahan atau taman mempunyai peratusan yang hampir sama, mempunyai tahap pendidikan yang agak tinggi serta pendapatan isirumah yang agak lumayan. Semua faktor ini dilihat mampu memberi kesan terhadap keberkesanan pelaksanaan Kelas Khas Kemahiran al-Qur'an (KKQ) di sekolah.

### ii. Responden guru

#### a. Jantina

Jadual 4.11:

Taburan Responden Berdasarkan Jantina		
Jantina	N	Peratus %
Lelaki	1	33.3
Perempuan	2	66.7
Total	3	100.0

Kajian ini hanya melibatkan bilangan tiga orang responden dikalangan guru yang mewakili tiga buah sekolah yang dikaji kerana bagi setiap sekolah hanya mempunyai sebuah kelas KKQ dan melibatkan bilangan pelajar seramai antara 15 orang hingga 30 orang pelajar

b. Umur

Jadual 4.12:

*Taburan Responden Berdasarkan Umur*

Umur	N	Peratus %
31 tahun	1	33.3
38 tahun	2	66.7
Total	3	100.0

Secara keseluruhannya 2 orang responden telah mencapai umur 38 tahun dan seorang lagi masih muda iaitu berumur 31 tahun.

c. Peringkat tertinggi pendidikan

Jadual 4.13 :

*Taburan Responden Berdasarkan Pendidikan*

Peringkat Pendidikan Responden	N	Peratus %
Sijil Pelajaran Malaysia	0	00.0
Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia	0	00.0
Diploma	0	00.0
Ijazah Pertama	2	66.7
Ijazah Lanjutan	1	33.3
Total	3	100.0

Jadual 4.13 memperlihatkan tahap pendidikan responden yang sememangnya memiliki pendidikan yang tinggi sesuai dengan tugasan yang diberikan untuk mengajar Kelas Khas Kemahiran al-Qur'an. Melihat kepada tahap pendidikan responden, maka sepatutnya tidak timbul masalah dari sudut penyampaian ilmu kepada pelajar.

d. Pengalaman Mengajar

Jadual 4.14:  
*Taburan Pengalaman Responden Mengajar*

Pengalaman Mengajar	N	Peratus %
1 hingga 5	2	66.7
6 hingga 10	1	33.3
11 tahun ke atas	0	00.0
Total	3	100.0

Jadual 4.14 di atas menerangkan pengalaman responden bertugas sebagai pendidik di sekolah. Daripada 3 orang responden, seorang daripadanya telah bertugas lebih dari 6 tahun, manakala 2 orang responen lagi bertugas antara 1 – 5 tahun.

e. Pengalaman mengajar Kelas KKQ

Jadual 4.15:  
*Taburan Responden Berdasarkan Pengalaman Responden Mengajar Kelas KKQ*

Pengalaman Mengajar kelas KKQ	N	Peratus %
1 hingga 3 tahun	2	66.7
4 hingga 6 tahun	1	33.3
7 hingga 10 tahun	0	00.0
10 tahun ke atas	0	00.0
Total	3	100.0

Berdasarkan Jadual 4.15 di atas, 2 orang responden didapati masih baru dalam bidang ini dimana pengalaman mengajar kelas KKQ antara 1 -3 tahun sahaja. Seorang responden lagi agak berpengalaman setelah mengajar di kelas KKQ lebih daripada 4 tahun.

f. Keseronokan mengajar Kelas KKQ

Jadual 4.16 :

*Taburan Responden Berkaitan Keseronokan Mengajar Kelas KKQ*

Keseronokan	N	Peratus %
Ya	3	100.0
Tidak	0	00.0
Total	3	100.0

Berdasarkan Jadula 4.16 di atas maka didapati kesemua ressponden menyatakan minat dan keseronokan mereka mengajar di kelas KKQ. Ini secara tidak langsung akan memberi kesan yang positif terhadap pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas KKQ

#### 4.2 Mengkaji dan menyelidik tahap penguasaan al-Qur'an dikalangan pelajar Kelas Khas Kemahiran al-Qur'an (KKQ)

Kajian ini terdiri daripada empat soalan kajian iaitu , pertama : tahap penguasaan pelajar dalam mengenal Huruf Hijaiyah dan Membaca Kalimah al-Quran. Kedua : tahap penguasaan pelajar dalam membaca surah-surah terpilih secara bertajwid dan kebolehan mengesan kesalahan bacaan orang lain. Ketiga : tahap penguasaan pelajar dalam mengenal tanda-tanda bacaan dan pengetahuan Ilmu Tajwid. Keempat: tahap penguasaan pelajar dalam menghafaz Surah-surah Lazim. Dalam kajian ini, Statistik deskriptif ( Min dan Sisihan Piawai) digunakan dan pengkaji menggunakan interpretasi skor seperti jadual dibawah:

Jadual 4.17 :

*Interpretasi Skor Min Persepsi Pelajar Terhadap Keupayaan Diri  
Mereka Dalam Menguasai al-Quran dan Ilmu Kemahiran al-Quran.*

SKOR MIN	INTERPRETASI SKOR MIN
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Berdasarkan jadual 4.17 menunjukkan tahap keupayaan diri responden dalam penguasaan al-Quran dan kemahiran al-Quran, dimana skor min antara 1.00 hingga 2.33 adalah merujuk tahap keupayaan diri yang rendah. Skor min antara 2.34 hingga 3.66 adalah merujuk tahap keupayaan diri yang sederhana dan skor min antara 3.67 hingga 5.00 adalah merujuk tahap keupayaan diri yang tinggi.

**Soalan Kajian 1 : Apakah Persepsi Pelajar Terhadap Keupayaan Diri Mereka  
Dalam Menguasai al-Quran ?**

Bagi mendapatkan data persepsi pelajar terhadap keupayaan diri mereka dalam menguasai al-Quran, pengkaji telah meninjau tentang tanggapan mereka dalam keupayaan mengenal huruf hijaiyah dan makhrajnya, kebolehan menyebut satu kalimah al-Quran dan kalimah al-Quran yang bersambung, mengenal tanda-tanda dalam al-Quran, pengetahuan tentang ilmu tajwid, keyakinan dalam bacaan Surah - Surah seperti Surah al-Fatihah dan kebolehan mengesan kesalahan bacaan Surah al-Fatihah orang lain, dan membaca Surah Yasin secara bertajwid dan keupayaan menghafaz (20 surah dari 37 surah) dari surah-surah lazim iaitu mulai Surah An-Nas hingga Surah An-Naba'.

**Soalan Kajian 1 (a) :Apakah persepsi pelajar terhadap keupayaan diri mereka dalam mengenal Huruf Hijaiyah dan Membaca Kalimah al-Qur'an?**

Jadual 4.18:

*Min Persepsi Pelajar Terhadap Keupayaan Diri Mereka Dalam Menguasai al-Quran ( Mengenal Huruf Hijaiyah dan Membaca Kalimah al-Quran ).*

Item	Persepsi Pelajar Terhadap Keupayaan Diri.	Sangat Lemah	Lemah	Sederhana	Baik	Sangat Baik	Min	SP
		(%)	(%)	(%)	(%)	(%)		
12	Kebolehan saya mengenal huruf hijaiyah	1 (1.4 %)	4 (5.7 %)	12 (17.1%)	20 (28.6%)	33 (47.1%)	4.14	0.99
13	Kebolehan saya mengenal huruf Hijaiyah mengikut makhraj yang betul.	0 (0.00%)	7 (10.0%)	17 (24.3%)	30 (42.9%)	16 (22.9%)	3.78	0.91
14	Kebolehan saya menyebut kalimah al-Quran	0 (0.00%)	0 (0.00%)	11 (15.7%)	39 (55.7%)	20 (28.6%)	4.12	0.65
15	Kebolehan saya menyebut kalimah al-Quran yang bersambung	0 (0.00%)	1 (1.4 %)	15 (21.4%)	35 (50.0%)	19 (27.1%)	4.02	0.74

Jadual 4.18, memaparkan persepsi pelajar terhadap keupayaan diri mereka dalam menguasai al-Quran. Iaitu keupayaan mengenal huruf hijaiyah dan makhrajnya, kebolehan menyebut satu kalimah al-Quran dan kalimah al-Quran yang bersambung. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap keupayaan yang paling tinggi ialah keupayaan mengenal huruf hijaiyah ( Min=4.14, SP=0.99 ) dan diikuti oleh keupayaan menyebut kalimah al-Quran (Min=4.12, SP=0.65), seterusnya keupayaan menyebut kalimah al-Quran yang bersambung ( Min=4.02, SP=0.74 ), dan yang terendahnya kebolehan mengenal huruf hijaiyah mengikut makhraj yang betul ( Min=3.78, SP=0.91 ). Dapatan kajian menunjukkan tahap keupayaan diri responden dalam bahagian ini ( Mengenal Huruf Hijaiyah dan Membaca Kalimah al-Quran ) adalah tinggi dengan purata Min dan SP ialah (Min=4.01, SP=0.82).

**Soalan 1 ( b ) : Apakah persepsi pelajar terhadap keupayaan diri mereka dalam membaca surah-surah terpilih secara bertajwid dan kebolehan mengesan kesalahan bacaan orang lain?**

Bagi menjawab soalan ini, pengkaji telah merujuk kepada dapatan analisis data soal selidik bagi item 18,19,20 dan 22

Jadual 4.19:

*Min Persepsi Pelajar Terhadap Keupayaan Diri Mereka Dalam Menguasai al-Quran (Membaca Surah-surah secara bertajwid Dan Kebolehan Mengesan Kesalahan Orang Lain).*

Item	Persepsi Pelajar Terhadap Keupayaan Diri.	Sangat Lemah	Lemah	Sederhana	Baik	Sangat Baik	Min	SP
		(%)	(%)	(%)	(%)	(%)		
18	Kebolehan saya membaca al-Quran mengikut hukum tajwid yang betul	0 (0.00%)	0 (0.00%)	37 (52.9%)	32 (45.7%)	1 (1.4 %)	3.48	0.53
19	Yakin saya membaca surah al-Fatihah dengan betul mengikut hukum tajwid	0 (0.00%)	1 (1.4%)	17 (24.3%)	34 (48.6%)	18 (25.7%)	3.98	0.75
20	Kebolehan saya mengesan kesalahan bacaan al-Fatihah orang lain.	0 (0.00%)	8 (11.4%)	32 (45.7%)	22 (31.4%)	8 (11.4%)	3.30	0.72
22	Kebolehan saya membaca surah Yassin dengan tajwid yang betul.	0 (0.00%)	0 (0.00%)	29 (41.1%)	32 (45.7%)	9 (12.9%)	3.71	0.68

Jadual 4.19 pula, memaparkan persepsi pelajar terhadap keupayaan diri mereka dalam menguasai al-Quran. Iaitu keupayaan membaca surah-surah secara bertajwid dan kebolehan mengesan kesalahan orang lain. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap keupayaan yang paling tinggi ialah keyakinan membaca surah al-Fatihah dengan mengikut hukum tajwid ( $\text{Min}=3.98$ ,  $\text{SP}=0.75$ ), diikuti oleh kebolehan membaca surah Yasin dengan tajwid ( $\text{Min}=3.71$ ,  $\text{SP}=0.68$ ), dan keupayaan yang terendah ialah kebolehan mengesan kesalahan bacaan Surah al-Fatihah orang lain ( $\text{Min}=3.30$ ,  $\text{SP}=0.72$ ). Dapatan kajian juga menunjukkan tahap keupayaan diri responden dalam bahagian ini (Membaca Surah-surah

secara bertajwid Dan Kebolehan Mengesan Kesalahan Orang Lain) adalah sederhana dengan purata Min dan SP ialah (Min=3.61, SP=0.67)

**Soalan 1 (c) : Apakah persepsi pelajar terhadap keupayaan diri mereka dalam mengenal tanda-tanda bacaan dan pengetahuan Ilmu Tajwid?**

Bagi menjawab soalan ini, pengkaji telah merujuk kepada dapatan analisis data soal selidik bagi item 16 dan 17.

Jadual 4.20:

*Min Persepsi Pelajar Terhadap Keupayaan Diri Mereka Dalam Menguasai al-Quran  
( Mengenal tanda-tanda bacaan dan Pengetahuan Ilmu Tajwid )*

Item	Persepsi Pelajar Terhadap Keupayaan Diri.	Sangat Lemah	Lemah	Sederhana	Baik	Sangat Baik	Min	SP
		(%)	(%)	(%)	(%)	(%)		
16	Kebolehan saya mengenal tanda-tanda yang terdapat dalam al-Quran	1 (1.4 %)	2 (2.9%)	28 (40.0%)	34 (48.6%)	5 (7.1%)	3.57	0.73
17	Pengetahuan saya tentang ilmu tajwid	1 (1.4 %)	5 (7.1%)	39 (55.7%)	23 (32.9%)	2 (2.9%)	3.28	0.70

Jadual 4.20 juga, memaparkan persepsi pelajar terhadap keupayaan diri mereka dalam menguasai al-Quran. Iaitu keupayaan mengenal tanda-tanda bacaan dan pengetahuan Ilmu Tajwid. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap keupayaan mengenal tanda-tanda bacaan (Min=3.57, SP=0.73) manakala tahap pengetahuan tentang ilmu Tajwid (Min=3.28, SP=0.70). Dapatan juga menunjukkan tahap keupayaan diri responden dalam bahagian ini (Mengenal tanda-tanda bacaan dan pengetahuan Ilmu Tajwid) adalah sederhana dengan purata Min dan SP ialah (Min=3.42, SP=0.71).

**Soalan 1(d) : Apakah persepsi pelajar terhadap keupayaan diri mereka dalam menghafaz Surah-surah Lazim?**

Bagi menjawab soalan ini, pengkaji telah merujuk kepada dapatan analisis data soal selidik bagi item 21.

Jadual 4.21:

*Min Persepsi Pelajar Terhadap Keupayaan Diri Mereka Dalam Menguasai al-Quran (Kebolehan menghafaz surah-surah lazim).*

Item	Persepsi Pelajar Terhadap Keupayaan Diri.	Sangat Lemah	Lemah	Sederhana	Baik	Sangat Baik	Min	SP
		(%)	(%)	(%)	(%)	(%)		
21	Kebolehan saya menghafaz surah-surah Lazim ( Surah 1- surah 20).	0 (0.00%)	7 (10.0%)	39 (55.7%)	20 (28.6%)	4 (5.7%)	3.30	0.72

Jadual 4.21, seterusnya memaparkan persepsi pelajar terhadap keupayaan diri mereka dalam menguasai al-Quran. Iaitu keupayaan menghafaz (20 surah dari 37 surah) dari surah-surah lazim iaitu mulai Surah An-Nas hingga Surah An-Naba'. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa tahap keupayaan ( $\text{Min}=3.30$ ,  $\text{SP}=0.72$ ) iaitu tahap yang paling tinggi ialah "Sederhana" seramai 39 orang ( 55.7%) dan tidak ada pelajar yang berada pada tahap "Sangat Lemah" hanya (0.00%). Dapatkan kajian menunjukkan tahap keupayaan diri responden dalam bahagian ini (Kebolehan menghafaz surah-surah lazim) adalah sederhana dengan purata Min dan SP ialah ( $\text{Min}=3.30$ ,  $\text{SP}=0.72$ ).

#### 4.3 Mengkaji dan menyelidik kaedah pelaksanaan KKQ di sekolah

Analisa pada bahagian ini melibatkan kajian terhadap responden berkaitan kaedah pelaksanaan Kelas Kemahiran al-Qur'an di sekolah yang mengambil kira empat soalan penting iaitu, persepsi guru terhadap penubuhan kelas KKQ, persepsi guru terhadap kursus-kursus yang diadakan untuk guru-guru KKQ, persepsi guru terhadap pengajaran dan pembelajaran kelas KKQ dan persepsi pelajar terhadap kaedah pengajaran dan

pembelajaran guru di kelas KKQ. Soalan-soalan ini penting bagi menilai kaedah pelaksanaan kelas KKQ serta kaedah pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di kelas KKQ. Pengkaji masih menggunakan Jadual 4.17 (*lihat muka surat 74*) sebagai perbandingan tahap kaedah pelaksanaan kelas KKQ di sekolah

### **Soalan 2 (a): Apakah Persepsi Guru Terhadap Penubuhan Kelas Khas Kemahiran al-Qur'an KKQ) Di Sekolah**

Jadual 4.22:

*Persepsi Guru Terhadap Penubuhan Kelas Khas Kemahiran Al-Qur'an KKQ) Di Sekolah*

Item	Persepsi Guru	Sangat tidak setuju	Tidak Setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat Setuju	Min	SP
		(%)	(%)	(%)	(%)	(%)		
7	Penubuhan Kelas KKQ adalah diatas kesedaran pihak sekolah	0 (0.00%)	0 (0.00%)	0 (0.0%)	2 (66.7%)	1 (33.3%)	4.33	0.57
8	PIBG menyokong penuh penubuhan Kelas KKQ	0 (0.00%)	0 (0.00%)	1 (33.3%)	1 (33.3%)	1 (33.3%)	4.00	1.00
9	Kelas KKQ mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelajar	0 (0.00%)	0 (0.00%)	0 (00.0%)	1 (33.3%)	2 (66.7%)	4.66	0.57
10	Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) sentiasa membantu dalam memudahkan urusan penubuhan dan pelaksanaannya	0 (0.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)	1 (33.3%)	2 (66.7%)	4.66	0.57

Jadual 4.22 di atas memperlihatkan bahawa dalam penubuhan kelas KKQ, maka pihak sekolah telah mendapat maklum balas dari pihak-pihak berkaitan, iaitu sambutan pelajar, sokongan Pejabat Pelajaran Daerah (PPD), Persatuan Ibumapa dan Guru dimana dalam keadaan ini sambutan dari pelajar dan sokongan dari PPD (Min = 4.66, SP = 0.57) telah menjadi asas penubuhan kelas ini. Disamping itu kesedaran dari pihak sekolah tentang keperluan kelas ini turut menyumbang kearah penubuhannya (min = 4.33, SP = 0.57). Persatuan Ibumapa dan Guru juga memainkan sokongan penting dalam penubuhan kelas ini (Min = 4.00, SP = 1.00). Dapatan ini menunjukkan sokongan yang kuat dari pihak

pihak PPD, pentadbir sekolah, PIBG dan sambutan pelajar adalah tinggi dengan nilai purata Min dan SP (Min 4.41, SP = 0.68)

**Soalan 2 (b): Apakah Persepsi Guru Terhadap Kursus-Kursus Yang diadakan Untuk Guru-Guru KKQ)**

Jadual 4.23

*Persepsi guru terhadap kursus-kursus yang diadakan untuk guru-guru KKQ*

Bil	Perkara	Sangat Tidak Setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat Setuju	Min	SP
		%	%	%	%	%		
11	Membantu menambah ilmu dan kemahiran	0 (0.00%)	0 (0.00%)	0 (0.0%)	0 (0.00%)	5 (100.0%)	5.0	0.00
12	Hanya diadakan sekadar melepas tanggungjawab pihak berkaitan	1 (33.3%)	2 (66.7%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)	1.66	0.57
13	Kursus amat jarang Dilaksanakan	0 (0.00%)	2 (66.7%)	0 (0.00%)	1 (33.3%)	0 (0.00%)	2.66	1.15
14	Tempat serta masa kursus diadakan tidak dapat membantu meningkatkan motivasi guru	0 (0.00%)	2 (66.7%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)	1 (33.3%)	3.0	1.73

Jadual 4.23 di atas memperlihatkan bagaimana kursus-kursus yang diadakan oleh sama pihak Pejabat Pelajaran Daerah (PPD), Jabatan Pelajaran Negeri Selangor (JPNS) dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), apakah input yang diperolehi oleh responden dapat membantu atau tidak pelaksanaan kelas KKQ di sekolah, juga kesesuaian kursus tersebut diadakan. Responden menyatakan kursus tersebut sememangnya membantu pelaksanaan KKQ ( Min = 5.00, SP = 0.00), tempat dan masa kursus diadakan mencatatkan Min = 3.0, SP = 1.73, kekerapan kursus diadakan pula mencatat Min = 2.66, SP = 1.15) dan kursus tersebut bukan diadakan sekadar melepaskan tanggungjawab, Min = 1.66, SP = 0.57. Dapatkan ini menunjukkan kursus-kursus yang diadakan untuk guru-guru

KKQ sederhana membantu dalam melaksanakan kelas KKQ serta memberi input berguna untuk guru-guru KKQ. Nilai purata Min dan SP ialah, Min = 3.08, SP = 0.86.

**Soalan 2 (c): Apakah Persepsi Guru Terhadap Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Kelas KKQ**

Jadual 4.24:

*Persepsi Guru Terhadap Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Kelas KKQ*

Item	Persepsi Guru	Sangat tidak setuju	Tidak Setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat Setuju	Min	SP
		(%)	(%)	(%)	(%)	(%)		
21	Anda sentiasa memperbaiki kaedah pengajaran	0 (0.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)	3 (100.0%)	0 (0.00%)	4.10	0.61
22	Pelajar dapat mengikuti pengajaran anda	0 (0.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)	3 (100.0%)	0 (0.00%)	4.07	0.76
23	Anda membuat kelas pemulihan bagi pelajar yang tidak menguasai sesuatu tahap	0 (0.00%)	2 (66.7%)	0 (0.0%)	1 (33.3%)	0 (0.00%)	4.79	0.48
24	Anda sentiasa memberi peluang kepada pelajar mencuba	0 (0.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)	2 (66.7%)	1 (33.3%)	4.21	0.55
25	Anda sentiasa meluangkan masa untuk pelajar bertanya walaupun selepas tamat persekolahan	0 (0.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)	2 (66.7%)	1 (33.3%)	4.10	0.61

Jadual 4.24 di atas, memperlihatkan persepsi guru terhadap kaedah pengajaran di dalam kelas. Guru membuat kelas pemulihan bagi pelajar yang tidak menguasai sesuatu tahap adalah dengan nilai Min dan SP yang tinggi (Min = 4.79, SP = 0.48). Ini diikuti dengan sikap guru yang sentiasa memberi peluang kepada pelajar untuk mencuba dengan nilai Min dan SP yang tinggi (Min = 4.21, SP = 0.55). Guru juga sentiasa memberi memperbaiki kaedah pengajaran dan meluangkan masa untuk pelajar bertanya walaupun selepas tamat persekolahan dengan nilai Min dan SP yang tinggi (Min = 4.10, SP = 0.61). Dapatkan ini menunjukkan guru-guru memperbaiki kaedah

pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas KKQ adalah tinggi dengan nilai purata Min dan SP (Min = 4.26, SP = 0.60)

### **Soalan 2 (d) :Apakah Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Guru**

**Jadual 4.25:**  
*Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Guru*

Item	Persepsi Guru	Sangat tidak setuju	Tidak Setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat Setuju	Min	SP
		(%)	(%)	(%)	(%)	(%)		
41	Guru menggunakan alat bantu mengajar seperti radio, kaset, computer dan sebagainya	3 (4.3 %)	3 (4.3 %)	8 (11.4%)	30 (42.9%)	26 (37.1%)	4.04	1.02
42	Guru memperdengarkan bacaan terhadap ayat-ayat yang akan dipelajari	0 (0.00%)	0 (0.00%)	3 (4.3%)	25 (35.7%)	42 (60.0%)	4.55	0.58
43	Guru sentiasa memberi peluang kepada pelajar untuk mencuba	0 (0.00%)	2 (2.9 %)	1 (1.4 %)	25 (35.7%)	42 (60.0%)	4.52	0.67
44	Guru sentiasa berbincang hal berkaitan pelajaran	0 (0.00%)	0 (0.00%)	6 (8.6%)	28 (40.0%)	36 (51.4%)	4.42	0.64
45	Guru sentiasa memberi latihan	1 (1.4 %)	2 (2.9 %)	22 (31.4%)	38 (54.3%)	7 (10.0%)	3.68	0.75
46	Guru mengakhiri pengajaran dengan penilaian	1 (1.4 %)	4 (5.7 %)	21 (30.0%)	29 (41.4%)	15 (21.4%)	3.75	0.90

Jadual 4.25 di atas, memperlihatkan persepsi pelajar terhadap kaedah pengajaran guru di dalam kelas. Guru memperdengarkan bacaan terhadap ayat-ayat yang akan dipelajari adalah dengan nilai Min dan SP yang tinggi (Min = 4.55, SP = 0.58). Ini diikuti dengan sikap guru yang sentiasa memberi peluang kepada pelajar untuk mencuba dengan nilai Min dan SP yang tinggi (Min = 4.52, SP = 0.67). Guru sentiasa berbincang hal berkaitan pelajaran (Min = 4.42, SP = 0.64), Guru menggunakan alat Bantu mengajar (Min = 4.04, SP = 1.05), Guru mengakhiri pengajaran dengan penilaian (Min = 3.75, SP = 0.90). Guru sentiasa memberi latihan berada pada peringkat paling rendah (Min 3.68, SP = 0.75). Dapatkan ini menunjukkan kaedah pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran guru di dalam

kelas KKQ dari persepsi pelajar adalah tinggi dengan nilai purata Min dan SP (Min = 4.16, SP = 0.76)

**4.4 Mengkaji dan menyelidik keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di kelas KKQ**

Analisia pada bahagian ini melibatkan kajian terhadap responden berkaitan lima subjek penting dalam kurikulum Kelas Khas Kemahiran Al-Qur'an, iaitu Bahagian Tajwid Al-Qur'an, Bahagian Ulum Al-Qur'an, Bahagian Qiraat Sab'ah, Bahagian Hafazan Al-Qur'an dan Bahagian Taranum Al-Qur'an. Disamping itu pengkaji menjadikan dapatan hasil soalan bertulis responden sebagai satu lagi elemen penting dalam menilai keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran guru di dalam kelas. Pengkaji masih menggunakan Jadual 4.17 (*lihat muka surat 74*) sebagai perbandingan tahap penguasaan pelajar bagi mengesan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di kelas KKQ.

**Soalan 3 (a): Apakah tahap penguasaan pelajar dalam bidang Tajwid al-Qur'an**

**Jadual 4.26**  
**Bahagian Tajwid Al-Qur'an**

Item	Persepsi Pelajar Terhadap	Sangat	Lemah	Sederhana	Baik	Sangat	Min	SP
		Lemah	(%)	(%)	(%)	Baik		
23	Tahap penguasaan saya terhadap hukum-hukum Mad	0	5 (0.00%)	37 (7.1%)	25 (52.9%)	3 (35.7%)	3 .37	0.68
24	Tahap penguasaan saya dalam Tajwid al-Azan wa al-Iqamah	0	4 (0.00%)	34 (5.7%)	24 (48.6%)	8 (34.3%)	3.51	0.77

Jadual 4.26, memaparkan persepsi pelajar terhadap keupayaan diri menguasai Ilmu Dalam Kemahiran al-Quran. Iaitu keupayaan dalam Bidang Tajwid al-Quran. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa tahap keupayaan pelajar dalam penguasaan Hukum-Hukum Mad menghasilkan Min=3.51 dan SP=0.68) dimana tahap *Sederhana* mewakili jumlah

yang ramai iaitu 37 orang (52.9%), diikuti tahap *Baik*, 25 orang (35.7%), Tahap *Lemah* 5 orang (7.1%), tahap *Sangat Baik* 3 orang (4.3%) dan tiada pelajar berada pada tahap *Sangat Lemah*. Jadual di atas juga memaparkan tahap penguasaan pelajar dalam Tajwid al-Azan wa al-Iqamah dimana tahap *Sederhana* masih mewakili jumlah yang ramai iaitu 34 orang (48.6%), tahap *Baik* 24 orang (34.3%), tahap *Sangat Baik* meningkat kepada 8 orang (11.4%), tahap *Lemah* menurun kepada 4 orang (5.7%) dan tiada pelajar yang berada dikelompok tahap *Sangat Lemah*. Keseluruhannya hasil dapatan menunjukkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas KKQ untuk item Tajwid adalah adalah sederhana dengan purata Min dan SP ialah (Min=3.44, SP=0.72).

**Soalan 3 (b): Apakah tahap penguasaan pelajar dalam bidang ‘Ulum al-Qur’an al-Qur’an**

**Jadual 4.27**  
*Bahagian ‘Ulum Al-Qur’an*

Bil	Persepsi Pelajar Terhadap	Sangat Lemah	Lemah	Sederhana	Baik	Sangat Baik	Min	SP
		%	%	%	%	%		
25	Tahap pengetahuan saya tentang Sejarah Penulisan al-Qur'an di zaman Rasulullah dan zaman sahabat	1 (1.4 %)	12 (17.1 %)	42 (60.0%)	15 (21.4%)	0 (0.00%)	3.01	0.67
26	Tahap pengetahuan saya tentang Sejarah Mushaf al-Imam	2 (2.9 %)	32 (45.7 %)	34 (48.6 %)	2 (2.9 %)	0 (0.00%)	2.51	0.60
27	Tahap pengetahuan saya tentang Tartil al-Qur'an	1 (1.4 %)	17 (24.3 %)	42 (60.0%)	9 (12.9%)	1 (1.4 %)	2.85	0.69
28	Tahap pengetahuan saya tentang hikmah penurunan al-Qur'an secara beransur-ansur	0 (0.00%)	14 (20.0 %)	28 (40.0 %)	22 (31.4%)	6 (8.6 %)	3.28	0.88
29	Tahap pengetahuan saya tentang Asbab al-Nuzul	2 (2.9%)	15 (21.4%)	41 (58.6%)	10 (14.3%)	2 (2.9 %)	2.92	0.76
30	Tahap pengetahuan saya tentang Ayat Makkiiyah dan Ayat Madaniyyah	1 (1.4 %)	19 (27.1%)	27 (38.6 %)	20 (28.6%)	3 (4.3 %)	3.07	0.88

Jadual 4.27, memaparkan persepsi pelajar terhadap keupayaan diri mereka dalam menguasai bahagian ‘Ulum al-Quran. Penguasaan pelajar terhadap Hikmah Penurunan al-Qur'an Secara Beransur-Ansur adalah paling tinggi (Min = 3.28, SP = 0.88), diikuti Ayat Makkiyyah dan Ayat Madaniyyah (Min = 3.07, SP = 0.88), Sejarah Penulisan al-Qur'an di Zaman Rasulullah dan Zaman Sahabat (Min = 3.01, SP = 0.67), Asbab al-Nuzul (Min = 2.92, SP = 0.76), Tartil al-Qur'an (Min = 3.85, SP = 0.69) dan yang terendah sekali ialah penguasaan bab Sejarah Mushaf al-Imam (Min = 2.51, SP = 0.60). Dapatkan kajian menunjukkan tahap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam bahagian ‘Ulum al-Qur'an adalah sederhana dengan purata Min dan SP ialah (Min=2.94, SP=0.75).

### **Soalan 3 (c): Apakah tahap penguasaan pelajar dalam bidang Qiraat as-Sab'ah**

**Jadual 4.28**  
*Bahagian Qiraat as-Sab'ah*

Bil	Persepsi Pelajar Terhadap	Sangat		Sederhana	Baik	Sangat	Min	SP
		Lemah	%	%	%	Baik		
31	Tahap pengetahuan saya tentang Tajwid al-Qiraat	1 (1.4 %)	14 (20.0 %)	39 (55.7%)	15 (21.4%)	1 (1.4 %)	3.00	0.73
32	Tahap penguasaan Qiraat Sab'ah saya dalam membaca surah al-Kafirun	2 (2.9 %)	18 (25.7 %)	43 (61.4 %)	5 (7.1 %)	2 (2.9 %)	2.81	0.72
33	Tahap penguasaan Qiraat Sab'ah saya dalam membaca surah al-Nasr	2 (2.9%)	19 (27.1%)	36 (51.4%)	12 (17.1%)	1 (1.4 %)	2.87	0.77
34	Tahap penguasaan Qiraat Sab'ah saya dalam membaca surah al-Masad	3 (4.3 %)	23 (32.9%)	40 (57.1 %)	3 (4.3 %)	1 (1.4 %)	2.65	0.69

Jadual 4.28, memaparkan persepsi pelajar terhadap keupayaan diri menguasai Ilmu Dalam Kemahiran al-Quran. Iaitu keupayaan dalam Bidang Qiraat Sab'ah al-Quran. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa tahap keupayaan yang paling tinggi (Min=3.00, SP=0.73) iaitu dalam bahagian Tajwid al-Qiraat dan yang paling rendah ialah pada

bahagian membaca surah al-Masad dengan Qiraat Sap'ah (Min = 2.65, SP = 0.69). Penguasaan pelajar dalam membawa Qiraat Sab'ah ketika membaca surah al-Nasr ialah, Min = 2.87, SP = 0.77 dan surah al-Kafirun pula ialah, Min = 2.81, SP = 0.72). Dapatan kajian menunjukkan tahap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di kelas KKQ untuk bahagian Qiraat al-Sab'ah adalah sederhana dengan purata Min (Min=2.83, SP=0.72)

**Soalan 3 (d): Apakah tahap penguasaan pelajar dalam bidang Hafazan al-Qur'an**

**Jadual 4.29**  
*Bahagian Hafazan al-Qur'an*

Bil	Perkara	Sangat Lemah	Lemah	Sederhana	Baik	Sangat Baik	Min	SP
		%	%	%	%	%		
35	Tahap kemampuan saya Menghafaz surah al-Waqi'ah	1 (1.4 %)	9 (12.9 %)	40 (57.1%)	18 (25.7%)	2 (2.9 %)	3.15	0.73
36	Tahap kemampuan saya Menghafaz surah Nuh	8 (11.4%)	27 (38.6 %)	27 (38.6 %)	7 (10.0%)	1 (1.4 %)	2.51	0.88

Jadual 4.29, memaparkan persepsi pelajar terhadap keupayaan diri menguasai Ilmu Dalam Kemahiran al-Quran. Iaitu keupayaan dalam Bidang Hafazan al-Quran. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap keupayaan yang paling tinggi (Min=3.15, SP=0.73) dalam item Tahap kemampuan menghafaz surah al-Waqi'ah, dalam diikuti item kemampuan menghafaz Surah Nuh (Min = 2.51, SP = 0.88). Dapatan kajian menunjukkan tahap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di kelas KKQ untuk bahagian ini (Bidang Hafazan al-Quran) adalah sederhana dengan purata Min dan SP (Min=2.83, SP=0.80).

**Soalan 3 (e): Apakah tahap penguasaan pelajar dalam bidang Taranum al-Qur'an**

**Jadual 4.30**  
*Bahagian Taranum Al-Qur'an*

Bil	Perkara	Sangat Lemah	Lemah	Sederhana	Baik	Sangat Baik	Min	SP
		%	%	%	%	%		
37	Tahap penguasaan saya tentang Taranum Nahawand	6 (8.6 %)	13 (18.6 %)	40 (57.1%)	9 (12.9%)	2 (2.9 %)	2.82	0.86
38	Tahap penguasaan saya tentang Taranum Rast	7 (10.0%)	19 (27.1 %)	39 (55.7 %)	4 (5.7 %)	1 (1.4 %)	2.61	0.80
39	Tahap penguasaan saya dalam menggabungkan Taranum Bayati,Nahawand dan Rast	12 (17.1%)	13 (18.6%)	35 (50.0%)	9 (12.9%)	1 (1.4 %)	2.62	0.96

Jadual 4.30, memaparkan persepsi pelajar terhadap keupayaan diri menguasai Ilmu Dalam Kemahiran al-Quran. Iaitu keupayaan dalam Bidang Tarannum al-Quran. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa tahap keupayaan yang paling tinggi (Min=2.82, SP=0.86) dalam item Taranum Nahawand, diikuti item Menggabungkan Taranum Bayati, Nahawand dan rast (Min = 2.62, SP = 0.96). Manakala penguasaan pelajar dalam item Taranum Rast adalah paling rendah (Min = 2.61, SP = 0.80). Dapatkan kajian menunjukkan tahap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di kelas KKQ untuk bahagian ini (Bidang Tarannum al-Quran) adalah sederhana dengan purata Min dan SP (Min=2.68, SP=0.87)

**Soalan Kajian 4 : Apakah Tahap Penguasaan Pelajar Dalam Bidang-bidang Kemahiran al-Quran (KKQ) ?**

Sebelum analisis soalan kajian 4 dijawab melalui huraian dapatan, pengkaji terlebih dahulu menunjukan jadual Gred Pemarkahan Penilaian Menengah Rendah (PMR) sebagai rujukan tahap pencapaian pelajar dalam ujian bertulis yang dijalankan seperti jadual di bawah. ( Jadual 4.31 ).

Jadual 4.31:

*Jadual Gred Pemarkahan Penilaian Menengah Rendah (PMR).*

MARKAH	PERINGKAT	TAKRIF
75% hingga 100%	A	Cemerlang
65% hingga 74%	B	Kepujian
50% hingga 64%	C	Baik
40% hingga 49%	D	Mencapai tahap penguasaan minimum
0% hingga 39%	E	Tidak mencapai tahap penguasaan minimum
Tidak hadir	T	Tidak hadar

Bagi mendapatkan data untuk menjawab soalan yang berkaitan dengan tahap pencapaian pelajar dalam bidang-bidang kemahiran al-Quran, pengkaji telah membentuk satu set soalan bertulis (lihat lampiran F ) mengikut sukanan pelajaran tingkatan dua dan mengadakan ujian tersebut dan dapatannya adalah seperti berikut:

Jadual 4.32 :

*Tabuaran Gred dan Peratus pencapaian Responden dalam Ujian bertulis Kemahiran al-Quran.*

Gred	N	Peratus
A	00	(00.00%)
B	09	(12.85%)
C	15	(21.42%)
D	21	(30.0 %)
E	25	(35.71%)
T	00	(00.00%)
Total	70	(100%)

Berdasarkan Jadual 4.32 di atas, dapatan kajian menunjukkan taburan gred dan peratus pencapaian responden dalam ujian bertulis Kemahiran al-Quran. Didapati tiada seorang responden (00.00%) mendapat gred A, N=09 (12.58%) responden mendapat gred B, N=15 (21.42%) responden mendapat gred C, N=21 (30.0%) responden mendapat gred D dan seramai N=25 (35.71%) responden mendapat gred F (Gagal) iaitu jumlah yang paling ramai. Walaubagaimanapun secara keseluruhannya didapati pencapaian responden

dalam ujian bertulis Kemahiran al-Quran adalah di tahap baik atau “GRED C” iaitu jumlah purata 54.4%.

#### 4.5 Mengkaji dan menyelidik masalah pelaksanaan kelas KKQ di sekolah

Dalam mengkaji masalah berkaitan pelaksanaan kelas KKQ, pengkaji mengambil kira pandangan daripada dua pihak iaitu responden pelajar dan guru. Berdasarkan suasana, masa, tempat, kurikulum KKQ, kemahiran guru serta minat pelajar maka pengkaji membina soalan-soalan terhadap responden bagi menghurai permasalahan yang dihadapi dalam pelaksanaan kelas KKQ di sekolah. Pengkaji masih menggunakan Jadual 4.17 (*lihat muka surat 74*) sebagai perbandingan tahap masalah pelaksanaan kelas KKQ.

#### **Soalan 5 (a): Apakah masalah pelajar dalam menguasai kemahiran al-Qur'an**

**Jadual 4.33**  
*Persepsi Pelajar terhadap masalah dalam menguasai kemahiran al-Qur'an*

Bil	Perkara	Sangat Tidak Setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat Setuju		
		%	%	%	%	%		
48	Saya berpendapat bilik kelas yang digunakan tidak selesa dan tidak sesuai	20 (28.6%)	22 (31.4 %)	19 (27.1%)	7 (10.0%)	2 (2.9 %)	2.27	1.07
49	Saya berpendapat isi kandungan pelajaran terlalu banyak	6 (8.6 %)	16 (22.9 %)	23 (32.9%)	14 (20.0%)	11 (15.7%)	3.11	1.18
50	Saya berpendapat kemahiran yang diajar terlalu tinggi	6 (8.6 %)	19 (27.1%)	26 (37.1%)	12 (17.1%)	7 (10.0%)	2.92	1.09
51	Saya berpendapat masa pengajaran adalah tidak sesuai	10 (14.3%)	21 (30.0 %)	19 (27.1%)	12 (17.1%)	8 (11.4%)	2.81	1.21
52	Saya mendapati guru kerap membatalkan kelas	20 (28.6%)	27 (38.6 %)	13 (18.6 %)	10 (14.3%)	0 (0.00%)	2.18	1.01
53	Saya berpendapat guru kurang berkemahiran	46 (65.7%)	22 (31.4%)	2 (2.9%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)	1.37	0.54
54	Saya mendapati penerangan guru tidak jelas dan sukar untuk Difahami	29 (41.4%)	24 (34.3 %)	14 (20.0%)	1 (1.4 %)	2 (2.9 %)	1.90	0.96
55	Saya mendapati guru tidak menggunakan bahan bantu mengajar (OHP, TV, LCD, VCD, Komputer dan sebagainya)	26 (37.1%)	21 (30.0 %)	15 (21.4 %)	3 (4.3 %)	5 (7.1 %)	2.14	1.18

Berdasarkan Jadual 4.33 di atas, masalah utama responden dalam menguasai kemahiran al-Qur'an ialah isi kandungan pelajaran terlalu banyak (Min = 3.11, SP = 1.18), ikuti item kemahiran yang diajar terlalu tinggi (Min = 2.92, SP = 1.09), masa pengajaran adalah tidak sesuai (Min = 2.81, SP = 1.21), bilik kelas yang digunakan tidak selesa dan tidak sesuai (Min = 2.27, SP = 1.07), guru kerap membatalkan kelas (Min = 2.18, SP = 1.01), guru tidak menggunakan bahan bantu mengajar (Min = 2.14, SP = 1.18), penerangan guru tidak jelas dan sukar difahami (Min = 1.90, SP = 0.96) dan yang paling rendah sekali terhadap masalah responden dalam menguasai kemahiran al-Qur'an ialah item guru kurang berkemahiran (Min = 1.37, SP = 0.54). Dapatan ini menunjukkan masalah pelaksanaan kelas KKQ yang membawa kesan penguasaan pelajar terhadap kemahiran al-Qur'an dari persepsi pelajar adalah sederhana dengan purata Min dan SP (Min = 2.34, SP = 0.98)

### **Soalan 5 (b): Apakah persepsi guru terhadap masalah pengajaran dan pembelajaran kelas KKQ**

Jadual 4.34

*Persepsi guru terhadap masalah pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas KKQ*

Bil	Perkara	Sangat Tidak Setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat Setuju	Min	SP
		%	%	%	%	%		
26	Pelajar yang terpilih bukan berdasarkan minat sendiri	0 (0.00%)	0 (0.00 %)	0 (0.00%)	3 (100.0%)	0 (0.00%)	4.00	0.00
27	Bilik khas yang tidak kondusif	0 (0.00%)	2 (66.7 %)	0 (0.00 %)	0 (0.00%)	1 (33.3%)	3.00	1.73
28	Bahan bantu mengajar sukar didapati	0 (0.00%)	1 (33.3%)	0 (0.00%)	2 (66.7%)	0 (0.00%)	3.33	1.15
29	Jadual waktu pengajaran yang tidak sesuai	0 (0.00%)	1 (33.3 %)	0 (57.1%)	1 (33.3%)	1 (33.3%)	3.66	1.52
30	Kurang sokongan dari pihak pentadbir	0 (0.00%)	2 (66.7 %)	1 (33.3 %)	0 (0.00%)	0 (0.00%)	2.33	0.57
31	Anda kurang kemahiran KKQ	0 (0.00%)	2 (66.7%)	1 (33.3%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)	2.33	0.57

Berdasarkan jadual 4.34 di atas, masalah utama dalam perlaksanaan kelas KKQ adalah pelajar yang terpilih bukan berdasarkan minat sendiri (Min = 4.00, SP = 0.00), diikuti masalah jadual waktu pengajaran yang tidak sesuai (Min = 3.66, SP = 1.52), bahan bantu mengajar sukar didapati (min = 3.33, SP = 1.15), bilik kelas yang tidak kondusif (Min = 3.00, SP = 1.73), manakala masalah kurang sokongan dari pihak pentadbir dan responden kurang kemahiran KKQ mencatat nilai yang sama (Min 2.33, SP = 0.57). Dapatkan ini menunjukkan masalah pelaksanaan kelas KKQ yang membawa kesan pengajaran guru terhadap kemahiran al-Qur'an dari persepsi guru adalah sederhana dengan purata Min dan SP (Min = 3.11, SP = 0.92)

#### 4.5 Kesimpulan

Setelah dianalisa data daripada responden, maka hasilnya boleh dibahagikan berdasarkan objektif kajian dan soalan yang dibina.

1. Keupayaan responden dalam menguasai al-Qur'an
  - a. Kebolehan mengenal huruf *hijaiyah* dan membaca kalimah al-Quran adalah tinggi
  - b. Kebolehan membaca surah-surah secara bertajwid dan kebolehan mengesan kesalahan orang lain adalah sederhana
  - c. Kebolehan mengenal tanda-tanda bacaan dan pengetahuan Ilmu Tajwid adalah sederhana
  - d. Kebolehan menghafaz surah-surah lazim adalah sederhana
2. Pelaksanaan Kelas Khas Kemahiran al-Qur'an di sekolah
  - a. Sokongan yang kuat dari pihak Pejabat Pelajaran Daerah, pentadbir sekolah, Persatuan Ibu Bapa (PIBG) dan sambutan pelajar adalah tinggi

- b. Kursus-kursus yang diadakan untuk guru-guru KKQ adalah sederhana membantu melaksanakan kelas KKQ serta memberi input berguna untuk guru-guru KKQ
  - c. Guru-guru memperbaikan kaedah pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas KKQ adalah tinggi
  - d. Kaedah guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas KKQ dari persepsi pelajar adalah tinggi
- 3. Tahap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran guru
  - a. Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas KKQ untuk bidang Tajwid adalah sederhana
  - b. Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam bidang ‘Ulum al-Qur’an adalah aederhana
  - c. Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di kelas KKQ untuk bidang Qiraat al-Sab’ah adalah sederhana
  - d. Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di kelas KKQ untuk bidang Hafazan al-Quran adalah sederhana
  - e. Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di kelas KKQ untuk bidang Taranum al-Quran adalah sederhana
  - f. Keberkesanan kesemua lima bidang kurikulum KKQ berdasarkan ujian bertulis adalah di tahap baik.
- 4. Masalah pengajaran dan pembelajaran di Kelas Khas kemahiran al-Qur’an.
  - a. Masalah pelaksanaan kelas KKQ yang membawa kesan penguasaan pelajar terhadap kemahiran al-Qur’an dari persepsi guru adalah sederhana

- b. Masalah pelaksanaan kelas KKQ yang membawa kesan penguasaan pelajar terhadap kemahiran al-Qur'an dari persepsi pelajar adalah sederhana

Berdasarkan dapatan kajian di atas, pengkaji akan membuat rumusan serta memberi cadangan kepada pihak-pihak yang berkaitan bagi memantapkan lagi pelaksanaan kelas KKQ serta mengurangkan masalah yang timbul pada bab yang akan datang.

# **BAB 5**

## **BAB 5**

### **RUMUSAN DAN CADANGAN**

#### **5.0 Pendahuluan**

Objektif utama kajian ini ialah untuk mengenalpasti tahap penguasaan pelajar terhadap kemahiran al-Qur'an, kaedah pelaksanaan dan keberkesanan serta masalah yang timbul di Kelas Khas Kemahiran al-Qur'an di sekolah. Prosedur untuk mendapatkan data telah disempurnakan melalui soal selidik dan ujian bertulis terhadap responden. Dapatkan hasil daripada data yang diperolehi telah dikupas dengan jelas dalam bab empat. Dalam bab ini iaitu bab yang terakhir, pengkaji akan membuat rumusan dapatan kajian yang telas dihuraikan dalam bab yang lepas, di samping mengemukakan beberapa cadangan untuk meningkatkan dan memudahkan lagi pelaksanaan kelas KKQ di sekolah, memaksimakan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran guru di dalam kelas serta meminimakan masalah-masalah yang mencacatkan objektif penubuhan kelas KKQ itu sendiri sama ada di peringkat sekolah, Jabatan Pelajaran Negeri dan Kementerian Pelajaran Malaysia.

#### **5.1 Ringkasan kajian**

Tujuan kajian ini ialah untuk mengenalpasti tahap penguasaan, kaedah pelaksanaan, keberkesanan serta permasalahan yang timbul daripada kelas KKQ di sekolah. Untuk melihat tahap penguasaan, kaedah pelaksanaan serta masalahnya, maka pengkaji telah mendapatkan maklumat dari responden yang mampu melihat dan menilai kesungguhan serta minat dari pihak pentadbir, PIBG dan pelajar itu sendiri serta sokongan yang kuat dari Pejabat Pelajaran Daerah. Keberkesanan kelas KKQ pula diukur dari tahap penguasaan pelajar dalam kemahiran al-Quran. Untuk melihat keupayaan penguasaan mereka dalam kemahiran al-Quran, pelajar telah diberikan ujian bertulis kemahiran al-

Quran dan soal selidik tentang kemampuan diri mereka dalam kemahiran al-Quran. Soalan ujian bertulis beserta dengan soal selidik yang ditadbir sendiri oleh pengkaji.. Data skor pencapaian pelajar dan soal selidik di analisa menggunakan statistik deskriptif seperti min, frekuensi dan peratusan.

## 5.2 Rumusan hasil kajian

Dapatan kajian yang dibincangkan dalam bab yang lepas dapat dirumuskan seperti berikut:

### 1. Keupayaan pelajar dalam menguasai al-Qur'an

Kebolehan pelajar mengenal huruf-huruf *hijaiyah* dan membaca kalimah al-Quran adalah baik. Manakala kebolehan membaca surah-surah secara bertajwid, kebolehan mengesan kesalahan orang lain, kebolehan mengenal tanda-tanda bacaan dan pengetahuan Ilmu Tajwid serta kebolehan menghafaz surah-surah lazim adalah sederhana. Dapatan ini menunjukkan pelajar yang berada di kelas KKQ adalah dari kalangan mereka yang telah mempunyai asas yang baik dalam al-Qur'an. Hasil dari soal selidik berkaitan data pelajar juga menunjukkan bahawa majoriti pelajar mendapat pendidikan dari sekolah agama diperingkat sekolah rendah iaitu seramai 62 orang atau 86.6 %. Dapatan tahap keupayaan pelajar ini adalah penting untuk menilai keberkesanan kelas KKQ nanti.

### 2. Pelaksanaan Kelas Khas Kemahiran al-Qur'an di sekolah

Kelas ini diadakan hasil dari kesedaran pihak pentadbir sekolah tentang perihal pentingnya pelajar diberi kemahiran jitu tentang al-Qur'an. Pelaksanaannya pula mendapat sokongan yang kuat dari pihak pihak Pejabat Pelajaran Daerah (PPD), Persatuan Ibu Bapa (PIBG) dan sambutan pelajar adalah sangat baik. Kursus-

kursus yang diadakan untuk guru-guru KKQ oleh pihak PPD, JPNS serta KPM adalah sederhana membantu kelancaran perjalanan kelas KKQ serta memberi input berguna untuk guru-guru KKQ memperbaikan kaedah pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di dalam. Kajian juga mendapati pelajar dapat menerima, memahami serta mengikuti kaedah guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

### 3. Tahap keberkesanannya pengajaran dan pembelajaran guru

Hasil soal selidik terhadap pelajar dari sudut kefahaman mereka terhadap pengajaran guru di dalam kelas bagi kesemua bidang dalam sukanan kemahiran al-Qur'an yang melibatkan bidang 'Ulum al-Qur'an, Qiraat al-Sab'ah, Tajwid, Hafazan al-Qur'an dan Taranum al-Qur'an adalah sederhana. Keberkesanannya pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas KKQ untuk bidang Tajwid adalah sederhana. Manakala ujian bertulis yang dilakukan ke atas pelajar, daripada 30 soalan yang bina, tidak ada seorang pelajar pun yang mendapat Gred A dan seramai 25 orang pelajar mendapat Gred F (gagal), namun secara keseluruhannya gred purata ujian berkenaan menunjukkan prestasi adalah "Baik"

### 4. Masalah pengajaran dan pembelajaran di Kelas Khas kemahiran al-Qur'an.

Masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar di Kelas Khas Kemahiran Al-Quran adalah berada di tahap sederhana di mana ianya melibatkan isi kandungan pelajaran terlalu banyak, kemahiran yang diajar terlalu tinggi, masa pengajaran adalah tidak sesuai, bilik kelas yang digunakan tidak selesa dan tidak kondusif, guru kerap membatalkan kelas, guru tidak menggunakan bahan bantu mengajar, penerangan guru tidak jelas dan sukar difahami.

Manakala masalah utama yang dinyatakan oleh guru dalam perlaksanaan kelas KKQ adalah pelajar yang terpilih bukan berdasarkan minat sendiri, diikuti masalah jadual waktu pengajaran yang tidak sesuai, bahan bantu mengajar sukar didapati, bilik kelas yang tidak kondusif. Sebaliknya guru-guru KKQ sentiasa mendapat sokongan dari pihak pentadbir sekolah. Bagaimanapun semua masalah di atas tidak boleh dijadikan penghalang untuk mendapat ilmu kemahiran Al-Quran kerana ianya boleh diatasi dengan kerjasama semua pihak bermula dengan diri pelajar sendiri, guru-guru, pihak sekolah seterusnya pihak Kementerian Pelajaran Malaysia..

Hasil pemerhatian pengkaji juga membuktikan masa pengajaran kelas KKQ mengundang perasaan tidak minat pelajar kerana ia berada diluar waktu persekolahan. Jika waktu persekolahan sesi pagi tamat pada pukul 1.10 petang, maka kelas KKQ akan diadakan pada pukul 3.00 petang. Ada sekolah yang tidak mempunyai bilik khas atau bilik khas yang tidak lengkap dengan bahan bantu mengajar malah ada ketikanya pelajar lebih banyak belajar di surau. Ada diantara pelajar juga memilih kelas ini hanya semata-mata mengikut kawan bukan kerana minat. Ini berdasarkan soal selidik yang membuktikan bahawa 7 orang pelajar (10%) memilih kelas KKQ bukan kerana minat sendiri.

### 5.3 Implikasi kajian

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini menunjukkan tahap pencapaian ujian bertulis pelajar dalam bidang kemahiran Al-Quran adalah di peringkat baik . Begitu juga dengan persepsi pelajar tentang keupayaan mereka dalam bidang ini adalah di peringkat baik dan sederhana pada bidang-bidang tertentu. Masalah-masalah yang dihadapi oleh

pelajar dan guru juga dilihat tidak besar dan ia masih mampu ditangani dengan baik dan berkesan. Implikasi daripada hasil kajian ini, pihak guru hendaklah mencari jalan untuk meningkatkan lagi pencapaian pelajar mereka dalam bidang-bidang yang mereka masih lagi lemah seperti Tarannum Al-Quran, Tajwid dan Hafazan

Keperbaikan kaedah pengajaran guru yang mampu menarik minat serta memudahkan pemahaman pelajar adalah dituntut kerana pelajar sememangnya telah mempunyai kemahiran asas yang diperlukan dan memantapkan lagi ilmu-ilmu berkaitan al-Qur'an. Disamping itu latihan yang berkala, berterusan serta memberi peluang kepada pelajar untuk mencuba merupakan suatu yang penting bagi bidang Taranum serta Hafazan al-Qur'an. Tanpa latihan mereka tidak mampu untuk mendakap dengan baik ilmu-ilmu tersebut.

#### 5.4 Cadangan Umum

Cadangan ini memberi penumpuan kepada beberapa pihak yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan Kelas Khas Kemahiran kemahiran Al-Quran iaitu :

##### 1. Jabatan Pelajaran Negeri dan Kementerian Pelajaran Malaysia

Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia dan Jabatan Pelajaran Negeri hendaklah mengambil kira segala perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan Kelas Khas Kemahiran al-Qur'an di sekolah melalui beberapa aspek berikut

- a. Kursus guru : perlu diperbanyak dan diperbaiki kepada guru-guru KKQ supaya mereka mendapat input yang mencukupi bagi mengajar kelas tersebut. Keperbaikan metodologi perlu diterapkan kepada guru untuk

dilaksanakan bagi mencapai objektif kementerian sendiri dalam penubuhan kelas tersebut.

- b. Bahan Bantu Mengajar: pihak berkaitan juga perlu menyediakan bahan Bantu Mengajar yang mencukupi serta menarik bagi menjamin keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran.
- c. Pemantauan: perlu dilakukan oleh pihak atasan, bukan hanya mengharap dari pihak pentadbir sahaja.
- d. Peperiksaan / Pensijilan: jadual peperiksaan tidak menggambarkan pentingnya aliran ini dan ramai masyarakat yang tidak tahu akan kewujudan kelas ini dan peperiksannya. Sepatutnya pihak kementerian membina jadual peperiksaan KKQ bersama-sama jadual peperiksaan PMR Pelajar lebih berasa teruja. Disamping itu pihak berwajib juga perlu memperjelaskan hala tuju bagi pelajar yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan bagi aliran ini.
- e. Sukatan pelajaran: merupakan antara masalah utama pelajar di mana terlalu banyak item yang diajar. Pihak berwajib perlu mengkaji dan menilai semula sukatana pelajaran supaya ia tidak membebankan pelajar serta mendatangkan kesan buruk ke atas pelajar. Biar sukatannya sederhana tetapi input yang diperolehi sangat membanggakan.

## 2. Pihak Pentadbir Sekolah

Pihak pentadbir sekolah hendaklah sentiasa perihatin dengan guru dan pelajar yang mengikuti kelas ini dengan sentiasa bertanya tentang masalah mereka, menyediakan kemudahan yang mencukupi dan membuat pemantauan

secara berkala supaya kelas ini dilaksanakan dengan oleh guru yang bertanggungjawab dengan lancar dan berkesan.

### 3. Guru Kelas Kemahiran Al-Quran

